

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.

**OPERASI PENYAMPAIAN DAKWAH MELALUI RADIO :  
KAJIAN KES DI KABUPATEN WAJO**

**BADRUDDIN**

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2019**



Awang Had Salleh  
Graduate School  
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(*Certification of thesis / dissertation*)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(*We, the undersigned, certify that*)

**BADRUDDIN MUHAMMAD KADDAS**

calon untuk Ijazah

**PhD**

(*candidate for the degree of*)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:

(*has presented his/her thesis / dissertation of the following title:*)

**“OPERASI PENYAMPAIAN DAKWAH MELALUI RADIO: KAJIAN KES DI KABUPATEN WAJO”**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(*as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation.*)

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **05 Disember 2018.**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:*

**December 05, 2018.**

Pengerusi Viva:  
(*Chairman for VIVA*)

**Assoc. Prof. Dr. Mohd Isha Awang**

Tandatangan  
(*Signature*)

Pemeriksa Luar:  
(*External Examiner*)

**Prof. Dr. Ahmad Tarmizi Talib**

Tandatangan  
(*Signature*)

Pemeriksa Dalam:  
(*Internal Examiner*)

**Prof. Dr. Shukri Ahmad**

Tandatangan  
(*Signature*)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:  
(*Name of Supervisor/Supervisors*)

**Assoc. Prof. Dr. Ismail Hj Ishak**

Tandatangan  
(*Signature*)

Tarikh:

(*Date*) **December 05, 2018**

## **Kebenaran Mengguna Tesis**

Bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk memperolehi Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya bersetuju bahawa bagi tujuan kesarjanaan, penyelia-penyelia saya atau jika ketiadaan beliau, Dekan Awang Had Salleh Graduate School Arts and Sciences, diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan tidak dibenarkan kecuali pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang kutipan daripada tesis ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada :

Dekan Dekan Awang Had Salleh Graduate School Arts and Sciences  
UUM College of Art and Sciences  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman

## Abstrak

Radio Suara As'adiyah Sengkang Kabupaten Wajo Propinsi Sulawesi Selatan adalah medium utama pilihan masyarakat sejak tahun 1978 walaupun terdapat medium lain yang terkini dan mudah diperolehi. Pengaruh yang agak dominan ini dibantu oleh metod penyampaian dan kandungan maklumat dakwah yang disediakan. Tujuan kajian ini adalah mengenalpasti cara penyampaian dakwah, menghurai kandungan maklumat dakwah yang disediakan, mengetahui tahap penerimaan pengaruh dakwah dan menganalisis tahap perubahan sikap masyarakat terhadap penyampaian dakwah melalui Radio Suara As'adiyah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah sampel bertujuan dan penentuan responden dengan cara bola salji di tiga wilayah di Kabupaten Wajo yang merangkumi satu wilayah kitaran stesyen radio dan dua wilayah jangkauan siaran dengan bilangan 92 orang responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah dipengaruhi oleh faktor kecekapan juruhebah dan pendakwah kerana penyampaiannya yang teratur, sistematik dan mudah difahami. Selain itu kandungan dakwah bersesuaian dengan kehidupan seharian masyarakat seperti akidah, syariah dan akhlak. Tambahan pula waktu siaran keudara secara langsung selepas solat maghrib dan selepas solat subuh juga mempengaruhi kejayaan penyampaian dakwah, di samping wujudnya sesi soal jawab antara pendengar dan penyampai. Secara keseluruhannya siaran dakwah Radio Suara As'adiyah ini mampu membawa perubahan positif terhadap gelagat dan sikap masyarakat. Oleh itu siaran dakwah Radio Suara As'adiyah ini perlu dikekalkan kerana ia masih relevan dengan kehendak masyarakat yang sentiasa inginkan penambahan ilmu bersifat semasa untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka.

**Kata kunci :** Radio As'adiyah, Media Maklumat, Penyampaian Dakwah, Masyarakat Wajo.

## **Abstract**

The development of electronic media together with the progress of information technology. Development and engineering changes occur accelerated technology that is increasingly rising. The time span finding of radio and television black and white are necessary a long time. However, the further development of the invention of color television is starting to come to the discovery of internet communication technology, thus changing very fast. Radio as a medium of information has been used by an existing boarding school As'adiyah in Wajo South Sulawesi. The education system in boarding school is the system of non-formal education and informal education systems. Non-formal education system implemented in the form of boarding school recitation Boarding As'adiyah. This research seeks to analyze the operations of delivering propaganda through radio, study to the Radio Suara As'adiyah Sengkang to get an overview of the effectiveness of the objective of religious information submitted through the Radio Suara As'adiyah Sengkang. The investigation into the evaluation to boarding school especially principles Radio Suara As'adiyah for opportunities and opposition in the dakwah broadcast by Radio. Propose improvement process of delivering propaganda through radio, especially Radio Suara As'adiyah. Research done. This study used a qualitative approach. Qualitative methods used in this research because of concerns that the investigation is very complex, dynamic and full of meaning. This method is used by researchers to get deep understanding of the methods of delivery, content material dakwah Radio Suara As'adiyah, how stature the source in this case clerics teacher / scholars who are at boarding school As'adiyah. Next will be in-depth study of the effectiveness of the delivery of the propaganda who served. The effectiveness of the delivery of the missionary is the announcer on the expertise, scientific credibility and stature of the speakers, the content of the material presented. The Radio suara As'adiyah have announcer that understand knowledge understand in hosting the event. Speakers are selected based on scientific and exemplary of the Bugis community gurutta call. The findings further that propaganda material presented is always based on the classic reference books to explain kontenporer.

**Keywords:** Radio As'adiyah, Media information, Presentation propaganda

## **Penghargaan**

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang, selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, saya memanjat kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmat-Nya maka saya boleh menyelesaikan tesis ini.

Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Ismail B Hj. Ishak di atas segala sokongan, bimbingan, galakan dan nasihat daripada para penyelia di semua peringkat dalam menyiapkan tesis ini.

Bimbingan penyelia merupakan intipati utama bagi menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak di Universiti Utara Malaysia terutamanya pihak Pengurusan Awang Had Salleh, UUM CAS yang telah membantu dalam urusan pentadbiran pengajian saya.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Universiti Islam Makassar yang telah memberi kesempatan kepada saya bagi melanjutkan pengajian peringkat Ph.D di Universiti Utara Malaysia. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Kerajaan Negeri Sulawesi Selatan yang telah memberi bantuan pembiayaan kepada saya bagi melanjutkan dan menyelesaikan pengajian peringkat Ph.D di Universiti Utara Malaysia.

Seterusnya ucapan penghargaan kepada Pondok Pesantren As'adiyah, Radio Suara Asadiyah yang telah memberikan keizinan dan kesempatan kepada saya menjalankan penyelidikan. Penghargaan juga kepada ibu bapa saya H.M.Kaddas (Alm) dan Hj. Sarafah serta mentua K.H.M.Yahya dan Hj. Ummul Khair yang selalu mendoakan kejayaan saya. Akhir sekali penghargaan juga kepada Isteri tercinta Nailah Yahya, S.Ag., M.Ag. dan anak saya, Zahirah Nasywa Badruddin yang telah memberikan

sokongan dalam usaha melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia.

## Senarai Kandungan

Kebenaran Mengguna Tesis.....	ii
Abstrak .....	iii
Abstract .....	iv
Penghargaan .....	v
Senarai Kandungan .....	vi
Senarai Jadual .....	ix
Senarai Rajah .....	x
Senarai Singkatan.....	xii
Glosari .....	xiii
BAB SATU PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Pernyataan Masalah .....	7
1.3 Objektif Kajian.....	8
1.4 Persoalan Kajian .....	9
1.5 Kerangka Kajian .....	9
1.6 Kepentingan Kajian .....	13
1.7 Ulasan Karya.....	14
1.8 Definisi Konsep .....	17
1.9 Metodologi Kajian .....	19
1.9.1 Reka Bentuk Kajian .....	19
1.9.2 Alasan Menggunakan Metode Kualitatif .....	19
1.9.3 Kaedah Pensampelan .....	21
1.9.4 Lokasi dan Segmen Kajian.....	23
1.9.5 Sumber Data Informan / Subjek Penyelidikan.....	33



1.9.6 Kaedah Memungut Data .....	35
1.9.7 Instrumen Penyelidikan.....	36
1.9.8 Teknik Analisis Data.....	38
1.9.9 Validity dan Objektivitas Data Penyelidikan.....	42
1.10 Rumusan .....	47

**BAB DUA KONSEP DAKWAH DAN SEJARAH RADIO SUARA AS'ADIYAH..... 48**

2.1 Pengenalan .....	48
2.2 Konsep Penyampaian Dakwah .....	48
2.3 Konsep Penyampaian Dakwah Melalui Media.....	51
2.4 Konsep Pendakwah/Dai .....	63
2.5 Konserp Khalayak Dakwah .....	94
2.6 Radio Sebagai Media Dakwah.....	100
2.7 Sejarah Radio Suara As'adiyah .....	106
2.8 Rumusan .....	113

**BAB TIGA KAEDAH PENYAMPAIAN DAN KANDUNGAN DAKWAH RADIO SUARA AS'ADIYAH..... 115**

3.1 Pengenalan .....	115
3.2 Kaedah Penyampaian Dakwah Radio Suara As'adiyah .....	115
3.3 Kandungan Dakwah Radio Suara As'adiyah.....	147
3.4 Rumusan .....	160

**BAB EMPAT TAHAP PENERIMAAN DAN PERUBAHAN PENDENGAR DAKWAH RADIO SUARA AS'ADIYAH ..... 161**

4.1 Pengenalan .....	161
4.2 Tahap Penerimaan Siaran Dakwah Radio Suara As'adiyah.....	161

4.3 Tahap Perubahan Sikap Masyarakat Setelah Mendengarkan Dakwah Radio Suara As'adiyah .....	185
BAB LIMA KESIMPULAN .....	193
5.1 Pengenalan .....	193
5.2 Kesimpulan .....	193
5.2.1 Cara Penyampaian Dakwah Radio Suara As'adiyah .....	193
5.2.2 Kandungan Dakwah Radio Suara As'adiyah .....	194
5.2.3 Tahap Penerimaan Dakwah Radio Suara As'adiyah dalam Kalangan Masyarakat.....	194
5.2.4 Tahap Perubahan Sikap daripada Penyampaian Dakwah Melalui Radio Suara As'adiyah.....	197
5.3 Cadangan .....	198
5.3.1 Pengurusan Pengelola Radio.....	198
5.3.2 Juruhebah .....	198
5.3.3 Pendakwah .....	198
5.4 Rumusan .....	198
BIBLIOGRAFI .....	200

## Senarai Jadual

Jadual 1.1	Luas Wilayah Kabupaten Wajo Tahun 2011 .....	26
Jadual 1.2	Jarak Antara Ibukota Kecamatan/Daerah ke Kabupaten .....	27
Jadual 1.3	Penduduk Kabupaten Wajo Mengikut Kecamatan/Daerah dan Jenis Kelamin Tahun 2011 .....	28
Jadual 1.4	Komposisi Penganut Agama Tahun 2011 .....	29
Jadual 1.5	Komposisi Tempat Ibadah Tahun 2011 .....	30
Jadual 3.1	Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Isnin .....	131
Jadual 3.2	Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Selasa .....	132
Jadual 3.3	Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Rabu .....	133
Jadual 3.4	Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Khamis .....	134
Jadual 3.5	Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Jumaat .....	135
Jadual 3.6	Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Sabtu .....	136
Jadual 3.7	Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Ahad .....	137
Jadual 3.8	Program Pengajian Pesantren Subuh .....	139
Jadual 3.9	Program Pengajian Pesantren Maghrib .....	142
Jadual 5.10	Nama-Nama Kitab Pengajian Radio Suara As'adiyah Sengkang	150

## Senarai Rajah

Rajah 1.1:	Unsur-unsur Dakwah dan Komunikasi .....	10
Rajah 1.2:	Kerangka Kajian .....	11
Rajah 1.3:	Snowball Sampling .....	21
Rajah 1.4:	Lokasi Kabupaten Wajo sumber : Software Google Earth.....	24
Rajah 1.5:	Alur Analisis Data .....	39
Rajah 1.6:	Komponen dalam analisis data ( <i>Interactive model</i> ) Direduksi dari Sugiyono (2010: 92) (Milles dan Huberman) .....	40
Rajah 1.7:	Uji Kredibilitas Data Sumber: Sugiyono (2014 : 122).....	44
Rajah 2.1:	Kerangka Pengalaman .....	64
Rajah 4.1:	Responden Berdasarkan Jantina.....	159
Rajah 4.2:	Responden Berdasarkan Umur .....	159
Rajah 4.3:	Responden Berdasarkan Pendidikan .....	160
Rajah 4.4:	Minat Mendengarkan Radio .....	161
Rajah 4.5:	Minat responden mendengarkan siaran Dakwah Radio Suara As'adiyah.....	162
Rajah 4.6:	Cara responden mendengarkan siaran Dakwah Radio Suara As'adiyah .....	164
Rajah 4.7:	Perhatian pendengar Radio Suara As'adiyah terhadap narasumber yang menyampaikan dakwah .....	165
Rajah 4.8:	Sikap masyarakat Kabuapten Wajo dalam menerima siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang.....	166
Rajah 4.9:	Sikap masyarakat dalam menerima materi yang disampaikan <i>da'i</i> .....	167
Rajah 4.10:	Keinginan mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah, karena tertarik oleh <i>da'i</i> tertentu (misalnya kerana cara penyampainnya?).....	168
Rajah 4.11:	Kegemaran masyarakat terhadap kandungan materi yang disampaikan melalui Radio Suara As'adiyah Sengkang .....	170
Rajah 4.12:	Sikap masyarakat Kabupaten Wajo ketika mendengarkan dakwah Radio Suara As'adiyah.....	171
Rajah 4.13:	Tindak balas sikap terhadap bahan dakwah yang disampaikan merupakan bahan (siaran) ulangan.....	172
Rajah 4.14:	Bahan dakwah yang baik untuk disiarkan di Radio Suara As'adiyah.....	173

Rajah 4.15:	Tindak balas masyarakat terhadap metode penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah.....	174
Rajah 4.16:	Daya tarikan antara metode penyampaian.....	175
Rajah 4.17:	Sikap masyarakat saat secara kebetulan metode dakwah yang disiarkan tidak disukai.....	176
Rajah 4.18:	Keberhasilan dakwah ditentukan oleh metode yang digunakan...	177
Rajah 4.19:	Mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang hanya pada waktu-waktu tertentu saja.....	178
Rajah 4.20:	Pengaruh daya tarikan waktu penyiaran untuk mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah.....	179
Rajah 4.21:	Keberhasilan siaran dakwah melalui radio daripada aspek waktu penyiarannya.....	180
Rajah 4.22:	Waktu-waktu penyiaran dakwah Radio Suara As'adiyah yang digemari.....	181
Rajah 4.23:	Aspek <i>da'i</i> , aspek materi, aspek metode dan aspek waktu menentukan keberhasilan dakwah melalui radio.....	182
Rajah 4.24:	Aspek yang sangat berpengaruh terhadap keberhasilan dakwah melalui radio.....	184
Rajah 4.25:	Sikap masyarakat setelah mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang.....	186
Rajah 4.26:	Perubahan yang terjadi pada masyarakat setelah mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah.....	188

## **Senarai Singkatan**

RSA	:	Radio Suara As'adiyah
Kab.	:	Kabupaten
Prop.	:	Propinsi
Sul-Sel	:	Sulawesi Selatan
Sekda.	:	Sekretaris Daerah
SMP	:	Sekolah Menengah Pertama
SMA	:	Sekolah Menengah Atas
SLTA	:	Sekolah Lanjutan Tingkat Atas

## Glosari

- Kiyai : Ahli agama Islam yang mengajarkan kitab Islam klasik kepada santri.
- Bugis : Adalah salah satu suku yang paling banyak di Propinsi Sulawesi Selatan Indonesia
- Anregurutta : Sebutan masyarakat bugis terhadap ulama yang memiliki pengetahuan yang mendalam terhadap agama Islam dan mampu membaca dan mengajarkan kitab kuning.
- Gurutta : Masyarakat Bugis menyebut kepada orang-orang yang mempunyai pengetahuan tentang Islam setingkat dibawah anregurutta.
- Ustaz : Sebuah panggilan yang biasanya disematkan kepada orang yang mengajar agama, guru agama pada levelnya. Posisi ustaz bagi masyarakat bugis level setingkat di bawah *gurutta*.
- Kitab Kuning : Kitab-kitab Islam klasik yang ditulis para ulama terhadulu yang mengandung ilmu pengetahuan agama Islam
- Pondok Pesantren : Lembaga pendidikan Islam disamping sekolah formal juga mengajarkan kitab kuning dengan sistem khalaqah.

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Penemuan dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah berkembang seiring dengan berkembangnya media elektronik. Oleh itu, kemajuan dan perubahan rekayasa teknologi turut berkembang dengan pesat. Walaupun jarak penciptaan radio dan televisyen hitam putih memerlukan jangka waktu yang cukup lama. Namun pada perkembangan selepas penemuan tersebut, khususnya selepas penciptaan televisyen berwarna hingga pada penemuan teknologi komunikasi Internet, ia telah mengalami perubahan yang sangat pesat. (Saeful Muhtadi 2012; 85)

Permulaan perkembangan radio tidak menjadi sebahagian daripada media komunikasi massa, akan tetapi radio telah melewati masa perkembangan yang panjang. Donal Mc Nicol telah menulis pada buku "*Radio's Congquest of Space*" menjelaskan bahawa kewujudan radio datang pada tahun 1802 apabila Dane mendapati penerimaan mesej pada jarak dekat dengan menggunakan peralatan sederhana seperti kawat letrik. (Effendi, 1991;21)

Kewujudan radio membuatkan komunikasi menjadi lebih cepat sampai kepada pendengar dengan kos yang murah. Kelebihan radio iaitu kesederhanaan dalam reka bentuknya sehingga mudah dibawa (*portability*) dan keupayaan tinggi untuk menjangkau khalayak yang sedang melakukan aktiviti lain, misalnya memandu kereta, berehat, bahkan pada saat sedang menikmati media massa lainnya. Sebuah kereta kini menjadi terasa tidak lengkap tanpa radio di dalamnya. Bahkan, seseorang yang sedang berselimut tebal seusai melaksanakan solat subuh pun dapatlah



merasakan kehangatan santapan rohani melalui radio kecil yang diletakkan di hujung telinganya.

Effendi (1991;34) menerangkan bahawa radio boleh menjangkau secara serentak kepada ramai orang pada masa yang sama dan ia mempunyai kesan yang serius terhadap politik, masyarakat, ekonomi, budaya, pendidikan dan ketenteraan. Meskipun terdapat negara yang menggunakan radio sebagai alat propaganda tetapi pada permulaan kemunculannya ia berfungsi untuk memberikan pendidikan dan hiburan pada khalayak.

Pada awalnya istilah propaganda berasal daripada nama suatu kegiatan penyiaran agama Katolik, iaitu "*Sacra Conregatio de Propaganda Fide*" yang dimulakan oleh Paus Gregorius XV di Roma pada tahun 1622. "*Sacra*" bererti suci, "*conregatio*" bererti himpunan, "*de*" adalah untuk "*propaganda*" bermakna penyebaran dan "*fide*" ertinya kepercayaan. (Effendi, 1991;34)

Istilah ini banyak dibahaskan oleh cendekiawan yang mengupas dan meneliti propaganda yang dapat kita baca dalam buku, majalah ilmiah atau penerbitan-penerbitannya. Banyak definisi propaganda yang ditampilkan, tetapi daripada definisi-definisi itu dapat disimpulkan bahawa "propaganda adalah usaha yang sistematis dan dilakukan berulang-ulang untuk mempengaruhi sikap, pandangan dan tingkah-laku seseorang atau sejumlah orang". (Effendi, 1991;35)

L. John Martin sebagaimana dalam (Effendi, 1991;35) telah mengkaji 26 definisi propaganda yang diketengahkan oleh para cendekiawan dalam buku dan penerbitan ilmiah. Ia menyatakan adanya kesepakatan bahawa propaganda adalah seni

mempengaruhi, menggerakkan, mengawal, mengembangkan, membujuk atau menjamin penerimaan pandangan, sikap, kegiatan atau tingkah laku.

Demikian halnya dengan dakwah yang memiliki aspek-aspek yang mempengaruhi dan mengawal kepada suatu sikap yang dikehendaki oleh dakwah. Namun, propaganda dan dakwah memiliki perbezaan yang ketara. Propaganda bersifat memaksa sedangkan dakwah sebaliknya (hanya mengajak), adapun pelaksanaannya terserah pada masyarakat (*Mad'u*). Firman Allah dalam QS. al-Nahl (16:125).

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِّهِمْ بِالتِّي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥

Ertinya :

‘Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahasalah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.’

Menurut Gazali (1997;13) aktiviti komunikasi dan dakwah saling melengkapi satu sama lain. Kehadiran aktiviti komunikasi membolehkan pelaksanaan dakwah. Begitu juga aktiviti dakwah yang membawa maksud melaksanakan fungsi komunikasi. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa antara komunikasi dan dakwah merupakan hubungan *causal* (sebab akibat), ertinya semakin berlaku proses komunikasi bererti semakin baik pula dakwah. Sebaliknya, berdakwah adalah kegiatan komunikasi yang membawa maksud semakin intensif kegiatan dakwah ia akan membawa kepada terjadinya komunikasi yang bermanfaat.

Komunikasi dan dakwah akan berlaku apabila manusia berada dalam keadaan berkelompok, atau lebih dari satu. Keadaan manusia seperti itu memungkinkan terdapat unsur-unsur dakwah yang sangat dominan, yakni adanya pendakwah (*Da'i*) dan penerima dakwah (*Mad'u*).

Perkara yang selari daripada kegiatan tersebut adalah terdapatnya media komunikasi dan media dakwah, yang mana ia merupakan gaya penyampaian bahan dakwah. Secara ringkas ia membawa maksud media komunikasi dan media dakwah pada hakikatnya adalah komunikasi dalam pengertian secara khusus.

Kepentingan dakwah mengenai kewujudan medium yang tepat sangat diperlukan, kerana melalui media, dakwah akan lebih mudah diterima oleh penerima dakwah (*Mad'u*). Penggunaan media dalam aktiviti dakwah menjadikan komunikasi antara pendakwah dan *Mad'u* dapat diterima dengan mudah. Oleh itu, aspek dakwah berkait rapat dengan *Mad'u*, yang bermakna bahawa kepelbagaian alat dakwah perlu menepati sasaran dakwah yang dituju. (Ghazali, 1997;12)

Begitu juga alat dan media dakwah memerlukan kesesuaian kemampuan bakat dan *Da'i*. Ia bermaksud bahawa pelaksanaan media dakwah mesti disokong oleh potensi *Da'i* kerana pada asasnya *Da'i* bertindak sebagai penyampai dakwah terhadap sasarannya manakala media dakwah hanya sebagai medium perantaraan antara kedua-dua pihak.

Dengan perkembangan teknologi maklumat, semakin banyak media yang muncul dan memungkinkan para pendakwah berusaha memanfaatkan media tersebut demi mencapai kesan-kesan dakwah yang diinginkan. Demikian juga kepada penerima dakwah (*Mad'u*), yang mana dengan perkembangan ini mereka mempunyai banyak

pilihan yang tersedia dalam menerima dakwah, baik melalui surat khabar, majalah, radio, TV atau media lain.

Dalam kegiatan dakwah menurut Ghazali (1997;37) untuk menyampaikan bahan dakwah dalam bentuk ucapan, ceramah atau kuliah membuat kewujudan radio menjadi sangat penting. Radio boleh menjangkau sasarannya di mana sahaja tanpa sebarang sekatan ruang. Oleh itu, radio merupakan media yang berkesan untuk penyampaian dakwah kepada *Mad'u*. Kelebihan dakwah melalui radio terletak pada kesan dan kecekapan pendakwah. Seterusnya disokong juga oleh reka bentuk radio yang memiliki bentuk sederhana. *Mad'u*

Kedudukan radio di tengah perkembangan teknologi maklumat masih tidak membuat para pendengar atau khalayak meninggalkan media ini. Asep Saeful Muhtadi:

“Kelahiran era baru dunia maklumat ini telah mengubah corak komunikasi maklumat masyarakat. Kebiasaan pelanggan dalam membaca media cetak berubah kerana perubahan aktiviti dengan menambah waktu lebih lama untuk mendengar radio. Bahkan, hadirnya media televisyen terbukti tidak mampu menggeser populariti radio sebagai media maklumat masyarakat dunia.”(Asep Saeful Muhtadi 2011; 85)

Radio sebagai media maklumat telah dimanfaatkan oleh salah satu lembaga pendidikan Islam iaitu Pondok Pesantren As'adiyah yang berada di Kabupaten Wajo Sulawesi Selatan. Sistem pendidikan di pesantren ini adalah sistem pendidikan tidak formal dan sistem pendidikan formal. Sistem pendidikan tidak formal dilaksanakan dalam bentuk pengajian pesantren. Pesantren As'adiyah mula-mula dirintis dan didirikan oleh KH. Muhammad As'ad (ulama Bugis yang lahir dan belajar di Makkah) pada tahun 1928. Ulama ini adalah perintis pergerakan Islam tradisional yang moderat di Sulawesi Selatan. KH. Muhammad As'ad adalah berteman baik

dengan KH. Hasyim Asy'ari (Pendiri Nahdlatul Ulama) ketika mereka belajar di Makkah. Oleh itu, cara pemikirannya sama dengan Nahdlatul Ulama iaitu Ahlussunnah wal Jamaah.

Pada tanggal 13 September 1968, K.H. Yunus Maratan (Pengurus Besar Pondok Pesantren As'adiyah di Sengkang Kabupaten Wajo) mendirikan Radio Suara As'adiyah sebagai medium Pesantren As'adiyah Sengkang untuk meluaskan penyebaran dakwah Islamiah. Sejak ke udara, Radio Suara As'adiyah telah menyampaikan pandangan keagamaan Pesantren As'adiyah, sebagai salah satu pesantren terbesar di Indonesia bagian timur. K.H. Yunus Martan merupakan pelajar generasi penerus yang paling berjaya memimpin pesantren ini. Selain berkembangnya pesantren, penubuhan pemancar radio merupakan idea yang baik yang belum pernah difikirkan oleh sesiapa pada waktu itu. Oleh itu, di Sulawesi Selatan K.H. Yunus Martan disebut sebagai ulama yang lahir sebelum zamannya kerana saat ketika radio belum terlalu popular, beliau terlebih dahulu telah merintis dan mengembangkan radio sebagai medium dakwah. Salah satu tujuan pendirian Radio Suara As'adiyah adalah sebagai alat pembinaan terhadap cabang-cabang Pesantren As'adiyah dan penyebaran dakwah Islam yang damai. (Nurdin, 2014)

Pada tahun 2010, ketika penulis berjalan melintasi beberapa buah wilayah di Kabupaten Wajo menuju ke Kota Makassar pada saat menjelang maghrib, penulis telah mendengar siaran radio Suara As'adiyah di dalam kereta sambil melalui beberapa masjid. Satu hal yang menarik ialah pengajian yang ada di masjid sama dengan apa yang penulis dengarkan melalui radio di kereta. Ini ternyata bahawa semua masjid yang dilewati terdapat pengajian yang sama kerana mereka menerima secara langsung dari siaran Radio Suara As'adiyah yang ke udara pada ketika itu.

Sehingga saat ini, Radio Suara As'adiyah masih menjadi pusat rujukan utama pada sebilangan masjid yang berada dalam jangkauannya. Maklumat dari radio ini dijadikan panduan masuknya waktu solat, seolah-olah pengurus masjid lebih mempercayai maklumat dari radio daripada jam yang menempel di dinding masjid. Azan dilaksanakan setelah Radio Suara As'adiyah menyiarkan azan yang disiarkan secara langsung dari Masjid Agung Sengkang. Selain azan, mesej-mesej dakwah yang disampaikan pada setiap waktu menjelang atau selepas waktu solat disiarkan secara terus melalui pembesar suara di masjid, sehinggalah masyarakat di sekitar masjid dapat mendengarnya. Pengajian yang dijalankan di pesantren adalah salah satu siaran yang menjadi program utama.

Pada ketika yang lain khususnya menjelang bulan Ramadhan, pengkaji mendapati masyarakat setempat memberikan perhatian khusus kepada radio. Kemudian pengkaji mendapati bahawa pada bulan Ramadhan, Radio Suara As'adiyah dijadikan sumber maklumat yang utama masuknya waktu imsak dan berbuka puasa bagi kawasan tersebut. Ini menunjukkan bahawa pergantungan masyarakat di Kabupaten Wajo terhadap Radio Suara As'adiyah amat meluas khususnya hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Radio Suara As'adiyah Sengkang adalah lembaga penyiaran yang bertujuan untuk menyebar luaskan dakwah Islam dan menjadi media maklumat kepada masyarakat, sekalipun banyak pilihan lain dari pada media audio visual, namun masyarakat masih tetap setia mendapatkan maklumat dari Radio Suara As'adiyah.

Radio Suara As'adiyah memiliki misi utama menyebarkan ajaran Islam berdasarkan Ahlul sunnah wal Jamaah dengan slogan "Menebar Hikmah Mantapkan Akidah". Di tengah era persaingan media saat ini Radio Suara As'adiyah Sengkang masih tetap berjaya ke udara.

Kemunculan berbagai pilihan media cetak, audio mahupun audio visual yang diperoleh dengan mudah ternyata ia tidak mampu untuk mengubah pola pemikiran sebilangan masyarakat yang masih terus fanatik mendengarkan siaran dari Radio Suara As'adiyah. Program dan acara yang mempunyai nilai dakwah sehingga sekarang masih tetap ke udara dan diminati oleh masyarakat. (Darlis, 2016) Oleh itu timbul beberapa persoalan yang menarik untuk dikaji. Antaranya ialah bagaimanakah rupa bentuk program dakwah yang disiarkan. Apakah faktor yang menyebabkan masyarakat masih tetap mahu mendengar radio. Apakah penyampaian dakwah telah sampai pada matlamat yang diinginkan. Apakah yang menyebabkan tidak sampai pada matlamat yang diinginkan. Apakah kandungan isi program masih sesuai dengan keadaan yang diinginkan masyarakat.

Bagi menjawab persoalan ini, perlu membuat satu kajian operasi penyampaian dakwah melalui radio di Kabupaten Wajo.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini secara umum bertujuan untuk :

1. Mengetahui cara penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah.
2. Mengetahui kandungan maklumat dakwah yang disediakan bagi mendapatkan pengaruh Radio Suara As'adiyah.

3. Mengetahui tahap penerimaan Dakwah Radio Suara As'adiyah dalam kalangan masyarakat.
4. Menganalisis tahap perubahan sikap pendengar daripada penyampaian Dakwah melalui Radio Suara As'adiyah.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dikemukakan pada huraian di atas, maka fokus kajian ini akan menjawab tiga persoalan :

1. Bagaimana cara penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah?
2. Apakah kandungan maklumat dakwah yang disediakan bagi mendapatkan pengaruh Radio Suara As'adiyah?
3. Sejauh mana tahap penerimaan pengaruh dakwah Radio Suara As'adiyah dalam kalangan masyarakat?
4. Sejauh mana perubahan terhasil daripada penyampaian dakwah melalui radio Suara As'adiyah?

#### **1.5 Kerangka Kajian**


Salah seorang ahli ilmu komunikasi Harold D. Lasswell (1948) dalam karyanya, *The structure and function of communication in society*, Lasswell menjelaskan bahawa cara terbaik menjelaskan tindakan komunikasi iaitu menjawab soalan, *Who, Says What, In Which Channel, To Whom, With What Effect?* (Siapa, berkata apa, melalui saluran apa, kepada siapa, dan seperti apa kesannya). (Effendy, 1999: 10)

Paradigma model komunikasi Lasswell (1948) tentang komunikasi, adalah pengembangan dari Aristotele sekitar 2000 tahun sebelumnya, menekankan unsur




pembicara, mesej dan khalayak, tetapi menggunakan istilah yang berbeza. Bagi Aristotele, komunikasi adalah kegiatan verbal melalui pembicara berusaha memujuk untuk mencapai tujuan yang dimilikinya dengan seorang pendengar melalui penyusunan argumen secara mahir dan melalui penyampaian pidato.(Ruben, 2013;40) Berdasarkan dari pengertian tersebut maka diperoleh unsur-unsur dalam komunikasi iaitu: *communicator/sourch*, *message*, *channel*, *comunicant/receiver*, dan *effect/impact*.

Dakwah apabila dilihat daripada unsur-unsurnya boleh disebut sebagai komunikasi Islam. Ini kerana dakwah memiliki unsur pendakwah, bahan, kaedah, media, sasaran dan matlamat. (Arifuddin, 2011; 1) Apabila digabungkan antara unsur-unsur dakwah dan unsur-unsur komunikasi yang diperkenalkan oleh Lasswell (1945) sehingga dakwah dapat disebut sebagai komunikasi Islam boleh dilihat pada rajah berikut :



Rajah 1.1. Unsur-unsur Dakwah dan Komunikasi

Perbincangan mengenai kerangka kajian yang dimaksudkan memberi penjelasan tentang alur kajian terhadap kesan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang.



## *Rajah 1.2. Kerangka Kajian*

Kerangka kajian di atas menunjukkan bahawa proses penyiaran dakwah melalui radio terdiri daripada pendakwah, mesej, kandungan, waktu siaran dan media.

*Pendakwah* adalah sumber rujukan yang bermakna ia memiliki kredibiliti, daya tarikan dan kekuasaan. Kredibiliti terdiri dari dua unsur: kepakaran dan kejujuran. Kepakaran diukur sejauh mana *Mad'u* menganggap *pendakwah* mengetahui jawapan yang “benar”, sedangkan kejujuran didefinisikan sebagai persepsi *Mad'u* (sasaran) tentang sejauh mana *pendakwah* bersikap tidak berpihak dalam menyampaikan mesej dakwah. Daya tarikan diukur dengan kesamaan dan kesukaan. Kekuasaan (*power*) ditakrifkan dengan tanggapan *Mad'u* (*sasaran*) mengenai keupayaan untuk memperhatikan sama ada *pendakwah* sanggup untuk meneliti atau sama ada *Mad'u* tunduk atau tidak. Kekuasaan dapat dilihat dari segi ketokohan *pendakwah*.

Kandungan terdiri daripada isi, struktur mesej, gaya mesej dan daya tarikan. Struktur mesej boleh dilihat corak kesimpulan (tersirat atau tertulis), corak urutan argumentasi (mana yang lebih dahulu, argumentasi yang disukai atau yang tidak disukai), pola objektiviti (1 sisi atau 2 sisi). Gaya mesej menunjukkan variasi linguistik dalam penghantaran mesej (pengulangan, mudah difahami, perbendaharaan kata). Daya tarikan mesej menunjukkan pada motif-motif psikologi yang mengandungi mesej.

Kandungan siaran, terdiri daripada siaran langsung pengajian pesantren, ceramah lepas, pengajian al-Quran dan pemutaran lagu-lagu Islam. Waktu pula terdiri atas waktu pagi, subuh, siang, zuhur, maghrib dan isyak.

Dakwah disampaikan melalui medium radio dalam hal ini adalah Radio Suara As'adiyah Sengkang dan diterima oleh pendengar yang disebut dengan *Mad'u* atau khalayak.

Keberkesanan dapat ditunjukkan dengan perhatian, pengertian dan penerimaan. Perhatian diukur dengan sejauh mana *Mad'u* menyadari adanya mesej. Pengertian diukur dengan sejauh mana *Mad'u* memahami mesej. Penerimaan dibatasi pada sejauh mana *Mad'u* menyetujui dan mengamalkan apa yang disampaikan *pendakwah*.

Berdasarkan pada huraian tersebut maka keberkesanan yang ditimbulkan merujuk pada pendapat **Steven M. Chafee** (Rahmat 1996;217-218) yang mana ia terbahagi kepada keberkesanan *kognitif* (perubahan fikiran, meningkatkan pengetahuan, keberkesanan kepercayaan), segi *afektif* (sikap, perasaan, kesukaan) dan segi keberkesanan *behavioral* (tingkah laku atau trend tingkah laku).

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharapkan boleh memberikan sumbangan:

1. Sebagai garis panduan kepada pengelola Radio untuk menyiarkan dakwah Islam khususnya Radio Suara As'adiyah Sengkang dalam rangka peningkatan kualiti penyiaran dakwahnya.
2. Sebagai khazanah pengetahuan dakwah Islam untuk mengembangkan pemikiran dakwah sesuai dengan tuntutan zaman atau tahap pembangunan masyarakat.

3. Sebagai sumbangan saintifik Islam dalam bidang dakwah untuk meningkatkan keilmuan dalam disiplin ilmu Islam (*Islamic studies*) khususnya ilmu dakwah.
4. Menjadi khazanah pemikiran pengembangan dakwah Islam dengan menggunakan media, khususnya radio.
5. Kajian ini diharapkan menjadi bahan penilaian terhadap pengelola Radio khususnya Radio Suara As'adiyah.
6. Mencadangkan penambahbaikan proses penyampaian dakwah melalui radio.

### **1.7 Ulasan Karya**

Penyelidikan yang dilakukan oleh A.Syahrulyali (1979), Radio Suara As'adiyah Sebagai Media Dakwah Islamiyah. Risalah ini membahaskan penggunaan Radio Suara As'adiyah dalam menyiarkan dakwah. Hal-hal yang ditampilkan adalah metode-metode penyampaian dakwah dengan menggunakan radio.

Hasil kajian Hj.St.Wittoing (1994), Radio Suara As'adiyah dan Aktivitinya sebagai Media Pendidikan Islam Tidak Formal di Kota Sengkang menunjukkan bahawa siaran keagamaan Radio Suara As'adiyah Sengkang ditinjau dari aspek pendidikan dalam hal ini pendidikan tidak formal.

Efektitas Metode Dakwah Pondok Pesantren As'adiyah (Telaah kritis kontribusi terhadap pembangunan keagamaan di Kabupaten Wajo) 2015 menjelaskan bahawa peranan dakwah pesantren As'adiyah tidak terbatas pada pelajar pesantrennya sahaja, tetapi juga terhadap masyarakat luar.

Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Sari Dewi (2004) dengan judul “Pengaruh Acara Mimbar Agama di Radio ASRI terhadap Pelaksanaan Ibadah Remaja di Kecamatan Sragen Kabupaten Sragen” menunjukkan bahwa acara agama yang disiarkan di radio mempunyai pengaruh dalam pelaksanaan ibadah remaja, khususnya pada pelaksanaan ibadah solat dan puasa. Faktor-faktor yang mempengaruhi keberhasilan acara mimbar agama di radio adalah adanya *Da’i-Da’i* yang profesional dalam menyampaikan bahan dakwahnya serta didukung oleh bahan-bahan dakwah yang baik pula. Di samping itu, radio mempunyai beberapa kelebihan, yaitu dapat didengar tanpa harus meninggalkan kegiatan lain, karena sifat radio yang praktis dan mudah dibawa ke mana-mana. Selain itu, proses komunikasi melalui radio dapat menjangkau khalayak dalam jumlah yang banyak dalam waktu yang relatif singkat, sehingga radio sangat baik dan efektif digunakan untuk memberikan pengaruh pada pendengar acara Mimbar Agama.

Penyelidikan yang dilakukan oleh M. Khumaini (2006) berjudul “Pengaruh Mendengarkan Siaran Agama Islam Radio Persada Terhadap Pengamalan Agama Ibu Rumah Tangga Desa Weru Paciran Lamongan” menunjukkan hasil bahwa pelaksanaan siaran agama Islam di Radio Persada terdiri daripada beberapa bentuk siaran iaitu pengajian ikhya’ulumuddin, siraman rohani (setiap hari) dan pengajian agama (seminggu sekali). Siaran agama tersebut meliputi akidah, ibadah, akhlak dan mu’amalah, sedangkan metode yang digunakan adalah metode ceramah dan tanya jawab sehingga terjadi tindak balas. Siaran agama di Radio Persada mempunyai pengaruh terhadap pengamalan agama kepada kaum ibu di Desa Weru Paciran Lamongan. Pengamalan agama yang dimaksudkan meliputi ibadah, mu’amalah, dan akhlak.

Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Zaenul Inayati (1999), yang berjudul “Pengaruh Siaran Keagamaan di Radio Bahurekso Sakti Terhadap Sikap Beragama Masyarakat pendengar di Kecamatan Weleri Kabupaten Kendal” menunjukkan bahawa terdapat pengaruh positif dalam penyiaran keagamaan di Radio Bahurekso Sakti terhadap sikap beragama dalam kalangan masyarakat di Kecamatan Weleri Kabupaten Kendal. Penyelidikan ini lebih memfokuskan pada bentuk penyajian dakwah yang akan disiarkan di radio. Bentuk penyajian siaran dakwah sangat bervariasi, di antaranya siaran dakwah dengan format uraian (monologis), format dialog, muzik dan kuiz, meliputi kategori siaran iaitu akidah, syari’ah dan akhlak.

Fauzil Abubakar (2016) menyatakan bahawa pelaksanaan acara dialog agama Islam di RRI Lhokseumawe cukup baik daripada segi bahan dakwah, pendakwah, dan pembahagian waktu. Acara ini juga dapat diterima oleh masyarakat tanpa mengira usia. Begitu juga dengan pengamalan agama dalam kalangan masyarakat di Kecamatan Muara Dua Kota Lhokseumawe yang menunjukkan pengamalan dalam solat, puasa, dan zakat/infak sangat baik. Salah satu faktor yang mempengaruhi pengamalan agama masyarakat tersebut adalah mendengar acara dialog agama Islam di RRI dengan kadar 4.1%, manakala selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain di luar kajian penyelidikan. Faktor-faktor tersebut tidak diteliti oleh peneliti kerana keterbatasan waktu, kemampuan dan dana.

Berdasarkan huraian beberapa sorotan kajian di atas, boleh disimpulkan bahawa tidak terdapat kajian penyelidikan daripada aspek operasi penyampaian dakwah melalui radio. Penyelidikan ini adalah mengenai kandungan maklumat dakwah radio, tahap penerimaan dan tahap perubahan sikap khalayak setelah mendengarkan maklumat dakwah.

## 1.8 Definisi Konsep

Untuk mengelakkan tafsiran yang berbeza daripada niat penulis, maka terdapat beberapa perkataan yang perlu dijelaskan maknanya:

Penyampaian dapat diertikan dengan perbuatan atau menyampaikan. (Kamus Bahasa Melayu : <http://prpm.dbp.gov.my>)

Dakwah: kata dakwah berasal dari bahasa Arab iaitu : دعا - يدعو - دعوة Ertinya: memanggil, mengundang. (Kamus Almunawwir Arab-Indonesia, 1997;406) Dalam bahasa Indonesia, dakwah diertikan dengan penyiaran atau propaganda; penyiaran agama dalam kalangan masyarakat dan pengembangannya; seruan untuk memeluk mempelajari, dan mengamalkan ajaran agama. (Kamus Besar Bahasa Indonesia, 1995;800). Kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. (Kamus Dewan Edisi Empat, 2005)

Radio adalah: penghantaran suara atau bunyi melalui udara. Menurut Arifin (1994;27), radio merupakan alat komunikasi massa dalam erti saluran pernyataan manusia yang umum atau terbuka dan menyalurkan lambang-lambang yang berbunyi berupa program-program yang teratur, dan isinya meliputi segala segi penjelmaan kehidupan masyarakat.

Penyampaian dakwah yang dimaksudkan adalah bentuk atau model program acara seperti personaliti penyampai iaitu juruhebah yang bertugas untuk mengelola setiap acara dan pendakwah iaitu ulama/kiyai atau mubaligh. Seterusnya adalah isi kandungan bahan dakwah yang akan disampaikan. Selanjutnya adalah bentuk penyampaian iaitu penyampaian secara langsung seperti pengajian pesantren, dialog



interaktif dan siaran dakwah yang terlebih dahulu dilakukan rakaman di studio. Selanjutnya, ia juga berhubung kait dengan waktu penyampaian di samping bahan dakwah acara yang lain yang mengandungi nilai-nilai dakwah seperti pemutaran lagu-lagu qasidah.

Kemudian akan dilakukan kajian ke atas unsur-unsur yang membuat masyarakat tertarik mendengarkan penyampaian dakwah dari Radio Suara As'adiyah.

## **1.9 Metodologi Kajian**

Kajian ini bersifat kajian lapangan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif membuatkan penyelidik perlu mematuhi prinsip-prinsip paradigma kuantitatif seperti yang dijelaskan oleh Lincoln dan Guba (Alwasilah, 2008).

### **1.9.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini bermula daripada perumusan masalah, pengumpulan data, pemprosesan data dan akhirnya membawa kepada penghasilan laporan hasil dapatan kajian yang mana ia tidak menggunakan upaya kuantifikasi atau perhitungan-perhitungan statistik seperti lazimnya dalam metode kuantitatif. Komponen dalam kaedah kualitatif meliputi antara lain: alasan menggunakan kaedah kualitatif, tempat atau lokasi penyelidikan, instrumen penyelidikan, responden dan sumber data penyelidikan, teknik pengumpulan data, teknik analisis data rencana serta ujian keabsahan data (Sugiyono, 2010; 145).

### **1.9.2 Alasan Menggunakan Metode Kualitatif**

Metode kualitatif diguna dalam penyelidikan ini kerana permasalahan yang diselidiki sangat kompleks dan dinamis sehingga tidak mungkin data pada situasi sosial yang kompleks, dinamis dan belum jelas masalahnya dikaji dengan metode penyelidikan kuantitatif. Selain itu, metode ini digunakan oleh penyelidik untuk memahami secara mendalam terhadap cara penyampaian dakwah, kandungan maklumat dakwah Radio Suara As'adiyah, tahap penerimaan pengaruh dakwah dan perubahan yang terhasil setelah mendengarkan penyampaian dakwah. Selain itu, ia juga dapat menjawab kepada persoalan mengapa masyarakat masih mahu mendengarkan Radio Suara As'adiyah dan adakah terdapat keserasian antara bahan dakwah dengan

pengetahuan, sikap dan pengamalan agama yang terjadi dalam masyarakat pendengar.

Pendekatan ini menggunakan fenomenologi yang menempati kedudukan sentral dalam perkembangan metodologi pengkajian kualitatif. Hal ini menunjukkan bahwa apa yang dicari pengkaji dalam kegiatan pengkajiannya dan proses melakukan kegiatan dalam situasi penelitian, serta cara pengkaji mentafsir beragam informasi yang telah dikaji dan dicatat yang mana semuanya bergantung pada perspektif teoritis yang digunakannya (Bogdan & Taxlor, 1975).

Fenomenologi memandang perilaku manusia daripada segi apa yang mereka lakukan, yang merupakan sesebuah produk daripada cara orang melakukan tafsir terhadap dunia mereka sendiri. Tugas pengkajian kualitatif adalah untuk mendapatkan proses tersebut, atau pemahaman empatik (*empathy*), dengan cara berada di dalam fikiran, perasaan dan motif orang lain yang menjadi latar belakang kegiatannya. Cara mendapatkan makna perilaku seseorang membuatkan pengkaji harus berusaha untuk melihat segalanya daripada pandangan orang yang terlibat dalam situasi yang menjadi sasaran kajiannya.

Creswell (2003;58) menjelaskan secara terperinci bahawa secara filosofis, fenomenologi berasal daripada pemikiran Edmund Husserl (1859-1938) yang kemudian dilanjutkan oleh Heidegger, Satre dan Merlau-Ponty dan digunakan sebagai landasan pemikiran untuk melakukan penyelidikan dalam bidang ilmu-ilmu sosial dan perilaku manusia, terutama sosiologi (seperti dilakukan oleh Brogatta & Brogatta, 1992; Swingewood, 1991), psikologi (Giorgi, 1985; Polkinghorne, 1989,

1994), ilmu keperawatan dan kesihatan (Nieswiadomy, 1993; Oiler, 1986) dan pendidikan (Tesch, 2013).

Fenomenologi menjelaskan makna konsep atau pengalaman yang didasari oleh kesedaran yang berlaku pada beberapa individu. Penyelidikan ini berlaku dalam keadaan yang dialami, sehinggalah tidak ada batasan dalam memberi makna atau memahami fenomena yang dikaji.

Menurut Creswell (1998:58) pendekatan fenomenologi menggunakan semua penilaian mengenai sikap yang berlaku sehinggalah ditemui dasar tertentu. Penundaan ini boleh disebut *epoche* (jangka waktu). Konsep *epoche* adalah : *pertama*, membezakan wilayah data (subjek) dengan tafsiran penyelidik; *kedua*, menjadi pusat di mana penyelidik menyusun dan mengkategorikan dugaan awal tentang fenomena untuk mengerti wilayah data (subjek) dengan penyelidik; *ketiga*, menjadi fokus penyelidik menyusun dan mengasingkan dugaan awal tentang fenomena untuk memahami tentang apa yang dikatakan oleh responden.

### **1.9.3 Kaedah Pensampelan**

Istilah populasi tidak digunakan pada penyelidikan kualitatif. Spradley (1999) memberi istilah "*Social situation*" atau situasi sosial yang terdiri dari tiga kategori: tempat (*place*), pelaku (*actors*) dan aktiviti yang berlaku secara sinergi.


Penyelidikan kualitatif sangat berhubung rapat kaitannya dengan faktor-faktor kontekstual. Oleh itu, maksud *sampling* dalam hal ini bertujuan untuk menyaring sebanyak mungkin maklumat dari pelbagai sumber. Tujuannya bukanlah memusatkan diri pada adanya perbezaan-perbezaan yang akan dikembangkan dalam generalisasi, tetapi untuk menemukan kekhususan yang ada dalam ramuan konteks

yang unik. Maksud kedua pada *sampling* adalah menggali maklumat yang akan menjadi dasar daripada rancangan dan teori yang muncul. Oleh hal demikian penyelidikan dalam penyelidikan kualitatif tidak mempunyai sampel yang tidak beraturan, melainkan sampel bertujuan (*purposive sampel*). (Maleong, 224)

Lincoln dan Guba (1985:200) mengatakan bahawa bagi paradigma alamiah, penyelidik memulakan dengan dugaan bahawa konteks itu kritis sehingga masing-masing konteks itu ditangani daripada segi konteksnya sendiri.

Setelah menemukan sumber rujukan berdasarkan kriteria tersebut maka langkah selanjutnya akan dilakukan pengamatan turut serta dan temu bual mendalam dari satu sumber rujukan kepada sumber rujukan yang lain secara bergilir sehingga mengalami titik jenuh. Metode ini disebut *snowball sampling*.

*Snowball sampling* merupakan salah satu metode dalam pengambilan sample dari suatu populasi. *Snowball sampling* ini termasuk dalam teknik *non-probability sampling* (sampel dengan kemungkinan yang tidak sama) dan cara pengambilan



sampel adalah secara berantai (*multilevel*).

### *Rajah 1.2 Snowball Sampling (Sugiyono, 2001: 61)*

Teknik *snowball sampling* adalah suatu metode untuk mengenal pasti, memilih dan mengambil sampel dalam suatu jaringan atau rantai hubungan yang menerus. Peneliti menyajikan suatu jaringan melalui gambar sociogram berupa gambar lingkaran-lingkaran yang dikaitkan atau dihubungkan dengan garis-garis. Setiap lingkaran mewakili satu responden atau perkara, dan garis-garis menunjukkan hubungan antara responden atau antara perkara (Neuman, 2003).

Penentuan awal dimulai daripada khalayak yang sering mendengarkan Radio Suara As'adiyah kemudian responden berikutnya ditemukan berdasarkan hubungan langsung mahupun tidak langsung dengan responden yang awal. Demikian seterusnya proses pengumpulan sampel dilakukan sampai diperolehi maklumat yang cukup dan jumlah sampel yang cukup untuk dapat dianalisis. Pengambilan sampel ini didasarkan pada tiga wilayah yang ada di Kabupaten Wajo. Pertama diambil di wilayah sekitar styesium Radio dan dua wilayah yang berada pada wilayah jangkauan siaran. Pelaksanaan teknik *snowball sampling* dilakukan dengan temu bual dengan sejumlah daftar pertanyaan.

Penetapan dalam temu bual ditulis dalam catatan lapangan dan dilihat sebagai hal yang penting untuk mendukung penafsiran makna. (Neuman : 2003)

#### **1.9.4 Lokasi dan Segmen Kajian**

Objek bagi kajian ini adalah Kabupaten Wajo Sulawesi Selatan Indonesia. Pemilihan Kabupaten Wajo dipilih kerana stesen Radio Suara As'adiyah berada dalam kawasan ini.

Manakala pecahan kajian adalah kes di Kabupaten Wajo Sulawesi Selatan Indonesia

1. Kabupaten Wajo berada di Indonesia yang terletak di Wilayah Sulawesi Selatan.
2. Radio Suara As'adiyah Sengkang beralamat di Jl. Masjid Raya No. 100 Sengkang.
3. Pendengar Radio Suara As'adiyah yang ada di wilayah Kabupaten Wajo Sulawesi Selatan Indonesia. Kabupaten Wajo adalah salah satu wilayah yang terdapat di Sulawesi Selatan yang pusat pemerintahannya bernama Sengkang yang kerap disebut dengan kota santri, kerana di kota ini lahir Pondok Pesantren Tertua di Sulawesi Selatan. Luas wilayah Kabupaten Wajo terdiri dari 205620 km<sup>2</sup> Jumlah penduduk 385109 jiwa.



*Rajah 1.3.* Lokasi Kabupaten Wajo sumber : Software Google Earth

Keadaan geografis, keadaan demografis dan keadaan keagamaan masyarakat Kabupaten Wajo



## **1. Keadaan Geografis**

Kabupaten Wajo adalah salah satu daerah yang terdapat di Wilayah Sulawesi Selatan yang terletak di jalan yang menghubungkan ibu kota di Wilayah Sulawesi Selatan dengan ibu kota di Wilayah Palu.

Batas-batas Kabupaten Wajo adalah:

- a. Sebelah utara bersempadan dengan Kabupaten Luwuk Selatan.
- b. Sebelah timur bersempadan dengan Teluk Bone.
- c. Sebelah selatan bersempadan dengan Kabupaten Soppeng.
- d. Sebelah barat bersempadan dengan Kabupaten Sidrap.

Jarak pusat pemerintahan Kabupaten Wajo dengan ibu kota wilayah adalah 200 km. Adapun luas wilayah Kabupaten Wajo adalah 2.506,19 Km<sup>2</sup> yang terdiri daripada 12 daerah kecil dan 2 daerah perwakilan. Keluasan daerah tersebut dapat dilihat seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1

*Luas Wilayah Kabupaten Wajo Tahun 2011*

No	Kecamatan/Daerah	Luas(km <sup>2</sup> )	Persentase terhadap luas kabupaten
1.	Sabbangparu	132,75	5,30
2.	T e m p e	162,10	6,47
3.	Pammana	179,76	7,17
4.	Takkalalla	167,01	6,67
5.	Sajoanging	225,92	9,01
6.	Majauleng	38,27	1,53
7.	Tanasitolo	172,30	6,87
8.	Belawa	154,60	6,17
9.	Maniangpajo	175,60	7,02
10.	Pitumpanua	207,13	8,26
11.	Bola	220,13	8,78
12.	Perw. Penrang	154,90	6,18
13.	Perw. Gilirang	147,00	5,87
14.	Keera	368,36	14,70
Jumlah		2,506,19	100,00

Sumber : Buku Kabupaten Wajo dalam Angka, 2011

Daripada jadual di atas menunjukkan bahawa Daerah Perwakilan Keera merupakan daerah yang paling luas dengan keluasan 368,36 km<sup>2</sup> atau 14,70%, dan yang paling kecil keluasannya adalah Daerah Majauleng dengan keluasan 38,27 km<sup>2</sup> atau 1,53%.

Jarak antara ibu kota daerah dengan Ibu kota Kabupaten dalam wilayah Kabupaten Wajo dapat dilihat pada Jadual 1. 2 berikut:

## Jadual 1.2

### *Jarak Antara Ibu kota Kecamatan/Daerah ke Kabupaten*

No	Kecamatan	Ibu Kota Kecamatan	Jarak (km)
1.	Sabbangparu	Kota Baru	12
2.	Tempe	Sengkang	0
3.	Pammana	Cina	12
4.	Takkalalla	Peneki	51
5.	Sajoanging	Jalang	53
6.	Majauleng	Paria	24
7.	Tanasitolo	Tancung	9
8.	Belawa	Menge	51
9.	Maniangpajo	Anabanua	22
10.	Pitumpanua	Siwa	78

Sumber : Buku Kabupaten Wajo dalam Angka, 2011

Berdasarkan Jadual 1.2 di atas bahawa ibu kota daerah yang paling dekat dengan Ibu kota Kabupaten adalah Tancung Kecamatan Tanasitolo, yakni 9 km. Sedangkan ibu kota daerah yang paling jauh adalah Siwa Kecamatan Pitumpanua yakni berjarak 78 km.

Kabupaten Wajo mempunyai persamaan dengan daerah-daerah lain di Indonesia termasuk Daerah Tropis daripada segi cuaca iaitu mengalami pergantian musim dua kali satu tahun, iaitu musim kemarau dan musim hujan.

Sebahagian masyarakat petani tetap bercucuk tanam meskipun pada musim kemarau, kerana dalam wilayah Kabupaten Wajo terdapat dua sistem pengairan (*Irigasi*) iaitu *Irigasi Bila* dan *Irigasi Kalola* yang digunakan untuk mengairi sawah-sawah. Sistem pengairan ini mampu menyalurkan air ke sebahagian besar sawah-sawah petani di

sebelah utara Ibu kota Kabupaten Wajo yang dikenali sebagai BOSOWASIPILU (Bone, Soppeng, Wajo Sidrap, Pinrang, Luwu) sebagai daerah pembekal beras terbesar di Sulawesi Selatan.

## 2. Keadaan Demografi

Pada tahun 2011, kapasiti penduduk Kabupaten Wajo adalah seramai 405.875 jiwa, yang terdiri daripada 188.269 lelaki dan 217.606 perempuan. Jumlah penduduk dari setiap daerah dan jenis kelamin dapat dilihat seperti jadual berikut:

Jadual 1.3

*Penduduk Kabupaten Wajo Mengikut Kecamatan/Daerah dan Jenis Kelamin 2011*

No	Kecamatan	Laki-laki	Perempuan	Jumlah	Peratusan
1.	Sabbangparu	14.545	17.062	31.607	7,79 %
2.	Temp e	23.707	27.744	51.451	12,69 %
3.	Pammana	17.371	21.735	39.106	9,63 %
4.	Takkalalla	11.778	14.448	26.226	6,46 %
5.	Sajoanging	9.491	10.411	19.902	4,90 %
6.	Majauleng	16.200	19.041	35.241	8,68 %
7.	Tanasitolo	17.892	20.150	38.042	9,37 %
8.	Belawa	16.381	18.332	34.713	8,55 %
9.	Maniangpajo	6.854	7.935	14.789	3,64 %
10.	Pitumpanua	18.364	20.068	38.432	9,47 %
11.	Bola	10.127	11.993	22.120	5,45 %
12.1	Perw. Penrang	9.949	10.202	19.851	4,89 %
3.	Perw. Gilireng	6.051	7.122	13.173	3,25 %
14.	Keera	9.859	11.463	21.222	5,23 %
	Jumlah	188.269	217.606	405.875	100 %

Sumber : Buku Kabupaten Wajo dalam Angka, 2011

Jadual di atas menunjukkan bahawa daerah yang paling ramai penduduknya adalah Daerah Tempe iaitu berjumlah 51.451 orang atau 12,69 %. Sementara daerah yang paling sedikit penduduknya adalah Daerah Perwakilan Gilireng 13.173 jiwa atau 3,25 %. Dapat dilihat pula bahawa jumlah penduduk yang berjenis kelamin perempuan lebih ramai daripada jenis kelamin laki-laki. Perempuan berjumlah 217.606 orang atau 53.61 %, sedangkan lelaki berjumlah 188.269 atau 46,39 %.

### 3. Keadaan Keagamaan

Penduduk Kabupaten Wajo menganut beberapa agama. Tetapi kerukunan dan toleransi antara masyarakat beragama tetap dijunjung tinggi. Hal ini dapat dibuktikan dengan melihat keadaan pada daerah lain, seperti Ambon dan Poso yang sarat dengan pergaduhan antara agama yang mengakibatkan ramai masyarakat korban.

Untuk mengetahui keadaan jumlah pemeluk agama dapat dilihat pada Jadual berikut:

Jadual 1.4

#### *Komposisi Penganut Agama Tahun 2011*

No	Agama	Jumlah Pemeluk	Persentase
1	Islam	404.320 jiwa	99,62 %
2	Protestan	462 jiwa	0,11 %
3	Katolik	83 jiwa	0,02 %
4	Hindu/Budha	1.010 jiwa	0,25 %
5	Khonghucu	0 jiwa	-
6	Lainnya	0 jiwa	-
Jumlah		405.875 jiwa	100,00 %

Sumber : Kementerian Agama RI, 2013

Dari jadual di atas menunjukkan bahawa penduduk Kabupaten Wajo majoritinya beragama Islam iaitu 404.324 orang atau 99,62 %, sedangkan agama kedua adalah agama Hindu/Budha iaitu 1.010 orang atau 0,25 %. Pemeluk agama yang paling sedikit iaitu Katolik 83 orang atau 0.02 %.

Penganut agama-agama ini memiliki tempat ibadah kecuali penganut Hindu/Budha. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 1.5

*Komposisi Tempat Ibadah Tahun 2011*

No	Tempat Ibadah	Jumlah	Persentase
1	Masjid/Mushallah	420	98.82 %
2	Gereja	5	1.18 %
3	Kuil	-	-
4	Pura	-	-
Jumlah		425	100,00 %

Sumber : Buku Kabupaten Wajo dalam Angka, 2011

Daripada jadual di atas menunjukkan bahawa tempat ibadah yang paling banyak di Kabupaten Wajo adalah tempat ibadah umat Islam iaitu masjid/mushallah terdapat 420 buah atau 98.82 % dan tempat ibadah yang paling sedikit adalah gereja yang hanya terdapat 5 buah atau 1.18 %. Sedangkan tempat ibadah Hindu/Budha belum ada. Hal ini menunjukkan kesesuaian antara rasio penganut agama dan tempat ibadah. Setiap penganut agama bebas melaksanakan ibadah di tempat ibadah masing-masing.

Wajo adalah daerah pertanian. Sebanyak 75 % hasil pertanian adalah persawahan yang mana menjadikannya sebagai pengeluar padi ketiga terbesar di Sulawesi Selatan setelah Sidenreng Rappang dan Pinrang. Seluas 86 ribu hektar tanah persawahan menggunakan pengairan, seperti Bila. Wajo juga memiliki tanah perkebunan campuran seluas sekitar 33 ribu hektar, perkebunan 5.645 hektar dan perladangan 14 hektar. Modernisasi pertanian terus dilakukan melalui sistem pengairan yang tersusun dan proses pengeluaran padi yang lebih berkualiti melalui sistem *Rice Processing Complex* (RPC) yang dapat memproses beras dengan kualiti eksport.

Jolokan yang lain bagi Wajo adalah sutera. Ibu kota Kabupaten iaitu Sengkang turut dikenali sebagai Kota Sutera. Masyarakat Wajo menghasilkan industri sutera baik sebagai pengeluar mahupun sebagai penjual. Mereka melakukan penenunan sutera dengan cara tradisional dan cara moden. Aktiviti proses kain sutera dilakukan bermula daripada rumah hinggalah ke kilang. Sumbangan industri sutera pada Pendapatan Asli Daerah turut mendominasi sumbangannya dalam sektor industri.

Hasil pertanian selain untuk digunakan oleh penduduk tempatan, ia juga dijual ke luar daerah Wajo. Hubungan Wajo dengan daerah sekitar selain menggunakan jalan darat, ia juga dihubungkan dengan pelabuhan Siwa yang mana ia dikenali sebagai pintu gerbang yang menghubungkan Wajo dengan daerah lain di luar Sulawesi Selatan, khususnya Sulawesi Tenggara.

Pekerjaan utama masyarakat Kabupaten Wajo secara umumnya ialah petani, pedagang pasar dan nelayan. Kebiasaannya petani, pedagang pasar dan nelayan ini turut membawa radio ke tempat kerja. Tujuannya adalah sebagai pengingat waktu

solat dan juga sebagai hiburan dan dakwah dari Radio As'adiyah. Keadaan ini telah menjadi tradisi turun temurun sampai sekarang. Namun, kerana kemajuan teknologi maklumat sebahagiannya tidak lagi membawa radio tetapi mendengarkan radio melalui telefon pintar.

Masyarakat Kabupaten Wajo yang majoritinya adalah petani, pedagang dan nelayan merupakan objek atau penerima dakwah yang juga disebut dengan istilah khalayak, sasaran, pembaca, pendengar, pemirsa, *audience*, *decoder* atau komunikan.

Khalayak merupakan salah satu daripada unsur penting dalam proses komunikasi. Oleh sebab itu, ia tidak boleh diabaikan kerana keberhasilan dalam suatu dakwah atau proses komunikasi ditentukan oleh khalayak. Suatu kegiatan komunikasi yang diboikot oleh khalayak akan menyebabkan proses komunikasi itu gagal dalam mencapai tujuannya. Penerima dalam komunikasi biasanya terdiri daripada individu, kelompok, dan masyarakat. Seorang komunikator perlu mengetahui siapa yang akan menjadi khalayaknya sebelum proses komunikasi bermula. (Hafied Cangara, 2012; 171)

Penerima dakwah juga boleh terdiri daripada individu, kelompok, dan masyarakat. Oleh itu, menjadi tugas seorang komunikator untuk mengetahui siapa yang akan menjadi khalayaknya sebelum proses dakwah dilaksanakan.

#### **1.9.5 Sumber Data Informan / Subjek Penyelidikan**

Penentuan subjek/informan penyelidikan ini bertujuan agar penyelidik mendapat sebanyak mungkin informasi yang pelbagai yang berkaitan dengan operasi penyampaian dakwah melalui radio. Ada beberapa kriteria yang diguna dalam penetapan subjek penyelidikan menurut Miles dan Huberman (1994) iaitu: latar



belakang(*settings*), para pelaku (*actors*), peristiwa-peristiwa (*events*) dan proses (*proocess*).

Berdasarkan kriteria tersebut maka informan/subjek penyelidikan yang dimaksudkan adalah orang (aktor), sumber rujukan / ulama / kiyai pondok Pesantren As'adiyah Sengkang, dan pengurusan Radio Suara As'adiyah Sengkang bermula daripada pengetua, perancang siaran dan pihak-pihak yang dapat memberikan informasi berkenaan dengan data-data yang diperlukan dalam kajian ini.

Secara ringkasnya, informan/subjek penyelidikan ini diidentifikasi sebagai berikut:

1. Pengurusan Radio Radio Suara As'adiyah Sengkang, bermula daripada Pengetua, Perancang Siaran dan Juruhebah.
2. Para Ulama/Kiyai/*Da'i* Pondok Pesantren As'adiyah yang menjadi sumber rujukan.
3. Kandungan isi bahan dakwah yang disiarkan.
4. Khalayak pendengar yang ada di Kabupaten Wajo Sulawesi Selatan, dengan memilih tiga daerah atau perwakilan berdasarkan wilayah yang lebih kecil. Wilayah yang dipilih adalah Daerah Tempe yang berada di kawasan Stesen Radio Suara As'adiyah. Daerah Sabbangparu dan Daerah Sajoangnin berada kawasan utara dan selatan Kabuapten Wajo. Informan/subjek awal yang menjadi sasaran adalah tokoh pemimpin / tokoh agama yang selari dengan tema kajian, dan kemudiannya diteruskan dengan pemerhatian dan temu bual..

## **1.9.6 Kaedah Memungut Data**

Jenis data yang digunakan dalam penyelidikan ini terdiri daripada data primer dan data sekunder. Data primer iaitu data yang diperoleh melalui kaedah pemerhatian turut serta dan temu bual. Sedangkan data sekunder adalah data yang diperoleh daripada sumber yang berkaitan dengan penyelidikan.

### **1.9.6.1 Pemerhatian/Pengamatan turut serta**

Pemerhatian atau pengamatan turut serta adalah pemerhatian dan pengumpulan yang sistematik terhadap gejala-gejala yang diselidiki. (Usman, 1998:54) Jenis pemerhatian yang paling tepat harus mempertimbangkan keadaan masalah yang terlibat di dalamnya. (Sukandarrumidi, 2004, 71).

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian penyertaan dan non penyertaan. Pemerhatian penyertaan adalah pemerhatian turut serta dalam kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh subjek yang diamati untuk mendapatkan data daripada para pendengar siaran Dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang. Sedangkan pemerhatian non penyertaan adalah penyelidik berada di luar subjek yang diamati dan tidak ikut dalam kegiatan-kegiatan yang mereka lakukan. Kaedah ini digunakan untuk memerhatikan proses pelaksanaan penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang.

Secara umum, cara pemerhatian langsung dapat dibahagi kepada dua jenis, iaitu : (1) Pengamatan tidak berstruktur dan (2) Pengamatan berstruktur (Nazir, M, 1985 : 214).

Perkakas alat bantu yang diperlukan dalam kaedah ini ialah kamera foto, alat perakam audio dan alat perakam audio visual.

### **1.9.6.2 Temu Bual**

Temu bual adalah sesi tanya jawab lisan antara dua orang atau lebih secara langsung. (Usman, 1998:57-58) Temu bual dilakukan secara tidak berstruktur, hal ini digunakan untuk menemukan maklumat yang tidak baku atau maklumat tunggal. Biasanya responden yang dipilih saja yang dilakukan temu bual kerana sifat-sifatnya yang khas. Mereka memiliki pengetahuan dan mendalami situasi, dan mereka lebih mengetahui maklumat yang diperlukan. (Bachtiar, 1997:71) Temu bual dilakukan terhadap *key informan* (informan kunci), iaitu para tokoh agama dan tokoh masyarakat.

### **1.9.6.3 Kajian Dokumen / Arsip**

Irawan (2006), proses dokumentasi merupakan teknik pemungutan data yang ditujukan kepada subjek kajian.

Dokumen terdiri daripada biografi, catatan peribadi, surat peribadi, buku harian, laporan rapat, rakaman kaset, foto dan sebagainya.

### **1.9.7 Instrumen Penyelidikan**

Dalam penyelidikan naturalistik, penyelidik berperanan sebagai instrumen (*human instrumen*) pengumpul data. Lincoln dan Guba turut menjelaskan alasan mengapa manusia (penyelidik) sebagai alat atau instrumen pengumpul data manakala Nasution (Sugiyono, 2010: 61) menyatakan keserasiannya bagi penyelidikan kualitatif kerana ciri-cirinya sebagai berikut:

1. Penyelidik sebagai alat haruslah peka dan dapat melihat segala hubung kait daripada data yang diperoleh apakah bermakna atau berkaitan dengan atau tidak dengan penyelidikan.

2. Penyelidik sebagai alat harus menyelaraskan diri dengan segala jenis aspek keadaan dan dapat mengumpulkan berbagai jenis data.
3. Setiap situasi mencakupi keseluruhan. Pemerhatian turut serta mengamati seluruh keadaan yang berlaku dalam lingkungan yang diselidik.
4. Sesuatu situasi yang melibatkan hubungan antara manusia, tidak dapat dijelaskan dengan pengetahuan semata-mata. Untuk memahaminya, perlu merasakan dan menyelami berasaskan pengetahuan kita.
5. Penyelidik sebagai instrumen sambil melaksanakan pengumpulan data dapat menganalisis data yang diperoleh. Penyelidik dapat mentafsirkan dan melahirkan hipotesis dengan segera untuk menentukan arah pemerhatian untuk menguji hipotesis yang timbul seketika.
6. Manusia atau penyelidik sebagai instrumen dapat menggunakan data yang dipungut pada satu ketika dan menggunakannya sebagai cara untuk mendapatkan penegasan, perubahan, penolakan, dan pembaikan.
7. Respons yang aneh dan menyimpang dan bertentangan perlu diberikan perhatian untuk meningkatkan kepercayaan dan pemahaman mengenai aspek yang diselidiki.

Untuk memudahkan penyelidik sebagai instrumen dalam pengumpulan data maka beberapa cara penyelidik lakukan; *pertama*, membuat daftar pertanyaan yang sesuai dengan permasalahan dan tujuan penyelidikan yang hendak dicapai; *kedua*, mengidentifikasi responden yang akan dilakukan temu bual; *ketiga*,

mempersiapkan peralatan yang berkaitan dengan pemungutan data antara lain seperti alat untuk merakam audio mahupun audio visual. Alat-alat tersebut dapat digunakan sesuai dengan situasi responden; *keempat*, responden perlu ditemui dan meminta kesediaan untuk diadakan temu bual; *kelima*, temu bual dilaksanakan dengan informan; *keenam*, meminta informan untuk bersedia memberikan data/dokumen yang berhubungan dengan kajian.

### **1.9.8 Teknik Analisis Data**

Spradley menyatakan bahawa analisis merupakan cara berfikir untuk segala jenis penyelidikan. Hal ini berkaitan dengan cara pengujian secara sistematis terhadap sesuatu untuk menentukan bahagian, hubungan antara bahagian dan hubungannya dengan keseluruhan kajian adalah untuk mencari pola. (Sugiyono, 2010: 89).


Creswell (dalam Sapnya, 2007: 148) mengemukakan langkah-langkah dalam analisis data meliputi: 1) Mempersiapkan data (data mentah, transkripsi, data lapangan, gambar dan sebagainya); 2) Mengolah dan mempersiapkan data untuk dianalisis seperti transkrip wawancara, *men-scanning* materi, memilih dan menyusun data sesuai dengan sumber informasi; 3) Membaca keseluruhan data untuk mengumpul idea umum apa yang terkandung daripada informasi informan; 4) Menganalisis lebih dengan mengekod data. Mengekod data merupakan proses mengolah bahan/informasi menjadi segmen-segmen tulisan sebelum memakainya; 5) terapkan proses mengekod data untuk mendeskripsi tetapan (*setting*), kategori-kategori dan tema-tema yang akan dianalisis.

Kemudian membuat analisis yang lebih kompleks dengan cara; 1) penyelidik membaca seluruh deskripsi; 2) penyelidik menyenaraikan pernyataan-pernyataan

yang signifikan daripada tiap deskripsi; 3) pernyataan dirumuskan menjadi makna-makna yang selanjutnya dikelompokkan ke dalam tema-tema, dan 4) penyelidik mengintegrasikan tema-tema menjadi deskripsi naratif.

Alur analisis data pada penyelidikan ini bermula dengan analisis konseptual, gagasan, dokumen, maklumat, fenomena fakta dan harapan. Data-data yang diperolehi dikumpulkan berdasarkan hasil pemerhatian, temu bual dan kajian dokumentasi. Klasifikasi data yang diperolehi daripada pengetua, perancang acara Radio Suara As'adiyah, analisis data daripada bahan yang disampaikan oleh sumber seperti Kiai/Ustaz Pesantren As'adiyah. Seterusnya data diklasifikasikan berdasarkan data yang diperolehi daripada pendengar Radio Suara As'adiyah, dan selanjutnya dibuat kesimpulan sementara atau hipotesis kesan yang timbul.

Langkah analisis data seperti yang dimaksudkan di atas boleh digambarkan dalam Rajah aliran analisis data sebagai berikut:




Rajah 1.5. Alur Analisis Data

Analisis data bersifat induktif, iaitu suatu analisis berdasarkan data yang diperolehi, seterusnya dikembangkan menjadi hipotesis. Hipotesis yang dirumuskan berdasarkan data tersebut, seterusnya dikumpulkan data lagi secara berulang-ulang sehingga selanjutnya ditemui kesimpulan. Apabila data yang dapat dikumpulkan secara berulang-ulang dengan teknik triangulasi, maka hipotesis akan diperolehi dan hipotesis tersebut akan berkembang menjadi teori (Sugiyono, 2010: 89).

Analisis data dalam penyelidikan ini dilakukan sejak pembelajaran pendahuluan sehingga selesai daripada lapangan, sebagaimana yang dijelaskan Sugiyono (2010: 890) bahawa analisis data dilakukan dari sebelum memasuki lapangan, semasa di lapangan, dan setelah selesai di lapangan.

Miles dan Huberman (dalam Sugiyono, 2010: 91), mengemukakan bahawa aktiviti dalam analisis data kualitatif dilakukan secara interaktif dan berlangsung secara terus-menerus sehingga tuntas, sehingga datanya sudah penuh. Aktiviti dalam analisis data mencakupi *data reduction*, *data display* dan *data conclusion drawing/verification*. Model interaktif dalam analisis data ditunjukkan pada rajah berikut.



Rajah 1.6. Komponen dalam analisis data (*Interactive model*) Direduksi dari Sugiyono (2010: 92) (Milles dan Huberman)

*Data reduction* (reduksi data) bermaksud bahawa data yang diperolehi daripada lapangan yang begitu banyak dan kompleks kemudian diringkaskan dengan merangkum, memilih hal-hal yang asas, memfokuskan pada hal-hal yang penting dan



dicari tema serta polanya. Melalui cara ini data yang telah diringkaskan akan memberikan gambaran yang lebih jelas dan memudahkan penyelidik untuk melakukan pengumpulan data selanjutnya dan mencarinya apabila diperlukan. Dalam meringkaskan data, penyelidik dipandu oleh tujuan yang akan dicapai.

Langkah selanjutnya adalah penyajian data (*data display*) yang dilakukan dalam bentuk huraian singkat, rajah, dan hubungan antara kategori. Milles dan Huberman (Sugiyono, 2010: 95), menyatakan yang paling sering digunakan untuk menyajikan data dalam penyelidikan kualitatif adalah dengan teks yang bersifat naratif. Dengan menyajikan data, maka ia akan memudahkan memahami apa yang terjadi dan merencanakan kerja selanjutnya berdasarkan apa yang telah difahami tersebut.

Langkah berikutnya dalam analisis data menurut Milles dan Huberman adalah pelakaran kesimpulan dan verifikasi (*Conclusion drawing/verification*). Kesimpulan dalam penyelidikan kualitatif ini merupakan dapatan baharu berupa deskripsi gambaran suatu objek atau kejadian yang sebelumnya masih samar-samar atau gelap sehingga setelah diteliti menjadi jelas, ia dapat membentuk hubungan *causal* atau interaktif dan hipotesis atau teori. Paparan data yang dikemukakan secara naratif dengan disokong oleh data-data yang berkualiti, maka ia dapat dijadikan kesimpulan yang boleh dipercayai.

#### **1.9.9 Validity dan Objektivitas Data Penyelidikan**

*Validity* merupakan darjat ketepatan antara data yang terjadi pada objek penyelidikan dengan data yang dapat dilaporkan oleh penyelidik (Sugiyono, 2010: 117). Oleh itu, data yang sah adalah data “yang tidak berbeza” antara data yang dilaporkan oleh penyelidik dengan data yang terdapat pada objek penyelidikan.

Namun, perlu diketahui bahawa kebenaran realiti data dalam penyelidikan kualitatif tidak bersifat tunggal, tetapi bersifat jamak dan tergantung pada pembentukan manusia yang dibentuk dalam diri seseorang sebagai hasil proses mental setiap individu dengan pelbagai latar belakang. Hal ini berbeza dengan kebolehpercayaan dalam penyelidikan kuantitatif, sebagaimana dijelaskan oleh Susan Stainback dalam Sugiyono (2010: 118), bahawa kebolehpercayaan berkenaan dengan tahap konsistensi dan kestabilan data atau dapatan. Dalam pandangan positivistik (kuantitatif), suatu data dinyatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi apabila dua atau lebih penyelidik dalam objek yang sama menghasilkan data yang sama, atau penyelidik yang sama dalam waktu yang berbeza menghasilkan data yang sama, atau sekelompok data apabila dipecahkan menjadi dua data menunjukkan data yang tidak berbeza.


Terdapat dua macam kesahan penyelidikan, iaitu kesahan internal dan kesahan eksternal. Kesahan internal berkenaan dengan tahap ketepatan dianggap sebagai penyelidikan dengan hasil yang dicapai. Sedangkan kesahan eksternal berkenaan dengan tahap ketepatan apakah hasil penyelidikan dapat digeneralisasikan atau diterapkan pada populasi di mana sampel tersebut diambil (Sugiyono, 2010: 117).

Selanjutnya mengenai objektiviti data penyelidikan, dijelaskan Sugiyono (2010: 118) bahawa ia berkait rapat dengan tahap kesepakatan atau *interpersonal agreement* antara banyak orang terhadap suatu data. Sebagai misal, apabila daripada 100 orang, terdapat 99 orang yang menyatakan bahawa terdapat warna merah dalam objek penyelidikan itu, sedangkan seorang lagi menyatakan warna lain, maka data tersebut adalah data yang objektif.

Penyelidik akan berusaha melaporkan hasil penyelidikan sesuai dengan data yang diperolehi di lokasi penyelidikan, kerana apa yang dilaporkan memiliki tahap kesesuaian dengan keadaan yang terjadi di lapangan, sehingga hasil penyelidikan ini dipandang sah.


Sugiyono (2014: 121) menjelaskan bahawa uji keabsahan data dalam penyelidikan kualitatif meliputi uji, *credibility* (kesahan internal), *transferability* (kesahan eksternal), *dependability* (*reliabilitas*), dan *confirmability* (objektiviti).

Hal ini dapat ditunjukkan seperti pada Rajah berikut.



Rajah 1.6. Uji Keabsahan Data Sumber : Sugiyono (2014 : 122)

Dalam penyelidikan ini pengujian keabsahan/*validity* data, penyelidik menekankan pada pengujian kredibiliti. Menurut Sugiyono (2014 : 121), pengujian kredibiliti data penyelidikan kualitatif dapat dilakukan antara lain dengan, berpanjangan pemerhatian, peningkatan ketekunan dalam penyelidikan, triangulasi, diskusi dengan teman sejawat, analisis kes negatif, dan *member check* yang dapat digambarkan seperti pada Rajah berikut.



Rajah 1.7. Uji Kredibilitas Data Sumber: Sugiyono (2014 : 122)

Pelanjutan pemerhatian dilakukan supaya dapat meningkatkan kepercayaan/kredibiliti data, sekiranya penyelidik kembali lagi ke lapangan, melakukan pemerhatian dan wawancara. Pelanjutan pemerhatian ini terutamanya difokuskan terhadap data yang telah diperolehi penyelidik daripada pemberi maklumat dan setelah disemak kembali ke lapangan, data itu ternyata benar dan tidak berubah, sehingga menunjukkan data penyelidikan ini boleh dipercayai.

Meningkatkan ketekunan, iaitu penyelidik berusaha lebih tekun dan cermat untuk memperoleh kepastian dan ketepatan data, dengan menyemak kembali data-data mahupun dengan membaca pelbagai rujukan terutamanya berkaitan konsep/teori yang telah disajikan dalam tinjauan perpustakaan terkait dengan dapatan

penyelidikan. Dengan itu, konsepsi penyelidik menjadi semakin luas dan tajam untuk memeriksa bahawa data yang ditemukan penyelidik adalah benar dan boleh dipercayai untuk dibahas dengan menggunakan pendekatan konsep atau teori pada tinjauan perpustakaan.

Triangulasi, iaitu data disemak kembali daripada pelbagai sumber dengan pelbagai cara. Misalnya, data/keterangan yang diperolehi daripada ketua bahagian kemudian diulang semak dengan data/keterangan daripada penolong ketua bahagian atau daripada staf. Begitu juga misalnya data yang diperolehi daripada ketua atau anggota organisasi *civil society* yang mana kemudiannya disemak semula dengan anggota/ketua organisasi *civil society* yang lain.

Analisis Kes Negatif, iaitu adakah terdapat data yang berbeza atau tidak atau sejauh mana penyelidik menganalisis kes negatif ini secara substantif sangat kecil atau lemah, maka data yang diperolehi boleh dipercayai.

Menggunakan Bahan Rujukan, iaitu data yang diperolehi disertai dengan alat sokongan untuk membuktikan data yang telah ditemukan oleh penyelidik. Misalnya data hasil temu bual disokong dengan rakaman dan data interaksi pemerhatian didukung oleh foto-foto.

Mengadakan member *Check* adalah proses semakan data dengan berjumpa semula dengan pemberi maklumat setelah merangkum atau menerangkan data yang telah diberikan, atau melalui diskusi dengan teman sejawat berhubung dengan data yang diperolehi.

### **1.10 Rumusan**

Pada bab ini adalah untuk menerangkan rumusan masalah kajian, objektif kajian dan persoalan kajian mengenai Radio Suara As'adiyah Sengkang. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cara penyampaian dan kandungan maklumat dakwah yang disediakan bagi mendapatkan pengaruh Radio Suara As'adiyah. Seterusnya adalah untuk mengetahui tahap penerimaan dan menganalisis tahap perubahan sikap daripada penyampaian dakwah melalui Radio Suara As'adiyah. Bab ini juga membahas metodologi kajian dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif.

## BAB DUA

### KONSEP DAKWAH DAN SEJARAH RADIO SUARA AS'ADIYAH

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan pengenalan dan konsep penyampaian dakwah secara umum dan konsep penyampaian dakwah melalui media. Konsep pendakwah atau dai, konsep khalayak dakwah dan radio sebagai media dakwah. Selanjutnya dibahasakan sejarah Radio Suara As'adiyah.

#### 2.2 Konsep Penyampaian Dakwah

Dalam kamus bahasa Melayu Online (<http://prpm.dbp.gov.my>) kata penyampaian berasal daripada kata bahasa Arab iaitu تبليغ yang bermaksud dengan penyampaian atau penyiaran ajaran Islam (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Kata dakwah berasal dari bahasa Arab iaitu: دعا - دعوة Ertinya: memanggil, mengundang. (A.W.Munawwir,1967:406) Bentuk tersebut dalam bahasa Arab disebut *fi'il*. Kata dakwah seperti ini dapat ditemukan dalam Q.S.Yusuf (12):33 dan Q.S.Yunus (10):25.

قَالَ رَبِّ السَّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ ...

Ertinya :

Wahai Tuhanku, penjara lebih aku sukai daripada memenuhi ajakan mereka kepadaku...'

وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَىٰ دَارِ السَّلَامِ ...

Ertinya :

'Allah menyeru (manusia) ke Darussalam (syurga)...'

Atabik Ali dan Ahmad Zuhdi Muhdlor (1996:800) mentafsirkan دعوة dengan (ajakan), مناشدة (undangan/himbauan), طلب (permintaan) الله دعائي (doa kepada Allah). Dalam Kamus Besar bahasa Indonesia, kata dakwah dimaksudkan dengan penyiaran, propaganda; penyiaran agama dalam kalangan masyarakat dan pengembangannya; seruan untuk mempelajari, dan mengamalkan ajaran agama. (Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1995:800). Seterusnya dalam Kamus bahasa Melayu Online (<http://prpm.dbp.gov.my>) kata dakwah diertikan sebagai penyebaran ajaran Islam (Kamus Pelajar Edisi Kedua), manakalah dakwah pula diertikan dengan kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan; golongan-golongan atau kumpulan. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

Istilah dakwah dalam al-Quran diungkapkan dalam bentuk *fi'il* mahupun *masdar* lebih daripada 100 kali. Al-Quran menggunakan kata dakwah untuk mengajak kepada kebaikan yang disertai dengan impak pilihan masing-masing. Dakwah dalam erti mengajak ditemukan sebilangan 46 kali, 39 kali dalam mengajak kepada Islam dan kebaikan, dan 7 kali mengajak ke neraka atau kejahatan. Selain itu, masih terdapat sebilangan ayat-ayat yang menjelaskan istilah dakwah dalam konteks yang berbeza. (Munir, 2006)

Mengikut pengertian etimologi di atas maka berikut merupakan pengertian terminologi daripada kata dakwah. Menurut Syekh Ali Mahfud (tt.17), dakwah adalah:



حث الناس على الخير والهدى والامر بالمعروف وتنهي عن المنكر ليفوزوا بسعادة العاجل والاجل

Ertinya :

Mendorong manusia agar berbuat kebaikan dan menuruti petunjuk, menyeru mereka berbuat kebaikan dan melarang mereka berbuat mungkar agar mereka mendapat kebahagiaan.

Firman Allah dalam Q.S.Ali-Imran (3): 104.

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٤

Ertinya :

‘Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya’.

Zaidan (1976, 5) dalam mentafsirkan dakwah sebagai berikut:

المقصود بالدعوت الله الدعوة الي دينه وهو الاسلام

Ertinya :

‘Yang dimaksudkan dakwah kepada Allah adalah dakwah kepada agamanya, iaitu agama Islam’.

Alwi Shihab dalam *Islam Inklusif* (1998:252) menyatakan bahawa dakwah adalah:

“Upaya mengimbau orang lain ke arah Islam”.

Quraish Shihab dalam “*Membumikan*” *al-Quran* (1996:194), mengemukakan bahawa dakwah adalah:

“Seruan atau ajakan kepada keinsafan, atau usaha mengubah situasi kepada situasi yang lebih baik dan sempurna, baik terhadap peribadi mahupun masyarakat.”

Umar (1967) dalam Tasmara (1997:32) mendefinisikan dakwah sebagai berikut:

“Mengajak manusia dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar sesuai dengan perintah Tuhan, untuk kemaslahatan dan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat.”

Oleh itu, dapat difahami bahawa dakwah adalah mengajak manusia dengan cara yang baik kepada keimanan dan pengamalan ajaran agama Islam, dengan tujuan untuk mendapatkan kemaslahatan dunia dan akhirat.

Berdasarkan pengertian di atas maka penyelidikan ini bermaksud mengkaji operasi penyampaian dakwah melalui media Radio dengan menjadikan kajian pada lokasi Kabuapten Wajo. Kajian ini berlaku kerana pendekatan fenomena yang terjadi kepada masyarakat setelah mendapatkan terpaan siaran-siaran dakwah yang berisikan bahan-bahan yang berkaitan dengan ajaran Islam seperti akidah, syariah, dan akhlak. Fenomena yang akan menjadi kajian adalah proses penyampaian mesej-mesej dakwah melalui media radio sehingga menimbulkan kesan bagi masyarakat.

### **2.3 Konsep Penyampaian Dakwah Melalui Media**

Berikut ini dikemukakan teori proses komunikasi massa :

#### **2.3.1 Teori peluru (bullet theory)**

Teori peluru, yang juga dikenali sebagai teori jarum suntik (*Hypodermic Needle Theory*) atau teori sabuk transmisi (*Transmission Bel Theori*) (De Fluer dan Ball Rokech, 1982: 262 dalam Severin 2011: 314) yang menyatakan bahawa komunikasi massa memiliki kekuatan yang besar atas *mass audience*. Keberadaan media massa

memiliki pengaruh yang sangat besar iaitu ia diibaratkan seperti jarum suntik yang dimasukkan ke tubuh pesakit. Saat khalayak mendapatkan informasi daripada media massa maka pengaruhnya terus dirasakan. Oleh itu, berlaku perubahan pemikiran, sikap dan perilaku khalayak secara spontan.

Proses penyampaian dakwah melalui radio mengikut teori peluru menunjukkan bahawa seorang Da'i harus mampu menyesuaikan kedudukannya sebagai juru penyampai dakwah yang berhadapan ramai pendengar dan latar belakang pendidikan, usia, profesion yang berbeza.

### **2.3.2 Teori Efek Terbatas (Limited Effects Model)**

Model ini pertama kali diperkenalkan oleh Joseph Klapper's sekitar tahun 1960, pada ketika ilmuwan sosial tertarik untuk melakukan kajian terhadap kesan langsung daripada media massa terhadap individu-individu. Semua hasil penyelidikan ilmiah tersebut menunjukkan hasil dapatan yang sama iaitu komunikasi massa memiliki pengaruh terbatas, bahkan pada waktu tertentu ia tidak memiliki kesan apabila tujuannya adalah untuk perubahan sikap atau perilaku yang nyata.

Model efek terbatas disokong kuat oleh model komunikasi dua tahap (*two step flow model*) oleh Lazarsfeld, Bereslon, dan Guadet (1948). Mesej dakwah yang disampaikan melalui radio tidak keseluruhannya diterima oleh masyarakat secara langsung, tetapi ia berlaku secara bertahap. Tahap pertama, maklumat yang didengarkan daripada radio diterima oleh tokoh masyarakat (*opinion leaders*). Seterusnya tahap kedua, pemuka masyarakat menyampaikan pesan dakwah kepada khalayak ramai. Menurut model ini, kesan kuat terhadap perubahan sikap dan

perilaku apabila dakwah yang disampaikan melalui radio digabungkan dengan komunikasi interpersonal (*interpersonal communications*).

### **2.3.3 Teori Efek Moderat (Moderate Effects Model)**

Model ini merupakan hasil pembelajaran atau kajian tentang kesan yang dilakukan pada masa 1960-1970an. Model ini melakukan kajian terhadap khalayak pendengar bukan pada Da'i dan memusatkan perhatiannya terhadap pola-pola komunikasi mereka dalam kaitannya dengan mesej media. Pendekatan model ini adalah seperti berikut:

1. *The Information-Seeking Paradigm*

Khalayak cenderung bukan sahaja secara aktif menerima maklumat tetapi juga secara aktif mencari maklumat. Model ini menumpukan perhatian pada tingkah laku individu apabila memilih maklumat dan cuba mengenal pasti faktor-faktor yang menentukan tindakan.

2. *The Uses and Gratifications Approach* (Pendekatan Kegunaan dan Kepuasan)

Pendekatan kepada keperluan individu mesej media berdasarkan manfaat dan kepuasan. Model ini menyediakan sebilangan besar mesej yang diterima oleh khalayak dan digunakan untuk memenuhi semua keperluan. Anda boleh menggunakan maklumat daripada medium yang sama untuk tujuan yang berbeza.

Rakhmat (2013) menggambarkan pendekatan ini digunakan pada kali pertama oleh Elihu Katz (1959) sebagai respons kepada Bernadr Berelson, yang mendakwa bahawa kajian mengenai pengaruh media massa telah tiada. Oleh

sebab penggunaan media merupakan salah satu cara untuk mencapai realisasi keperluan, sekiranya keadaan memenuhi keperluan dicapai, media akan berkesan.

### 3. *The Agenda Setting Function*

Pendekatan lain yang boleh dikategorikan sebagai model kesan moderat adalah pendekatan *agenda setting* oleh Maxwell E. McComb dan Donald L. Shaw (2007).

Model ini menunjukkan bahawa media massa boleh bertindak sebagai agenda (*diari*) . Ini kerana media telah menentukan kandungannya sendiri dan kandungan mesej yang dihantar. Kandungan atau kandungan mesej yang dihantar pastinya akan mempengaruhi sikap dan tingkah laku anda terhadap sesuatu. Tetapi menurut pendekatan ini, media massa hanya boleh mempengaruhi persepsi khalayak tentang apa yang dianggap penting.

### 4. *The Cultural Norms Theory* (Teori Norma Budaya)

Menurut Melvin DeFleur (1958) bahawa komunikasi massa mempunyai kesan tidak langsung ke atas tingkah laku melalui keupayaan untuk membentuk norma baharu. Norma ini mempengaruhi sikap dan akhirnya akan mempengaruhi tingkah laku.

Media mempengaruhi norma kepada individu melalui tiga cara: *Pertama*, mesej akan memperkuat pola yang sedang berlaku pada masyarakat. *Kedua*, menimbulkan kepercayaan baharu berdasarkan pelbagai pengalaman sebelumnya. *Ketiga*, menggeser budaya yang tengah berlaku dan mengubah masyarakat kepada suatu bentuk perilaku yang lain.

#### **2.3.4 Model kesan kuat (*powerfull effect*)**

Banyak kajian seolah-olah sependapat iaitu komunikasi massa dapat mencapai kesan yang kuat apabila digunakan untuk program-program atau kempen yang siap sepenuhnya mengikut prinsip komunikasi yang ada. (Norre, F, 2002) Prinsip-prinsipnya adalah seperti berikut.

1. Prinsip mengulang-ulang, iaitu satu mesej yang sama disampaikan secara berulang-ulang pada masa tertentu. Kaedah ini dapat menunjukkan hasil yang tinggi berbanding dengan menetapkan hanya satu mesej untuk mendapatkan kesan yang diinginkan.
2. Mengenal pasti dan memberi tumpuan kepada khalayak sasaran tertentu (*segmen penonton*), mesej daripada komunikasi atau kempen itu berdasarkan matlamat yang hendak dicapai. Sehingga penonton berpendapat bahawa kebenaran diarahkan kepadanya dan bukan kepada orang lain.
3. Idea dan gagasan daripada teori komunikasi juga boleh digunakan untuk membangunkan topik komunikasi, mesej yang akan dibuat dan media yang digunakan.

#### **2.3.5 Menggabungkan Saluran Media Massa dan Saluran Interpersonal**

Schramm (1964) dalam Wiryanto (2004) menunjukkan secara khusus bahawa saluran interpersonal boleh digunakan untuk tugas-tugas pemodenan yang menunjukkan apa yang tidak dapat dilakukan oleh media massa dan boleh digunakan untuk situasi komunikasi massa. Penyepaduan komunikasi interpersonal dan media difokuskan untuk mempengaruhi penonton dengan idea baharu dan mempengaruhi pelaksanaan inovasi baharu.

Forum media adalah salah satu kewujudan penggabungan dua saluran komunikasi. Model ini pada asalnya dibangunkan dalam kalangan petani di Kanada, Jepun, India, Nigeria, Ghana, Malawi, Costa Rica dan Indonesia. Mesyuarat berskala kecil akan menerima program daripada media massa, dan forum media akan diadakan dengan kerjasama program untuk membincangkan program itu. (Jahri : 1988)

Perwujudan forum media ini adalah seperti berikut :

India adalah salah satu daripada kerajaan yang paling banyak menggunakan forum media radio. Forum radio berfungsi sebagai alat untuk melindungi petani daripada masalah pertanian dan kesihatan, serta inovasi untuk meningkatkan semangat mencuba idea-idea baharu. Program radio yang berjadual boleh diadakan di tempat awam atau di rumah bagi memudahkan pertemuan dengan ahli-ahli forum. Selain itu, ia juga digunakan sebagai wakil kumpulan pembelajaran yang mengambil bahagian seperti menyediakan maklum balas berkala dalam bentuk soalan penjelasan kepada laporan perbincangan menerusi juruhebah radio.

Sekolah media massa menawarkan pendidikan asas. Khususnya, amalan mengiktiraf huruf kepada penduduk, terutamanya kawasan luar ibu kota yang lain.

Parti Komunis China adalah kumpulan penyelidikan Republik Rakyat China yang telah menggunakan kumpulan perbincangan akhbar dan majalah sebagai alat pendidikan dan pengajaran eksekutif selama 50 tahun.

Model forum media boleh dikategorikan sebagai model komunikasi yang menggabungkan komunikasi massa dan komunikasi interpersonal dalam kumpulan kecil. Kumpulan ini adalah elemen utama untuk menggerakkan individu untuk

menerima lebih banyak mesej daripada media massa. Prinsip utama yang digunakan ialah memahami dan memahamkan idea kepada pelbagai khalayak ramai.

### **2.3.6 Konsep Penyampaian Dakwah Melalui Radio**

Operasi penyampaian mesej melalui media komunikasi massa khususnya radio penting diperhatikan kerana radio menggunakan pendengaran. Oleh itu, apa yang perlu diperhatikan oleh seorang pendakwah adalah menyampaikan mesej-mesej dakwah yang mudah difahami oleh *Mad'u* atau masyarakat pendengar.

Dalam menyampaikan mesej-mesej melalui radio, terdapat ketentuan-ketentuan mengenai bentuk dan susunan kalimatnya. Di Amerika lahir apa yang disebut "*Radio tyle*" atau "gaya radio". Effendi (1990; 80-90) Sebelum menyampaikan mesej terlebih dahulu disemak kata-kata yang sesuai dan lebih mudah diterima serta mudah difahami oleh pendengar. Seterusnya ditentukan pula bagaimana cara pembawaan acara.

Perkara perlu diperhatikan dan dipertimbangkan dalam penyampaian dakwah melalui radio ialah pertama, iaitu sifat radio, dan yang kedua iaitu sifat pendengar.

#### **2.3.6.1 Sifat radio siaran**

Radio sebagai media massa memiliki kelebihan tersendiri yang tidak dimiliki oleh media massa yang lain. Program siaran dapat berjalan dengan baik dengan mengetahui dan mengenal sifat-sifat yang dimiliki oleh radio. Sifat radio yaitu *Auditori*, mengandungi gangguan dan akrab:

- a. *Auditori* iaitu : penyampaian mesej melalui radio adalah untuk didengar. Oleh itu, mesej yang sampai di telinga pendengar hanya sepintas lalu sahaja.



- b. Mengandung gangguan : Setiap komunikasi yang menggunakan saluran bahasa mengandung gangguan iaitu “*channel noise factor*” dan “*semantis noise factor*”.
- c. Akrab : Radio siaran bersifat akrab iaitu seorang penyiar atau seorang pendakwah pada saat menyampaikan mesej dakwahnya seolah-olah berada dalam bilik pendengar yang bersungguh-sungguh menyampaikan mesej dakwahnya. Dalam erti kata lain, seorang pendakwah seolah-olah datang ke bilik pendengar dan memberikan huraian yang berguna kepada pendengar. Semua bunyi yang keluar daripada radio nampaknya diucapkan oleh orang di sana. Sifat itu tidak dimiliki oleh media lainnya kecuali televisyen. (Effendi :1991)

#### **2.3.6.2 Sifat pendengar radio**

Penyampaian dakwah dapat dikatakan berkesan sekiranya pendengar terpicat, memahami dan ia menggerakkan hatinya untuk melakukan apa yang diinginkan oleh penceramah atau pendakwah. Perkara-perkara yang perlu diperhatikan oleh seorang pendakwah adalah bagaimana sifat pendengar yang akan menentukan gaya atau model penyampaian yang akan digunakan.

Sebagaimana yang dikemukakan oleh Effendi (1991), sifat-sifat pendengar radio antaranya adalah :

1. *Heterogen* : pendengar media radio sangat ramai, bertaburan di pelbagai tempat; di ibu kota dan di pedalaman, di rumah, pos, asrama, kereta dan lain-lain. Mereka juga mempunyai pelbagai perbezaan seperti jenis kelamin, usia, tingkat pendidikan dan tata budaya. Selain itu, para pendengar atau *Mad'u* berbeza dalam pengalaman dan keinginan, tabiat dan kebiasaan.

2. Peribadi : bagi pendengar *heterogen*, isi mesej yang didengarkan akan dapat diterima dan difahami, sekiranya sifat peribadinya mengikut keadaan di mana pendengar berada.
3. Aktif : Wilbur Schram (1967) dan pakar komunikasi di Amerika berkata bahawa sifat pendengar radio adalah aktif apabila mendengarkan penyampaian melalui radio. Mereka selalu aktif berfikir dan bertanya apakah yang diucapkan oleh pendakwah atau penyiar radio sama ada benar atau tidak.
4. Selektif : Pendengar sifatnya selekti iaitu ia akan memilih program siaran radio yang disukainya.

Oleh hal demikian, dalam proses komunikasi massa, unsur pendengar perlu diteliti, kerana sasaran yang kompleks ini berhubung kait dengan berbagai-bagai segi sosiologis, psikologi, edukatif, kultur bahkan politik dan ekonomis. (Effendi :1991)

Arifin (2011:177) menjelaskan bahawa keberkesanan teknologi maklumat yang berbentuk media memberikan pengaruh terhadap perilaku dan cara berfikir manusia dalam kehidupan sosialnya daripada pelbagai perspektif. Media merupakan satu organisasi berstruktur, yang menjadi agen penyedia informasi kepada masyarakat.

Media memiliki peranan penting dalam proses pembentukan masyarakat yang lebih dewasa dan moden. Beberapa orang ahli percaya, bahawa media memberikan pengaruh yang besar bagi para khalayaknya. Keberkesanan dakwah terjadi pada diri individu penerima atau khalayak dakwah, sebagai kesan daripada dakwah yang disampaikan oleh pendakwah atau mubaligh, baik secara langsung mahupun melalui media massa. (Arifin, 2011:177)

Bukti kukuh bahawa terjadinya kesan dakwah dalam komunikasi tersebut adalah kerana berlakunya perubahan pendapat, sikap dan perilaku khalayak/*Mad'u* disebabkan mesej-mesej yang menyentuhnya. Hal ini bersangkutan paut dengan proses komunikasi asasi sifatnya.

Menurut Schramm (1955), komunikasi dapat dimulai daripada sumber (komunikator) yang merasakan pentingnya suatu mesej (bahan dakwah) untuk disampaikan kepada khalayak (sasaran dakwah) sebagai sasaran. Mesej atau dakwah itu dapat disampaikan, sekiranya dirangka bentuk (*encoder*) terlebih dahulu melalui bahasa dengan simbol atau lambang-lambang yang mempunyai maksud (*verbal simbol* mahupun *non verbal simbol*). Kemudian pernyataan itu disuarakan secara langsung atau melalui alat-alat sokongan (media). Seterusnya, pernyataan tersebut diterima oleh khalayak/*Mad'u*, dengan terlebih dahulu diertikan (*decoder*) dan kemudian ditafsirkan. Akhirnya, timbullah kesan yang bermacam-macam sesuai dengan pengaruh mesej yang disampaikan kepada khalayak/*Mad'u* melalui media tersebut.

Proses terjadinya kesan suatu komunikasi terhadap individu secara konkrit menurut Susanto (1982) dalam (Gazali, 1997;32) dapat diklasifikasikan dalam tingkat sebagai berikut:

1. Menerima idea, melaksanakan dan menganjurkan kepada orang lain.
2. Boleh menerima dan melaksanakan (tanpa merumuskan penganjurannya).
3. Idea diterima tapi masih difikirkan pelaksanaannya.
4. Idea tidak diterima.
5. Idea ditolak bahkan memikirkan kemungkinan mengambil saran/anjuran daripada pihak lawan A, iaitu C.

6. Menolak idea A dan mengambil/melaksanakan idea daripada lawan A, iaitu C.
7. Menolak idea dari A, menerima idea dari C (= lawan A) dan menganjurkan penggunaan idea C kepada orang lain.

Rogers dan Schoemaker (1971) mengemukakan proses terjadinya kesan panyampaian pesan komunikasi melalui lima tahap, iaitu: kesedaran, perhatian, penilaian, cuba-cuba dan adopsi.

Bila komposisi Rogers di atas diikuti, maka dapat dikatakan bahawa pengertian dan pengetahuan manusia itu adalah lahir setelah melewati pintu-pintu kesedaran dan perhatian. Ia membawa maksud bahawa suatu mesej atau dakwah dapat dimengerti dan diketahui, kemudian melahirkan pendapat sikap dan tindakan sebagai manifestasinya dan terlebih dahulu orang tersebut perlu sedar akan adanya rangsangan yang menyentuhnya, seterusnya ia akan menimbulkan pengamatan dan perhatian, lalu terjadi perubahan yang disebut dengan kesan.

Beberapa fakta yang harus dilakukan oleh komunikator dakwah:

1. Usahakan sekuat mungkin untuk mengelakkan rintangan daripada sikap pemahaman yang kaku dan susah berubah terhadap aspek-aspek kenyataan, khususnya terhadap seseorang atau kumpulan sosial yang dapat menghalangi, misalnya kerana faktor usia, pekerjaan (profesion), status sosial dan lain-lain.
2. Perlu disedari bahawa pemahaman itu berlaku dengan dua cara, iaitu berusaha untuk mengerti tentang diri khalayak supaya apa yang disampaikan dapat mudah dimengerti.
3. Semaklah dan dengarkan dengan hati terbuka, dan elakkan prasangka-prasangka sebelumnya pada saat proses komunikasi.

4. Berusaha menyelaraskan antara pikiran dan pengalaman untuk mendapatkan kesan yang baik pada proses komunikasi.
5. Berusahalah untuk menjelaskan masalah yang kabur dan susah difahami.
6. Untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan dari orang lain atau audiens, hendaklah terlebih dahulu berusaha tampil menjadi diri peribadi yang dapat dipercayai.
7. Cermati dan sambutlah dengan baik pandangan orang lain. Usahakan mendapatkan kesempatan untuk melakukan hal-hal yang sopan dan gembirakanlah mereka apabila mereka menginginkan hal tersebut.
8. Jadilah motivator untuk membangkitkan keberanian dan minat orang lain. Usahakan melibatkan diri terhadap orang lain dengan sikap terbuka dan menyembunyikan rahsia khalayak. (Gazali, 1997;32-33)

Pandangan di atas dapat difahami sebagai etika komunikasi dalam melakukan dakwah dan merupakan hal yang baik dilakukan untuk mewujudkan keberkesanan dalam penyampaian dakwah.

Hal-hal lain yang penting dalam proses terjadinya kesan komunikasi atau dakwah pada khalayak adalah mesej itu dapat menimbulkan kesan dan ia perlu mengandungi dua aspek iaitu: mesej harus ditangkap oleh pancaindera, dan yang kedua adalah ia harus mempunyai makna. Mesej komunikasi atau dakwah yang bermakna sangat ditentukan oleh individu sendiri. Hal ini tergantung pada kerangka rujukan dan lapangan pengalaman seseorang.(Arifin, 1994;44)

Seorang pendakwah atau komunikator yang akan menyampaikan dakwah kepada *Mad'u* terlebih dahulu perlu mengetahui kepada siapa akan disampaikan dakwah dan

media apa yang akan digunakan. Sukar untuk mendapatkan kesan yang sesuai dengan apa yang diharapkan apabila tidak melakukan perkara tersebut. Ini kerana setiap individu dalam masyarakat banyak memiliki sumber-sumber pengetahuan keagamaan baik melalui media TV, radio, mahupun mendengarkan langsung daripada pendakwah dan lain-lain.

#### 2.4 Konsep Pendakwah/Dai

Secara umum dapat dikatakan bahawa setiap yang *mukallaf* (dewasa) secara automatik berperanan sebagai *Da'i* yang mempunyai kewajipan untuk menyampaikan ajaran-ajaran Islam kepada umat manusia. Namun, pada saat yang sama mereka bertindak sebagai objek dakwah. Secara khususnya, orang yang seharusnya berperanan lebih intensif sebagai *Da'i* (komunikator) merupakan mereka yang memang mempunyai profesion ataupun yang menumpukan dirinya dalam tugas menggali mutiara-mutiara ilmu serta ajaran Islam untuk disampaikan kepada orang lain sehingga ilmu dan ajaran agamanya dapat mempengaruhi sikap dan tingkah laku orang lain. Hal ini sebagaimana yang diisyaratkan dalam al-Quran Surat At-Taubah (9): 122

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾

Ertinya :

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Golongan yang dimaksudkan oleh ayat ini adalah mereka yang mengambil kelebihan (*takhasshush*) dalam bidang agama Islam dan kemudian menyampaikan ilmunya dengan tujuan orang yang menerimanya (*Mad'u*) dapat bertingkah laku sesuai dengan petunjuk-petunjuk dalam al-Quran dan al-Sunnah. (Malik Idrus, 2007:23)

Dalam bidang agama, golongan ini dikenal dengan sebutan sebagai *Ulama*, iaitu orang yang tinggi ilmu pengetahuan agamanya. Akan tetapi dalam perkembangan masyarakat kebelakangan ini, dengan mempertimbangkan segala aspek perubahan budaya sebagai akibat kemajuan sains dan teknologi maka para ulama dengan sendirinya juga dituntut meningkatkan pengetahuannya terhadap berbagai-bagai aliran yang berkembang seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Hal ini penting kerana sasaran (objek) dakwah juga sentiasa dirangsang oleh kemajuan teknologi dengan segala aspeknya. (Malik Idrus, 2007: 24)

Seorang *Da'i* sebaiknya mereka yang berasal daripada kalangan pilihan. Pilihan tentunya berdasarkan pada kriteria tertentu yang lazim digunakan dan dijadikan dasar masyarakat dalam menilai layak atau tidaknya seorang menyandang panggilan *Da'i*. Sekurang-kurangnya *Da'i* merupakan hasil pilihan atau keluaran dari sebuah latihan atau institusi *Da'i*. Ia melibatkan pemilihan secara formal dari lembaga-lembaga pendidikan atau lembaga dakwah, atau di bawah bimbingan *Da'i* senior atau ulama. Standard pemilihan berdasarkan pada sejauh mana seseorang pendakwah dapat mengembang tugasnya memerintahkan untuk berbuat ma'ruf, mencegah segala bentuk mungkar dan menunjukkan konsistensi dalam iman. (Jafar, 2010; 113)


Juru dakwah (*Da'i*) memiliki posisi yang sangat penting dalam menentukan berhasil atau tidaknya kegiatan dakwah. Setiap muslim yang hendak menyampaikan dakwah,

khususnya juru dakwah (*Da'i*) profesional yang mengkhususkan diri dalam bidang dakwah sepatutnya memiliki keperibadian yang baik untuk menunjang keberhasilan dakwah baik keperibadian yang bersifat rohaniah (psikologi) ataupun keperibadian yang bersifat fizik. (Shihab,1994; 35).

Keberhasilan dakwah sangat ditentukan oleh kapabiliti dan kredibiliti subjek dakwah (*Da'i*) dalam mendekati objek dakwah (*Mad'u*). Oleh itu, dalam pelaksanaan dakwah terdapat dua faktor penting yang perlu diperhatikan iaitu *source attractiveness* dan *source credibility*.

*Source attractiveness* (daya tarik sumber) adalah sesuatu yang terdapat dalam diri *Da'i*. *Da'i* sebagai subjek dakwah akan berhasil dalam dakwahnya dan akan mampu mengubah pendapat, sikap, dan perilaku *Mad'u* melalui mekanisme daya tarik, jika *Mad'u* merasa bahwa *Da'i* ikut serta dengannya. Atau mempunyai perasaan kesamaan antara *Da'i* sebagai sumber pesan dengan *Mad'u* sebagai penerima sehingga *Mad'u* bersedia taat pada isi dakwah yang dilancarkannya. Kemampuan *Da'i* dalam mencari titik persamaan akan melahirkan titik persefahaman antara *Da'i* dan *Mad'u* yang sangat dekat. (Idrus, 2007: 39)

Kesamaan dalam berkomunikasi dapat diibaratkan dua buah lingkaran yang bertindih satu sama lain. Daerah yang bertindihan itu disebut kerangka pengalaman (*field of experince*), yang menunjukkan adanya persamaan A dan B dalam hal tertentu, misalnya bahasa atau simbol. (Cangara, 2012: 23)





### Rajah 2.1. Kerangka pengalaman

Dari gambar di atas, dapat ditarik tiga prinsip dasar iaitu:

1. Dakwah akan menjadi efektif jika terjadi pertukaran pengalaman yang sama (*sharing similar experiences*), terutama bahasa yang digunakan oleh *Da'i* adalah bahasa yang dapat difahami oleh *Mad'unya*. Begitu juga mesej yang disampaikan adalah mesej yang dapat dijangkau oleh kemampuan akal objeknya.
2. Jika daerah tumpang tindih ("C") (*the field of experince*) menutupi lingkaran "A" atau "B", menuju terbentuknya lingkaran yang sama, maka makin besar kemungkinannya tercipta suatu proses dakwah yang dapat mengena sasaran (objek).
3. Jika daerah tumpang tindih ("C") mengecil dan menjauhi sentuhan kedua lingkaran, atau cenderung berada dalam lingkaran masing-masing, maka tahap keberkesanan komunikasi dakwah sangat terbatas, bahkan besar kemungkinannya gagal dalam menciptakan proses dakwah yang efektif.

*Source credibility* (kredibiliti sumber) adalah suatu kepercayaan *Mad'u* kepada *Da'i* yang disebabkan oleh adanya keahlian atau profesion yang dimiliki oleh *Da'i* sebagai sumber atau subjek dakwah. Inilah salah satu alasan perlunya dakwah dilakukan secara kolektif sehingga setiap pelaku dakwah akan berbicara dan berbuat sesuai bidang keahliannya masing-masing. Misalnya seorang doktor akan lebih dipercayai oleh masyarakat ketika berbicara di hadapan khalayaknya dengan mengangkat

masalah hubungan puasa dengan kerehatan jasmani, daripada seorang *Da'i* yang tidak punya latar belakang ilmu di bidang kesihatan berbicara di depan khalayaknya namun mengangkat tema tentang kesihatan. (Idris, 2007:41)

Seorang *Da'i* sebelum menyampaikan ceramahnya perlu mempunyai persiapan-persiapan yang matang, baik daripada segi keilmuan ataupun daripada segi budi pekerti. Suatu dakwah mustahil akan terlaksana dengan baik dan tepat sasaran apabila seorang *Da'i* yang tidak punya ilmu pengetahuan yang memadai dan tingkah laku yang buruk, baik secara peribadi mahupun sosial. (Effendi, 2012; 89)

Para *Da'i* harus mengetahui Islam, baik secara global mahupun secara rinci, sedangkan jemaah (dewan) dakwah Islamiah harus mengetahui dan menguasai ilmu dakwah (*retorika*). Ia juga perlu memiliki kemampuan tentang ilmu psikologi sosial kemasyarakatan, baik secara keseluruhan mahupun secara individu. *Da'i* Islam dikehendaki mempunyai kekuatan dan nisbah fizikal, keupayaan untuk berkomunikasi bersama dan bekerjasama dengan masyarakat, dan dalam jiwanya tertanam keyakinan terhadap mereka yang menentanginya secara rasional. (Ahmad Subandi, 1994 : 142)

Lebih terperinci ia menyatakan bahawa *Da'i* harus memiliki ciri sebagai berikut: (1) berperilaku yang baik, berkeperibadian yang positif, mengerti dan mengetahui bila dan di mana harus diam; (2) mampu menjelaskan dan mengetahui retorik, meskipun tidak disyaratkan menjadi penyampai yang ulung, disarankan mengetahui metode dakwah yang lain; (3) memiliki sikap kesetiaan dalam pergaulan serta suka membantu orang yang memerlukan pertolongan; (4) mengetahui *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* serta psikologi dan budaya objek dakwah sehingga tidak berbeza produktif

dengan masyarakat sasaran dakwahnya; (5) suka mempermudah atau tidak mempersulitkan; (6) jauh daripada perbuatan maksiat dan syubhah. (Ahmad Subandi, 1994 : 155-159)

Hal-hal yang harus dimiliki seorang *Da'i*, antara lain: (1) mengetahui tentang *al-qur'an* dan sunnah Rasul sebagai pokok ajaran Islam; (2) memiliki pengetahuan Islam yang berinduk kepada *al-qur'an* dan sunnah, seperti Tafsir, Ilmu Hadis, Sejarah Kebudayaan Islam; (3) memiliki ilmu pengetahuan yang menjadi alat kelengkapan dakwah seperti Ilmu Jiwa (Psikologi), Antropologi dan Perbandingan Agama; (4) memahami bahasa umat yang akan diajak kepada jalan yang disukai oleh Allah SWTserta mempunyai ilmu retorik dan kepandaian berbicara atau mengarang; (5) penyantun dan lapang dada; (6) berani kepada siapa pun dalam menyatakan membela dan mempertahankan kebenaran; (7) memberi contoh dalam setiap medan kebajikan supaya selari antara kata-katanya dengan tindakannya; (8) berakhlak baik sebagai seorang muslim (tawaduk, tidak sombong, pemaaf dan ramah; (9) memiliki ketahanan mental yang kuat (kesabaran), kuat kemahuan, optimis walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan kesulitan; (10) ikhlas berdakwah kerana Allah, mengikhlaskan amal dakwahnya semata-mata kerana menuntut keredaan Allah SWT; (11) mencintai tugas kewajibannya sebagai *Da'i* dan tidak mudah meninggalkan tugas tersebut kerana pengaruh-pengaruh keduniaan. (Hamzah Ya'cob: 1981, 37-39)

Kelengkapan-kelengkapan istimewa yang perlu dimiliki *Da'i* tersebut di atas berdasarkan suatu pertimbangan bahawa tugas pelaksana dakwah (*Da'i*) adalah: (1) meluruskan; (2) mendorong dan merangsang umat untuk beramal; (3) mencegah kemungkar; (4) membersihkan jiwa; (5) menguatkan keperibadian seseorang agar

keperibadiannya diwarnai ajaran agama dan agar setiap masalah selalu dianalisis dengan pandangan agama dan setiap persoalan dipecahkan dengan pisau analisis agama; (6) membina persatuan dan persaudaraan; dan (7) menolak kebudayaan yang merosak. (Hamzah Ya'cob, 1981 : 39-47)

Untuk membuat suatu proses dakwah sesuai dengan yang diharapkan, seorang *Da'i* harus memiliki kriteria-kriteria keperibadian yang dipandang positif oleh ajaran Islam dan masyarakat. Kriteria dan rumusan tersebut berdasarkan al-Quran, Sunnah Nabi, tingkah laku para sahabat dan para ulama.

#### 1. Keperibadian yang Bersifat Rohaniah

Kriteria keperibadian yang baik sangat menentukan keberhasilan dakwah kerana pada hakikatnya berdakwah tidak hanya menyampaikan teori, tapi juga harus memberikan teladan bagi umat yang diseru. Keteladanan jauh pengaruhnya daripada kata-kata, hal ini sejalan dengan ungkapan hikmat "*lisan al-hal abyantu min lisan al-maqal* (kenyataan lebih menjelaskan dari ucapan). Klasifikasi keperibadian *Da'i* yang bersifat *psiches* (rohaniah) mencakup; sifat, sikap dan kemampuan diri para *Da'i*. Ketiga-tiga masalah tersebut mencakup keseluruhan keperibadian yang harus dimiliki. (LM Effendi, 2012; 90)

#### 2. Sifat-sifat *Da'i*

Sifat bergantung pada zatnya, sebagaimana gula bersifat manis, garam bersifat masin. Sekiranya gula kehilangan sifat manisnya, maka tidak boleh lagi disebut gula. Demikian juga dengan *Da'i* selayaknya mempunyai sifat

yang mencirikan seorang *Da'i*, seandainya *Da'i* tidak memiliki sifat tersebut, maka tidak layak disebut *Da'i*. Kriteria perilaku *Da'i* antara lain:

a. Beriman dan Bertakwa kepada Allah SWT

Keperibadian *Da'i* yang terpenting adalah iman dan takwa kepada Allah SWT. Sifat ini merupakan dasar utama pada akhlak *Da'i*. Seorang *Da'i* tidak mungkin menyeru *Mad'u*-nya (sasaran dakwah) beriman kepada Allah SWT kalau tidak ada hubungan antara *Da'i* dan Allah SWT. Seorang *Da'i* juga tidak mungkin mengajak *Mad'u*-nya berjalan di atas jalan Allah SWT sekiranya *Da'i* dirinya sendiri tidak mengenal jalan tersebut. Sifat dasar *Da'i* dijelaskan Allah SWT dalam QS. Al-Baqarah (2)44.

أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

*Ertinya :*

*Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?*

b. Ahli Taubat

Sifat Taubat dalam diri *Da'i*, bererti ia harus mampu lebih menjaga atau takut untuk berbuat maksiat atau dosa dibandingkan dengan orang-orang yang menjadi *Mad'u*-nya. Jika ia merasa telah melakukan dosa atau maksiat hendaklah ia bergegas untuk taubat dan menyesali atas perbuatannya dengan mengikuti panggilan Ilahi. Dalam diri seorang *Da'i* juga harus tertanam bahawa Nabi Muhammad seorang Nabi yang telah dijaga dan dijanjikan Allah akan terhindar daripada dosa pun, setiap hari

baginda memohon ampun kepada Allah, seperti yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari Abu Hurairah:

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:  
وَاللَّهِ إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً

“Dari Abu Hurairah r.a berkata: ‘Aku mendengar Rasulullah bersabda, Sesungguhnya aku mohon ampun dan mohon tobat kepada Allah dalam sehari lebih dari tujuh puluh kali.’”

c. Ahli Ibadah

Seorang *Da'i* adalah mereka yang selalu beribadah kepada Allah dalam setiap gerakan, perbuatan atau perkataan pada mana-mana tempat dan waktu pun. Dan segala ibadahnya ditujukan dan diperuntukkan hanya kepada Allah, dan bukan kerana manusia (*riya'*). Allah berfirman dalam Q.S. *Surat Al-An'am* (6): 162

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ١٦٢

Ertinya :

*Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.*

d. Amanah dan Siddiq

*Amanah* (terpercaya) dan *siddiq* (jujur) adalah salah satu sifat utama yang harus oleh *Da'i*. Amanah dan *siddiq* adalah dua sifat yang sentiasa bersama, kerana kedua-duanya amat penting dalam kehidupan manusia. Amanah dan *siddiq* merupakan hiasan para nabi dan orang-orang shaleh, dan perlu menjadi hiasan dalam peribadi *Da'i* kerana apabila seorang *Da'i*

memiliki kedua-dua sifat ini maka *Mad'u* akan percaya dan menerima ajakan dakwahnya.

e. Pandai Bersyukur

Orang-orang yang bersyukur adalah orang-orang yang merasakan kurnia Allah dalam dirinya, sehingga perbuatan dan ungkapannya merupakan hasil daripada rasa kesyukurannya tersebut. Syukur dengan perbuatan ertinya melakukan kebaikan dan syukur dengan lisan bererti selalu mengeluarkan ungkapan-ungkapan yang baik (*kalimat thayyibat*). Syukur juga mempunyai 2 dimensi, syukur kepada Allah dan syukur kepada manusia. Seorang *Da'i* yang baik adalah *Da'i* yang mampu menghargai nikmat-nikmat Allah dan menghargai kebaikan orang lain.

f. Tulus dan Ikhlas Tidak Mementingkan Peribadi

Niat yang tulus ikhlas tanpa kepentingan duniawi adalah salah satu syarat mutlak yang harus dimiliki seorang *Da'i*, kerana dakwah merupakan pekerjaan yang bersifat *ubudiyah*, yakni amal perbuatan yang berhubungan dengan Allah SWT. Ia memerlukan keikhlasan yang zahir dan batin. Hal ini Allah jelaskan dalam *Surat Al-Bayyinah* (2) ayat 5:

وَمَا أُمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا  
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ

Ertinya :

“Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama dengan lurus, dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat; dan demikian itulah agama yang lurus.”

g. Ramah dan Penuh Pengertian

Dakwah adalah pekerjaan yang bersifat propaganda kepada yang lain. Propaganda dapat diterima apabila orang yang mempropaganda berlaku ramah, sopan, dan ringan tangan untuk melayani sasarannya (objeknya). Demikian juga dalam dunia dakwah, *Da'i* dituntut untuk memiliki keperibadian yang menarik untuk menunjang keberhasilan dakwah.

h. Tawaduk (rendah hati)

Rendah hati bukanlah rendah diri (merasa terhina dibandingi darjat dan martabat orang lain). Tawaduk dalam hal ini adalah sopan dalam pergaulan, tidak sombong, tidak suka menghina dan mencela orang lain. *Da'i* yang mempunyai sifat tawaduk akan selalu disenangi dan dihormati orang kerana tidak sombong dan berbangga diri yang mana dapat menyakiti perasaan orang lain.

i. Sederhana dan Jujur

Kesederhanaan merupakan pangkal keberhasilan dakwah. Seorang *Da'i* hendaknya tidak bermegah-megah, angkuh, dan sebagainya, sehingga dengan sifat sederhana ini orang tidak merasa segan dan takut kepadanya. Selain itu, kejujuran juga adalah penguat dari sifat sederhana.

j. Tidak Memiliki Sifat Egois

Ego adalah suatu watak yang menonjolkan keakuan, angkuh dalam pergaulan, merasa diri paling hebat, terhormat. Sifat ini harus benar-benar dijauhi oleh seorang *Da'i*. Orang yang mempunyai sifat ego hanya akan



mementingkan diri sendiri, maka bagaimana mungkin seorang *Da'i* akan dapat bergaul dan mempengaruhi orang lain jika ia sendiri tidak peduli dengan orang lain.

k. Sabar dan Tawakkal

Mengajak manusia kepada kebajikan bukan hal yang mudah. Semua nabi dan rasul dalam menjalankan tugas risalahnya selalu berhadapan dengan hambatan dan kesulitan. Demikian juga *Da'i* yang merupakan pewaris nabi sangat besar kemungkinan untuk berhadapan dengan risiko dilawan, dihina, dilecehkan, bahkan dibunuh. Oleh itu, apabila menunaikan tugas dakwah, apabila *Da'i* mengalami hambatan dan cubaan hendaklah *Da'ia* menyadari bahawa hambatan dan cubaan tersebut merupakan sebahagian daripada perjuangan (dakwah) dan hendaklah dilalui dengan sabar dan tawakkal kepada Allah SWT.

l. Memiliki Jiwa Toleran

Toleransi dapat difahami sebagai suatu sikap pengertian dan dapat mengadaptasi diri secara positif (menguntungkan bagi diri sendiri mahupun orang lain) bukan toleransi yang bererti mengikuti jejak lingkungan. Salah satu contoh ayat yang menunjukkan sifat toleransi dalam *Surat Al-Kafirun* (109) ayat: 6.

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ٦

Ertinya :

“*Bagimu agamamu dan bagiku agamaku*”

m. Sifat Terbuka (Demokratis)

Seorang *Da'i* adalah manusia biasa yang juga tidak luput daripada salah dan lupa. Oleh itu, bagi membuah hasil dakwah, *Da'i* seharusnya memiliki sifat terbuka. Antara lain adalah apabila ada kritikan dan saranan hendaklah ia diterima dengan gembira, apabila ia mendapat kesulitan ia sanggup bermusyawarah dan tidak berpegang teguh pada pendapat (idea) nya yang kurang baik.

n. Tidak Memiliki Penyakit Hati

Sombong, dengki, ujub, dan iri harus disingkirkan dari sanubari seorang *Da'i*. Tanpa membersihkan sanubari daripada sifat-sifat tersebut tidak mungkin tujuan dakwah akan tercapai. Salah satu contoh penyakit hati apabila seseorang merasa iri sekiranya temannya mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat, sifat tersebut membuat seseorang tidak mungkin mengajak kepada kebaikan bila dirinya sendiri iri hati melihat sasaran dakwah mendapat kebahagiaan.

3. Sikap Seorang *Da'i*

Sikap dan tingkah laku *Da'i* merupakan salah satu faktor penting keberhasilan dakwah. Masyarakat sebagai sebuah komuniti sosial lebih cenderung menilai karakter dan tabiat seseorang daripada pola tingkah laku seharian yang dapat dilihat dan didengar. Memang benar ungkapan ulama bahawa “Lihatlah apa yang dikatakan dan janganlah melihat siapa (orang) yang mengatakan”, namun alangkah baiknya jika tingkah laku dan sikap *Da'i* juga merupakan cerminan dari perkataannya. Antara sikap-sikap ideal yang harus dimiliki oleh *Da'i* adalah:

- a. Berakhlak mulia: Berbudi pekerti yang baik (*berakhlaqul karimah*) adalah syarat mutlak yang perlu dimiliki oleh setiap orang, terutamanya seorang *Da'i*. Hamka mengatakan bahawa alat dakwah yang paling utama adalah akhlak dan budi pekerti. Oleh itu, Rasulullah SAW diutus tidak lain untuk memperbaiki moral umat manusia, beliau bersabda, “*Sesungguhnya aku (Rasulullah) diutus oleh Allah SWT ke dunia (ini) hanyalah untuk menyempurnakan akhlak (budi pekerti).*”
- b. Sebagai Teladan : Seorang *Da'i* harus dapat menjadi teladan yang baik kepada masyarakat. Apabila *Da'i* menyuruh sasaran dakwah (*Mad'u*) berbuat kebaikan, *Da'i* tersebut perlu lebih dahulu melaksanakannya, dan apabila *Da'i* menyuruh *Mad'u* menjauhi kemungkaran maka *Da'i* tersebut perlu lebih dahulu menjauhinya. Apabila *Da'i* berada di tengah-tengah massa, *Da'i* hendaklah memberikan semangat agar mereka senantiasa mengikuti semua ajakan *Da'i*. Jika seorang *Da'i* bertempat di belakang, *Da'i* hendaknya mengikuti *Mad'u* dengan bimbingan-bimbingan agar lebih meningkatkan keimanannya.
- c. *Wara'* dan Berwibawa: Sikap *wara'* adalah menjauhkan perbuatan-perbuatan yang kurang berguna dan mengindahkan amal soleh, sikap ini dapat menimbulkan kewibawaan seorang *Da'i*. Sebab kewibawaan merupakan faktor yang mempengaruhi seseorang untuk percaya menerima suatu ajakan.
- d. Berpandangan Luas : Seorang *Da'i* dalam menentukan strategi dakwahnya sangat perlu berpandangan jauh, tidak fanatik pada suatu

golongan saja dan waspada dalam menjalankan tugasnya. Berpandangan dapat berarti bijaksana dan arif dalam melihat dan menyelesaikan segala permasalahan dan tidak melihat permasalahan hanya dari satu sudut pandang dan mengabaikan sudut pandang yang lain.

- e. Berpengetahuan yang cukup : Beberapa pengetahuan, kecekapan, dan keterampilan tentang dakwah sangat menentukan corak strategi dakwah. Pengetahuan seorang *Da'i* meliputi pengetahuan yang berhubungan dengan mesej dakwah yang disampaikan dan pengetahuan yang erat hubungannya dengan teknik-teknik dakwah. Di samping itu, seorang *Da'i* juga harus memiliki pengetahuan yang memadai tentang semua hal yang berhubungan dengan *Mad'u*, baik bahasa, tradisi, psikologi, budaya dan emosi *Mad'u*.

Seorang *Da'i* mesti memiliki wawasan berfikir yang mencakupi tiga aspek dasar. *Pertama*, memahami Islam secara betul dan menyeluruh yang memungkinkan *Da'i* dapat melaksanakan syariat Islam dengan pelaksanaan yang benar terhadap dirinya, sehingga pada saat berdakwah dia mampu menyampaikan dan menjelaskan syariat Islam dengan baik dan benar pula kepada orang lain. *Kedua*, para *Da'i* mesti mengetahui keadaan dan situasi dunia Islam dulu dan sekarang, mengetahui peristiwa-peristiwa terkini yang mempengaruhi kaum muslim, mengetahui siapakah golongan yang bergerak di bidang dakwah, kecenderungan dan cara-cara mereka dan bagaimana bentuk kerja sama yang bisa dilakukan dengan mereka. *Ketiga*, para *Da'i* harus menyampaikan untuk memantapkan ilmu yang berkaitan dengan urusan hidup manusia seperti kedokteran, teknik,

pertanian, ekonomi, dan lain-lain. Seorang *Da'i* harus meningkatkan profesionalismenya dalam bidang keilmuan yang diceburinya. (Amin, 1999; 104)

#### 4. Keperibadian yang Bersifat Jasmani

- a. Sihat Jasmani. Dakwah memerlukan akal yang sihat dan akal yang sihat terdapat pada badan yang sihat. Seorang *Da'i* profesional yang berdakwah dengan jumlah sasaran dakwah yang ramai maka kesihatan jasmani mutlak diperlukan kerana keadaan badan yang kurang sihat, sedikit sebanyak dapat mengurangi keghairahan *Da'i* dalam melakukan aktiviti dakwah. Di samping itu, dengan kesihatan jasmani seorang *Da'i* mampu memikul beban dan tugas dakwah.
- b. Berpakaian Sopan dan Rapi. Pakaian yang sopan, praktis, dan pantas mendorong rasa simpati seseorang pada orang lain, bahkan pakaian pun memberi kesan terhadap kewibawaan seseorang. Bagi seorang *Da'i*, masalah pakaian harus mendapat perhatian serius kerana pakaian yang digunakan menunjukkan keperibadian. Adapun yang dimaksudkan dengan pakaian yang kemas adalah pakaian yang sesuai dengan tempat, suasana dan keadaan tubuh bukan bererti pakaian yang serba baik, baharu dan mahal. (Amin, 1999; 47)

Ahmad Mubarak dalam *Psikologi Dakwah* menyatakan bahawa seorang *Da'i* juga harus memiliki beberapa kemampuan di antaranya:

1. Kemampuan Berkomunikasi : Dakwah adalah proses berkomunikasi dakwah kepada *Mad'u*. Komunikasi dapat dilakukan secara lisan, tulisan atau

perbuatan, dengan kata-kata atau dengan bahasa perbuatan. Komunikasi akan berhasil manakala pesan dakwah itu difahami oleh *Mad'u* dan pesan dakwah tersebut mudah difahami apabila disampaikan sesuai dengan cara berfikir dan emosi *Mad'u*.

2. Pemberani : Pada peringkat tertentu, *Da'i* merupakan pemimpin masyarakat. Keupayaan kepemimpinan seorang *Da'i* bukan hanya dalam bidang agama, tetapi turut berfungsi dalam sosial, budaya, ekonomi, bahkan tentera. Daya tarik pimpinan seseorang antara lain terletak pada keberaniannya. Keberanian diperlukan oleh seorang *Da'i* untuk menyuarakan kebenaran manakala ia dihadapkan dengan berbagai-bagai cabaran. (Amin, 1999; 107)

Kedudukan Radio Suara As'adiyah yang merupakan stesen Radio milik Pesantren As'adiyah berada di tengah masyarakat Kabupaten Wajo secara budayanya menggunakan bahasa daerah Bugis. Oleh itu, perlu dijelaskan dahulu bagaimana pandangan masyarakat terhadap kriteria ulama di sisi mereka.

Orang Bugis menyebut ulama dengan sebutan *gurutta*. Sebutan ini ada hubungannya dengan konsep guru dalam bahasa Sanskerta yang bererti *pengajar agama (religious teacher)* daripada kalangan Brahma dalam agama Hindu, yang diselaraskan seperti panggilan pendeta dalam Kristen, dan Mufti atau Syeikh dalam Islam. Pada saat ulama sudah mencapai ke tingkat ahli, masyarakat Bugis menyebutnya *topanrita*. Sama seperti *gurutta*, *to-panrita* juga diambil dari bahasa Sanskerta : *pandita* yang mengacu kepada seseorang yang memiliki kualiti sangat terpelajar dalam agama (*a person of great religious learning*), bijaksana, soleh dan jujur. (Ahmad, 2011:293)

Istilah Kiyai, yang biasanya digunakan untuk menyebut ulama di Jawa, diambil oleh masyarakat Bugis. Gelaran ini diberikan di Jawa kepada seorang ahli agama Islam yang memiliki atau menjadi pimpinan pesantren dan mengajar kitab-kitab klasik kepada para pelajarnya. Penggunaan kata Kiyai dalam masyarakat Bugis lebih bersifat umum untuk semua ahli agama, sementara *gurutta* menunjukkan kepada kedudukan yang dimiliki dan juga lebih bersifat khusus serta melibatkan hubungan emosional. Panggilan *gurutta* hanya diberikan kepada seorang ahli agama, dan bukan untuk ahli ilmu yang lain. Oleh itu, orang Bugis memahami ulama dalam pengertian khusus. Hal ini berbeza dengan penggunaan kata ulama sebagaimana difahami daripada konsep al-Quran (QS. *Fathir*: 28) tentang ulama, iaitu orang-orang yang takut kepada Allah, tanpa mempersyaratkan disiplin ilmunya. (Ahmad, 2015: 294)

Struktur ulama Bugis memperlihatkan adanya penarafan. *Gurutta* adalah sebutan umum untuk ulama. Di bawah *gurutta* terdapat para *ustaz* dan di atas peringkat *gurutta* terdapat *anregurutta* atau *to-panrita*. Struktur ulama ini memperlihatkan fenomena piramid. Para *ustaz* menempati dasar piramid dengan jumlahnya yang besar, sementara bahagian tengah terdapat *gurutta* dan di puncak piramid terdapat *anregurutta*. Kompetensi yang membentuk ulama Bugis meliputi kompetensi keilmuan (penguasaan ilmu agama), kompetensi sosial (aspek pengamalan agama) dan kompetensi akhlak (keperibadian). Ketiga, kompetensi itu memperlihatkan piramid terbalik. *Anregurutta* memiliki kompetensi tertinggi untuk tiga aspek kompetensi tersebut, sementara *gurutta* berada di bahagian tengah atau sedang. *Ustaz* memperlihatkan kompetensi yang terkecil daripada ketiga-tiga aspek tersebut. (Ahmad, 2011: 294)

Hal ini tidak difahami secara negatif, bahawa *ustaz* memiliki pengetahuan yang dangkal, amalan agama yang rendah, dan akhlak kurang terpuji, melainkan bahawa golongan terakhir ini dipersepsikan sebagai orang yang semata-mata belum sampai ke tingkat kapasiti *gurutta* dan *anregurutta* menurut kriteria orang Bugis. Tiga sifat utama ulama Bugis adalah tawadu' (rendah diri) sebagai sifat keilmuan, ikhlas sebagai sifat dalam beramal, dan *maniniq* (wara') sebagai sifat keperibadian atau akhlak.

Penyatuan ketiga-tiga kompetensi tersebut dalam diri ulama Bugis memperlihatkan timbulnya fenomena karismatik menurut kategori Max Weber. Karisma didefinisikan sebagai kualiti tertentu seorang individu yang menyebabkan dirinya berbeza dengan orang biasa dan diperlakukan seperti orang yang dikurniai sifat adikodrati, adimanusiawi atau paling tidak ialah kekuatan atau kualiti di luar kualiti orang biasa. *Anregurutta* atau *to-panrita*, sebagai peringkat tertinggi dalam struktur ulama Bugis, dipandang sebagai ulama karismatik. Ia dikaitkan dengan pemilikan *karamaq* (karomah) dan *barakkaq* (berkat) yang berkait dengan sifat adikodrati menurut kategori Max Weber. Ulama *makaramaq* (memiliki karomah) merupakan fenomena keagamaan yang terjadi pada diri ulama karismatik yang secara simbolis digambarkan sebagai *nitai de' nitae*, kemampuan melihat atau melakukan sesuatu yang tidak dapat dilihat dan dilakukan orang kebanyakan. *Barakkaq*, yang secara umum difahami sebagai berkat. Dalam tradisi Bugis biasanya ulama yang dikaitkan dengan ulama karismatik seperti itu disebut *barakkaqna anregurutta* (berkat *anregurutta*). Berkat ulama adalah ilmu, doa, pesan dan nasihat yang diberikan kepada orang lain.



Tempat didikan ulama di masyarakat Bugis bermula di pesantren dan dimatangkan di masyarakat. Pengetahuan yang diperoleh di pesantren dipraktikkan dan didakwahkan padamasyarakat. Proses pematangan itulah yang melibatkan ketiga aspek kompetensi seperti disebutkan sebelumnya. Kewujudan pesantren yang terbuka bagi semua kalangan membuat penghasilan ulama berlangsung secara egaliterian. Sebelum adanya madrasah atau pesantren dalam masyarakat Bugis, penghasilan ulama berlangsung dalam kalangan orang-orang bangsawan dan merupakan hak tertentu orang-orang bangsawan. Madrasah dan pesantren membuka pintu bagi berlangsungnya kemasukan orang kebanyakan dalam stratifikasi sosial orang Bugis. Transformasi ke arah egalitarianisme dalam masyarakat ini merupakan sumbangan besar ulama terhadap pembaharuan sosial di Sulawesi Selatan.

Kriteria atau dasar menilai seorang ulama di kalangan orang Bugis adalah, 1) Penguasaan Ilmu Keislaman, 2) Pengamalan Ajaran Agama, dan 3) Akhlak.

#### **2.4.1 Penguasaan Ilmu**

Ulama bagi orang Bugis bukanlah suatu gelar akademik, melainkan gelar yang diberikan oleh masyarakat untuk seseorang yang dianggapnya layak. Meski bukan gelar akademik, keahlian dalam bidang agama tetap menjadi dasar penilaian. Hal ini sesuai dengan pengertian makna dasar perkataan ulama itu sendiri dalam bentuk jamak daripada perkataan *'âlim* iaitu orang berilmu. Meskipun perkataan ulama berbentuk jamak (*plural*), penggunaannya sehari-hari menunjukkan erti tunggal menggantikan kata *'âlim*. Sedangkan *'âlim*, sendiri digunakan untuk pengertian lain, iaitu orang soleh atau agamawan. Seorang santri yang selalu mengenakan sarung, kopiah, dan baju lengan panjang serta melaksanakan ibadah dengan baik disebut orang *'âlim*.

Mengenai kriteria keilmuan seorang ulama, ulama Bugis mengidentifikasikan dirinya sebagai orang yang mendalami agama Islam, terutama al-Quran dan Hadis, dan mampu membaca kitab. Dengan demikian, syarat keilmuan utama yang harus dimiliki seorang ulama adalah penguasaan bahasa Arab, dengan berbagai-bagai cabangnya secara baik. Ini kerana ia adalah sumber-sumber ajaran Islam, khususnya al-Quran dan Hadis yang ditulis dalam bahasa Arab. Kitab-kitab yang dipelajari di pesantren juga ditulis dalam bahasa Arab. (Ahmad, 2015 : 182-183)

Kitab-kitab tersebut biasa disebut *kitab kuning*, kerana bahan kertas yang digunakan berwarna kuning. Hal ini senada seperti yang dikemukakan oleh seorang mubaligh di Wajo yang mengatakan bahawa dalam kalangan masyarakat Bugis, keulamaan dikaitkan dengan kemampuan membaca kitab kuning. Kitab kuning ini juga dikenal dengan *kitta' gondolo'*, kitab gundul (tanpa tanda syakal/baris atau tanda baca). Belakangan ini, kitab-kitab yang jenis kertasnya berwarna putih pun tetap disebut kitab kuning. Penguasaan kitab kuning khususnya dan bahasa Arab umumnya, dipandang penting kerana seorang ulama tidak boleh tergelincir dalam kesalahan yang dianggap prinsip, seperti keliru dalam mengucapkan sebuah ayat atau hadis. Seorang ahli agama yang tidak menguasai selok-belok bahasa Arab, terutama sistem tatabahasanya, akan mellihatkan kelemahannya di tengah masyarakat. (Ahmad, 2011 : 183)

#### **2.4.2 Amal**

Penguasaan ilmu akan mempengaruhi diri ulama untuk *yakhsya* atau takut kepada Allah. Ulama membezakan pengertian *yakhsya* dengan *khâfa* atau *yakhfa*. *Yakhsya* bererti takut dalam pengertian mendekati Allah, dan *khâfa* bererti takut dalam

pengertian menjauhi. Tiada jalan lain dalam mendekati Allah kecuali dengan pengamalan ajaran Islam itu sendiri.

Ukuran ulama bukan hanya pada penguasaan ilmu saja, tetapi ulama perlu menggantungkan harapannya kepada Tuhan. “*Inna awliyâ al-lâh lâ khawfun ‘alaihim walâhum yahzanûn*”. (Sesungguhnya para wali Allah tidak pernah takut dan susah). Sesungguhnya ulama tidak pernah takut kepada sesiapa pun. Mereka yang takut dengan peluru misalnya, bukanlah digelar sebagai ulama. Oleh itu, ulama bukan hanya mengetahui *syare’aq* (syariat) tetapi juga *hakekaq* (hakiki). Membaca itu sendiri adalah *syare’aq*, *hakekaq*-nya ialah fungsinya. Ramai orang menghafal doa-doa tetapi tidak berfungsi. (Ahmad,2015 : 189)

Oleh itu, tingkat tertinggi *yakhsya* sebagai buah daripada ilmu adalah kebergantungan hanya pada Allah dan ketiadaan gentar terhadap yang lainnya. Yang *kedua*, adalah kemampuannya untuk menjalankan syariat dan menguasai hakikat. Ulama sedemikian dipandang sebagai orang yang sehari-harinya aktif beribadah dan mengajarkan aspek-aspek fungsional daripada pengetahuan. Salah satu aspek fungsional ajaran Islam itu adalah perwujudannya dalam doa dan manfaat doa. Ulama identik dengan sumber mendapatkan doa.

Masyarakat Bugis, dengan demikian, melihat ulama bukan hanya daripada aspek ilmunya tetapi yang lebih penting lagi adalah pengamalan daripada ilmu yang diketahuinya. Seorang ulama merupakan seseorang yang mendapatkan legitimasi atau pengakuan. Sedangkan pengakuan itu sendiri tergantung pada penilaian terhadap amalan ulama. Hal ini menunjukkan bahawa ulama itu lahir daripada masyarakat. Masyarakat melihat seseorang yang patut menjadi ulama dengan melihat

daripada amalannya. Ulama lahir daripada masyarakat bukan melalui pendidikan atau lembaga akademik. Ia akan diakui sebagai ulama setelah mampu mengamalkan ilmunya. Kenyataan ini menunjukkan, ramai orang yang ilmunya tinggi akan tetapi sukar untuk “melekat” dalam dirinya akan panggilan ulama. Sebaliknya ada orang yang tidak memiliki ketinggian kelayakan akademik akan tetapi masyarakat mengakuinya sebagai ulama.

Masyarakat melihat ulama dari sisi amalan daripada apa yang beliau katakan. Oleh itu, masyarakat tidak melihat seorang ulama daripada pengetahuannya dalam aspek teori sahaja tetapi termasuk aspek pengamalan atau praktikalnya. Masyarakat Bugis menyebut aspek praktikal itu sebagai *amalaq*. Perbuatan baik bagi orang Bugis disebut *amalaq* (amal). *Amalaq* juga bererti pahala. Sekiranya masyarakat Bugis menyebut “*makkamalaq*”, ia membawa maksud melakukan perbuatan baik yang mendatangkan pahala. Erti lain daripada *amalaq* adalah perbuatan yang dilakukan secara ikhlas. *Amalaq* juga sama maksudnya dengan *gauq madeceng* (perbuatan baik).

Aspek amal dalam erti *gauq* inilah yang merupakan syarat penting bagi seorang ulama menurut pandangan masyarakat Bugis. Amal di sini menunjukkan skop yang luas yang meliputi amalan dunia dan akhirat. Hal ini juga merujuk daripada doa umum yang diajarkan ulama : *Rabbanâ âtinâ fi al-dun-ya hasanah wafi al-âkhirati hasanah waqinâ ‘adzâba al-nâr*. Doa ini harus dibaca setiap selesai solat wajib. Jemaah haji yang buta huruf dan tidak mampu menghafal doa-doa yang diajarkan dalam manasik haji diminta untuk menghafal doa “sapu jagat” ini.

### **2.4.3 Akhlak**

Interaksi yang panjang dan hubungan akrab yang terjadi antara ulama dan masyarakat membuat ulama menjadi sosok yang amat terdedah kepada penilaian masyarakat yang mendukungnya. Segala tingkah lakunya, termasuk keluarganya, akan dinilai oleh masyarakat. Ulama merupakan personal Islam yang ideal yang rapat dengan masyarakat. Oleh itu, perkara asas dalam diri seorang ulama adalah akhlak. Akhlak dalam konteks Bugis disebut *ampe-ampe*, yang dapat diertikan dengan perilaku atau kelakuan. Aspek kelakuanlah yang dilihat oleh masyarakat lebih daripada yang lainnya, misalnya pengetahuan agamanya. Kenyataan menunjukkan betapa banyak orang ahli dalam bidang agama tetapi tidak diangkat sebagai ulama.

Orang yang disebut *gurutta* meskipun beliau pintar namun ia masih tergantung dengan akhlaknya dan amalnya. Biarpun banyak ilmunya namun jika akhlaknya kurang baik, beliau tidak disebut *gurutta*. Misalnya beliau tahu bahawa solat di awal waktu itu lebih *afdal*, tetapi dia tidak mengamalkannya dengan bersolat di akhir waktu. Seperti contoh Gurutta Yunus yang mana sebelum azan beliau sudah siap untuk ke masjid. Sekiranya beliau mempunyai tetamu, beliau tetap mengambil serban dan sejadahnya kemudian beliau lilit di kepala dengan baik, kemudian beliau duduk di hadapan tetamunya. Beliau hanya diam supaya tetamunya tahu bahawa sudah sampai waktunya untuk pergi solat. Itulah sifat ulama yang mana ia mengetahui sesuatu perkara dan ia akan melaksanakan perkara tersebut. Ramai orang *maccami napau tapi napau bawanni. Iapa gurutta aga napau aga napigauq* (Ahmad, 2011 : 195-196)

Pandangan di atas mensyaratkan makna akhlak sebagai kepantasan atau kepatutan. Salah satu aspek daripada akhlak yang menjadi ciri seorang ulama adalah pakaian.

Meskipun pakaian sudah memenuhi syarat menutup aurat termasuk perbuatan “jaiz” atau *mubah* akan tetapi dalam kalangan ulama terdapat pola pakaian tersendiri yang mencirikan dan merupakan identiti. Masyarakat akan menilai seorang ulama daripada cara berpakaian. Identiti tersebut terutama kopiah dan baju lengan panjang. Bahkan ulama tertentu tetap konsisten menggunakan serban yang dililit di kepala. Begitu pentingnya masalah pakaian ini sehingga dapat menggugurkan kelayakan seseorang menjadi ulama dan rendahnya penghargaan masyarakat terhadapnya. Ukurannya bukan daripada ketentuan agama tetapi penilaian ini merupakan budaya masyarakat tersebut.

Gurutta Yunus (K.H.M. Yunus Martan) tidak pernah solat tanpa baju lengan panjang. Begitu juga songkok, biar makan, harus pakai. Sekiranya anak gurunya dilihat tidak pakai songkok, terus ditegur. Terdapat sebuah cerita di masjid Jami’. Sewaktu Gurutta Yunus keluar dari masjid beliau membuka serban daripada lilitan di kepalanya kerana kepanasan. Ketika itu matahari kelihatan panas terik. Serbannya diselempangkan di bahunya sambil berjalan pulang ke rumah. Kejadian itu kebetulan dilihat oleh Gurutta Sade’. Sebelum beliau duduk, seorang suruhan datang menghampirinya, “kita dipanggil Gurutta Sade”. Sampai di sana beliau diberitahu, “jangan berbuat begitu”. Kalau kau mahu lepas serbanmu nanti di rumah, kau dilihat orang, sedang kamu adalah contoh (Ahmad, 2011 : 197)

Oleh itu, untuk dapat diterima oleh komuniti Bugis sebagai ulama maka perlu penyesuaian diri dengan kriteria tersebut bagi mereka yang memiliki keinginan kuat untuk mempengaruhi masyarakat melalui jalur keulamaan. Berdasarkan pengamatan penyelidik siapa pun yang ingin mendapat legitimasi sebagai ulama Bugis maka

suatu hal yang harus dilakukan adalah penyesuaian daripada aspek akhlak khususnya pakaian.

Keterangan di atas merupakan petunjuk sosok ulama yang secara ketat menjaga akhlak keulamaan melalui *performance* cara berpakaian. Para ulama terdahulu sentiasa dijadikan contoh atau teladan yang patut diikuti akhlaknya. Cara berpakaian yang selalu menggunakan sarung atau jubah, serban, dan zaman kebelakangan yang mengenakan pakaian jas, merupakan contoh yang diikuti bagi generasi di belakangnya. Kriteria pakaian sekarang memang tidak seketat seperti dahulu. Pakaian tersebut mengalami perubahan bentuk meskipun fungsinya masih tetap sama. Sekiranya dahulu kebanyakan ulama memakai jubah dan serban, kini semakin jarang dijumpai. Ulama lebih senang memakai sarung atau celana panjang dipasangkan dengan pakaian jas. Songkok “haji” digantikan dengan songkok hitam dan pakaian nasional. Jubah juga diganti dengan pakaian jas, baju batik atau baju “koko”. Bahkan para ulama sendiri tidak terlalu memandang prinsip pakaian khas tersebut.

Autoriti keilmuan dan legitimasi budaya membawa kepada pengukuhan ulama sebagai idola atau teladan masyarakat. Pencitraan sebagai idola itu merupakan kesan daripada kedudukannya sebagai penyambung tradisi keislaman yang bermula dari Rasulullah. Ikutan atau “*uswatun hasanah*” ini merupakan fungsi utama yang menjadikannya mendapatkan legitimasi di dalam masyarakat. Keteladanan berkait rapat dengan penilaian masyarakat terhadap penampilan seharian seorang ulama. Keteladanan merupakan perpaduan antara kata dan perbuatan, atau “*ada na gauq*”, menyatunya kata dan perbuatan. Keteladanan ulama merupakan kesan daripada kedudukannya sebagai *warasat al-anbiya* (pewaris para Nabi). Yang diwarisi

daripada Nabi adalah ilmu melalui para sahabat, *tabi'in* dan generasi ulama selanjutnya. Proses pewarisan dalam rentetan yang panjang itu akhirnya melahirkan tradisi keilmuan yang sambung menyambung daripada generasi ke generasi. Di samping itu, tradisi keilmuan proses pewarisan pengamalan dalam bentuk tradisi keagamaan juga berlangsung. Itulah yang dimaksud dengan *ilmun yuntafaun bihi* iatu ilmu yang dimanfaatkan. Dengan itu, yang dilestarikan oleh ulama dalam bentuk warisan adalah tradisi keilmuan dan tradisi keagamaan. Perpaduan antara *ilman wa'amalan* (ilmu dan amal) itulah yang menjadikan ulama sebagai idola. (Ahmad, 2011 :206)

Kedudukan ulama sebagai idola tidak saja merupakan bahagian daripada tuntutan normatif berdasarkan posisinya sebagai pewaris Nabi akan tetapi juga merupakan realiti daripada tuntutan masyarakat. Kedudukan ulama sebagai idola merupakan hal yang mutlak bagi masyarakat. Ulama yang tidak dapat menempatkan diri sebagai idola akan ditinggalkan oleh umatnya. Keteladanan membuat ulama dipandang sebagai orang yang seharusnya terhindar daripada cacat sosial. Hanya dengan kesempurnaan sifat-sifat itulah ulama dapat menjadi contoh dalam segala segi kehidupan. Ulama dalam hal ini adalah orang yang menjadi contoh daripada segi keilmuan. Ilmu ulama harus menjadi motivasi bagi orang lain untuk menuntut ilmu seperti ulama yang dijadikannya teladan. Ulama juga menjadi contoh dalam pelaksanaan ibadah. Ulama sedapat mungkin tidak memiliki kekurangan di dalam melaksanakan ibadah baik ibadah sunat apalagi ibadah wajib. Ulama juga menjadi contoh dalam kehidupan sosial budaya dan ekonomi. Satu-satunya hal yang diharapkan tidak dimasuki oleh ulama adalah kehidupan politik. Ini kerana corak kehidupan politik dalam kalangan masyarakat Bugis telah dianggap kurang sesuai untuk seorang yang mementingkan kejujuran. (Ahmad, 2015 :207)



Huraian di atas membawa kita pada kesimpulan bahawa ulama dalam pandangan orang Bugis memiliki tiga kriteria utama, iaitu kriteria keilmuan, kriteria amal, dan akhlak. Ketiganya harus seimbang dan merupakan satu kesatuan yang pada wujudnya akan melahirkan integriti ulama. Selain memenuhi ketiga kriteria ini, ulama dalam posisinya sebagai idola juga harus didukung oleh sifat *ikhlas* dan *tawadhu*.

#### **2.4.4 Ikhlas**

*Ikhlas* adalah kata kunci bagi ulama. Semua pekerjaan yang dilakukan berkaitan dengan status peranannya hendaklah dilakukan secara ikhlas. Ulama Bugis mengertikan ikhlas dengan *appasimata-mata lao ri Puang Alla Ta'ala* (berbuat sesuatu semata-mata kerana Allah).

Ulama yang ikhlas akan menjadi tokoh idola bukan saja oleh masyarakat tetapi juga oleh murid-muridnya. Bahkan keikhlasan itu selalu menjadi kenangan oleh mereka yang pernah berhubung dengannya. Keikhlasan seorang ulama akan kekal abadi dan dijadikan rujukan oleh masyarakat. Kalangan ulama di Wajo selalu menisbahkan contoh keikhlasan pada diri guru orang Wajo K.H. Muhammad As'ad. Seorang mantan pembantunya, SS menuturkan: "*Gurutta* tidak pernah terlibat dalam pemerintahan. Pernah pada zaman Jepun, beliau bersama-sama guru, dinasihatkan untuk diberi gaji tetapi beliau tidak mahu. Beliau takut sekiranya keikhlasannya berkurang. Beliau berpesan: "Kalau kamu mahu berpidato pertama-tama iklaskan dahulu hati jangan kamu ingat ini dan itu." Itu merupakan wasiat daripada beliau. (Ahmad, 2011: 218)

Ulama tidak pernah mengungkapkan keikhlasan dirinya, melainkan menjadikan keikhlasan sebagai nilai yang perlu diamalkan oleh setiap orang. Keikhlasan ulama hanya dapat dilihat oleh orang lain dan kemudian menjadikannya sebagai teladan. Ulama mengajarkan kepada pengikutnya supaya sekiranya melakukan kegiatan yang berkaitan dengan orang, perlulah banyak berdoa : *allâhummaj'alni min ibâdika al-mukhlishîn* (ya Allah buatlah aku termasuk golongan hamba-hamba yang tulus ikhlas). Ulama meyakini bahawa hanya tindakan yang ikhlaslah yang akan membawa berkat. Sedangkan berkat itu dapat dilihat pengaruhnya dalam kehidupan yang nyata. Berkat diertikannya sebagai tumbuh. Ungkapan “biar sedikit asal berkat” merupakan mesej yang sering disampaikan kepada masyarakat. Itu bermakna bahawa apa sahaja yang kita miliki itu bukanlah dilihat daripada segi kuantiti, akan tetapi yang lebih penting lagi adalah berkat atau kualiti. Jika kualitinya baik, ia akan tumbuh dengan baik pula. Dipercayai bahawa seorang ulama yang banyak didengar oleh masyarakat merupakan petanda bahawa ulama itu kehidupannya berkat. Seorang murid yang ikhlas mengikuti ajaran guru diyakini ilmu yang diperolehi dari gurunya akan berkat. (Ahmad, 2011 : 221)

Masyarakat Bugis melihat keberadaan ulama (*anregurutta*) dalam suatu daerah merupakan rahmat bagi mereka iaitu orang yang selalu diharapkan membawa kesejukan. Mesej *rahmatan lil 'alamin* diterjemahkan dalam cara mengajar, berdakwah dan berdoa untuk kemaslahatan umat.

Ahmad Kafrawi Tahir, masyarakat yang ada di daerah Kabupaten Soppeng, salah satu Kabupaten yang berbatasan dengan Sengkang Kab. Wajo mengatakan:

Semakin hari, masyarakat semakin merasa betapa pentingnya sosok *anregurutta*. Musibah yang datang silih berganti menimpa kita

kebelakangan ini, menunjukkan kepada kita semua betapa diperlukannya doa-doa dan karomah *anregurutta*. Dengan keberadaan *anregurutta* akan membuat kita semakin dekat kepada Allah SWT. (Wawancara: tgl 2-9-2016)

*Anregurutta* dengan *karomahnya* (kelebihan yang dimiliki oleh seorang yang dekat dengan Allah) menjadikannya rujukan sepenuhnya bagi masyarakat pada hampir semua masalah yang mereka hadapi. Abd. Latif, salah seorang masyarakat Sengkang mengatakan:

Dengan Rahmat Allah SWT, keberadaan *Anregurutta*, khususnya di Sengkang senantiasa menjadi cahaya penerang di kala gelap dan menjadi sumber air di kala kering, sebagaimana pepatah Bugis orang-orang terdahulu mengatakan “*paccolli loloenggi aju marakkoe*” mampu menghidupkan hati yang sudah mati dengan menanamkan nilai akidah dan membentuk masyarakat yang beragama. (Wawancara: tgl 4-9-2016)

#### **2.4.5 Tawaduk**

Orang Bugis memandang salah satu sifat ulama adalah tawaduk. Istilah tawaduk ini merupakan istilah yang umum di kalangan pesantren, yang menunjukkan sifat merendahkan diri. Sifat tawaduk ini amat berkait dengan sikap keilmuan. Walaupun para ulama dikenali sebagai seorang yang dalam dan luas ilmunya akan tetapi hal itu tidak membuat ulama harus menonjolkan diri. Sifat tawaduk dipandang sesuatu yang *inheren* dan tidak dibuat-buat. Ekspresi sifat tawaduk dalam hal keilmuan tampak pada kebiasaan ulama menyatakan “*wallâhu a’lam*” (hanya Allah yang maha tahu) pada setiap akhir pengajian. Kesedaran itu merupakan sikap ilmiah yang perlu tersemat dalam diri ulama, bahawa walaupun ia sudah mengajarkan sesuatu, ia bukanlah apa-apa dibandingi ilmu Allah. Bahkan seorang ulama biasanya tidak mahu muncul apabila gurunya masih ada.

K.H. Abd. Muin Yusuf menjelaskan bahawa kekurangan ulama sebenarnya tidak disebabkan oleh kurangnya bilanganulama, akan tetapi disebabkan oleh kenyataan bahawa ulama yang ada tidak mahu muncul ke permukaan selama gurunya masih hidup. Itulah yang terjadi di kalangan masyarakat Bugis. Ketika K.H. Muhammad As'ad masih hidup, murid-muridnya belum muncul. Namun setelah beliau meninggal dunia, murid-muridnya mulai bermunculan dan mendapat pengakuan di masyarakat sebagai ulama. (Ahmad, 1995: 224)

Sikap ilmiah yang tertanam dalam diri ulama dan sentiasa dijadikan rujukan oleh murid-muridnya ditunjukkan melalui ungkapan dari Imam Syafii yang mengatakan : *“kullamâ zâdanî ‘ilman, zâdanî fahman lijahlî”* (setiap bertambah ilmuku, bertambah pula kesedaran akan kebodohanku). Ungkapan itu memberi pesan kuat mengenai tradisi keilmuan di pesantren yang menekankan pada sikap rendah diri. Ketawadhuan ulama juga dapat dilihat pada penghormatan dan penghargaan kepada orang lain, meskipun orang itu muridnya atau orang lain yang kurang tingkat keilmuannya. Disebutkan bahawa Gurutta Yunus Martan sangat menghormati tetamunya sehingga beliau meminta kepada keluarganya untuk membangunkan dirinya daripada tidur sekali pun sekiranya terdapat tetamu.

Keteladanan ulama ditentukan oleh perpaduan antara ilmu, pengamalan, dan keperibadian. Semakin tinggi dan luas ilmu seorang ulama semakin kuat posisinya sebagai teladan. Demikian pula semakin kuat pengamalan ajaran agama seorang ulama semakin kuat pula fungsinya sebagai teladan, serta semakin kuat keperibadian seorang ulama semakin kuat pula fungsinya sebagai teladan dalam kalangan masyarakat.

Ulama berdasarkan kriteria masyarakat Bugis yang telah dijelaskan di atas menunjukkan kriteria-kriteria pendakwah yang boleh menyampaikan dakwah di Radio Suara As'adiyah kerana semua pendakwah dalam siaran dakwah Radio As'adiyah berasal daripada ulama Pesantren As'adiyah atau ulama yang telah mendapat sokongan daripada Pengetua Pesantren As'adiyah.

## **2.5 Konserp Khalayak Dakwah**

### **2.5.1 Manusia sebagai Individu**

Individu merupakan sebutan yang digunakan bagi menyatakan suatu kesatuan yang paling kecil dan terbatas. Individu adalah seorang manusia yang tidak hanya memiliki peranan khas dalam lingkungan sosialnya, melainkan ia memiliki keperibadian serta pola tingkah laku yang spesifik. Dalam dirinya terkandung tiga aspek yang saling mempengaruhi satu dengan yang lainnya, iaitu aspek organik jasmaniah, psikis-rohaniyah, dan aspek sosial. (Fauziah, Lalu Muchsin Effendi, 2012:71)

Dalam membentuk keperibadian seorang manusia, faktor *intern* (bawaan) dan faktor *ekstern* (lingkungan) saling mempengaruhi, peribadi terpengaruh lingkungan dan lingkungan diubah oleh peribadi. Faktor dalaman (*intern*) yang ada dalam peribadi manusia terus berkembang dan hasil perkembangannya digunakan untuk mengembangkan peribadi tersebut. Dengan itu, jelaslah bagaimana uniknya peribadi tersebut, kerana tiada peribadi yang sama atau yang benar-benar identiti dengan peribadi yang lain. (Fauziah, Lalu Muchsin Effendi, 2012: 72)

Selain perbezaan fisik, keunikan emosi setiap manusia membawa perbezaan-perbezaan yang asas. Secara psikologi, manusia sebagai objek dakwah dibezakan oleh berbagai-bagai-bagai aspek:

1. Sifat-sifat keperibadian (*personality traits*) iaitu adanya sifat-sifat manusia yang penakut, pemaarah, suka bergaul, peramah, sombong dan sebagainya.
2. Inteligensia, iaitu aspek kecerdasan seseorang mencakup kewaspadaan, kemampuan belajar, kecepatan berfikir, kesanggupan untuk mengambil keputusan yang cepat dan tepat, kepandaian menangkap dan mengolah kesan-kesan atau masalah serta kemampuan mengambil kesimpulan.
3. Pengetahuan (*knowledge*).
4. Keterampilan (*skill*).
5. Nilai-nilai (*values*).
6. Peranan (*roles*) (Slamet, 1994: 52)

Ketika dakwah dilakukan terhadap seorang individu, perubahan individu harus diwujudkan dalam satu landasan yang kukuh serta berkaitan erat dengannya, sehingga perubahan yang terjadi dalam dirinya itu menciptakan arus dan gelombang atau paling tidak ia mencetuskan riak yang menyentuh orang lain. Pembinaan individu harus dilakukan bersama-sama dengan pembinaan masyarakat. Ketika saat masing-masing membantu yang lain, peribadi-peribadi tersebut membantu mencipta masyarakat dan masyarakat pun mewarnai peribadi-peribadi itu dengan warna yang dimilikinya. (Fauziah, Lalu Muchsin Effendi, 2012: 73)

### **2.5.2 Manusia sebagai Anggota Masyarakat (Kelompok)**

Manusia secara hakiki merupakan makhluk sosial iaitu sejak ia dilahirkan, ia memerlukan orang lain untuk memenuhi segala keperluannya. Pada tahap awal pertumbuhannya, ia memerlukan orang tuanya atau keluarganya. Setelah menginjak dewasa, ia mulai terlibat dengan hubungan sosial dengan teman-teman sepermainannya. Ia mulai mengerti bahawa dalam kelompok sepermainannya terdapat peraturan tertentu seperti norma-norma sosial yang dipatuhi dengan sukarela dapat membuatkan hubungan tersebut berjalan dengan lancar. Ia pun turut membentuk norma-norma pergaulan tertentu yang sesuai bagi interaksi kelompoknya. Dengan itu, sejak awal lagi manusia sudah mengenal norma-norma dan nilai-nilai yang ada dalam masyarakat atau kelompok di mana ia hidup. Oleh itu, walaupun secara peribadi (individu) manusia adalah unik namun ia tidak terlepas daripada pengaruh budaya masyarakat di mana ia hidup. (Fauziah, Lalu Muchsin Effendi, 2012: 73)

J.L. Gillian dalam Abu Ahmadi mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan masyarakat adalah kelompok manusia yang terbesar dan mempunyai kebiasaan, tradisi, sikap, dan perasaan persatuan yang sama. Masyarakat meliputi kelompok-kelompok yang lebih kecil. Masyarakat mempunyai dua pengertian yang tertentu iaitu secara umum dan khusus . Secara umumnya masyarakat adalah keseluruhan hubungan dalam kehidupan bersama dan dibatasi oleh lingkungan, bangsa dan sebagainya. Manakala secara khususnya, ia bermaksud bahawa masyarakat adalah hubungan sekelompok manusia yang dibatasi oleh aspek-aspek tertentu (teritorial, golongan dan lain-lain). R. Linton mengemukakan bahawa yang dimaksudkan masyarakat adalah setiap kelompok manusia yang telah cukup lama hidup dan bekerja sama sehingga mereka dapat mengorganisasikan dirinya, berfikir tentang

dirinya dalam suatu kesatuan sosial dengan batas-batas tertentu. (Abu Ahmadi, 1990: 220-221)

Masyarakat yang merupakan sasaran dakwah (objek dakwah) tersebut meliputi masyarakat yang dilihat dari berbagai-bagai-bagai segi:

1. Sasaran yang berhubungan dengan kelompok masyarakat dilihat daripada segi sosiologis seperti masyarakat terasing, pedesaan, ibu kota besar dan kota kecil, serta masyarakat di daerah kecil daripada kota besar.
2. Sasaran yang menyangkut golongan masyarakat dilihat daripada segi struktur perlembagaan seperti masyarakat, pemerintah, dan keluarga.
3. Sasaran seperti kelompok masyarakat dilihat dari segi sosiobudaya seperti golongan priayi, abangan, dan sentri. Klasifikasi ini dapat dilihat terutamanya dalam masyarakat jawa.
4. Sasaran yang berhubungan dengan golongan masyarakat dilihat daripada segi tingkat usia seperti golongan anak-anak, remaja dan orang tua.
5. Sasaran yang berhubungan dengan golongan masyarakat dilihat daripada segi operasi (profesi atau pekerjaan) seperti golongan, petani, pedagang, seniman, buruh, pegawai negeri (*administrator*).
6. Sasaran yang berhubung dengan golongan masyarakat dilihat daripada segi tingkat hidup sosial-ekonomi berupa golongan orang kaya, menengah dan miskin.
7. Sasaran yang berkaitan dengan kelompok masyarakat dilihat dari segi jenis kelamin (*sex*) berupa golongan pemuda, wanita dan sebagainya.



8. Sasaran yang berhubungan dengan golongan dilihat daripada segi khusus seperti golongan masyarakat tunasusila, tunawisma, tuna karya, nara pidana, dan sebagainya. (Fauziah, Lalu Muchsin Effendi, 2012: 75)

Imam al-Gazali membagi umat manusia ke dalam tiga golongan: *Pertama*, kaum awam dengan daya akalnya yang sederhana sekali. Mereka memiliki cara berfikir yang sederhana sehingga mereka tidak dapat mengetahui hakikat-hakikat. Mereka mempunyai sifat cepat percaya dan bersikap penurut. Golongan ini harus dihadapi dengan sikap memberi nasihat dan petunjuk (*al-mau'izhah*). *Kedua*, kaum pilihan (*al-haush/elect*), yaitu kaum yang memiliki daya akal yang kuat dan mendalam. Akalnya tajam dan berfikir secara mendalam sehingga mereka harus didekati dengan sikap menjelaskan hikmah-hikmah. *Ketiga*, kaum penengkar (*ahl al-jadl*), kaum ini perlu dihadapi dengan *al-mudalah*. (Harun Nasution, 1995 : 45-46)

Senada dengan itu, M. Hasbi Ash-Shiddieqy juga membahagikan manusia kepada tiga golongan yang dilihat daripada berbagai-bagai-bagai macam tabiatnya, hawa nafsunya dan ukuran kemampuannya menerima kebenaran. Tiga golongan yang dimaksud yaitu; *Pertama*, golongan *khashshah* yaitu ciri-cirinya adalah berpengetahuan tinggi, dapat mempergunakan kecerdasan akalnya dan dalam mencari kebenaran, mereka boleh menempuh cara-cara ilmiah serta menggunakan logik. Golongan ini adalah para *ulama*, *hukama*, dan ahli filsafat. Mereka ini sangat sedikit jumlahnya dalam masyarakat. *Kedua*, golongan umum yaitu ciri-cirinya adalah mereka tidak berpengetahuan tinggi dan tidak dapat menemukan kebenaran melalui logik. Pegangan mereka adalah adat kebiasaan/tradisi walaupun mereka bukan orang-orang yang keras kepala. Cara berfikirnya sangat sederhana dan

cenderung berpegang teguh pada apa yang dapat dirasakan pancaindera dan menurut hukum alam. *Ketiga*, golongan pertengahan iaitu ciri-cirinya adalah mereka mempunyai sedikit pemikiran dan cenderung keras kepala serta fanatik pada kebiasaannya. Golongan ini lebih banyak daripada golongan yang pertama. (M. Hasbi Ash-Shiddieqy, 1990 : 31-32)

Tiga golongan di atas, perlu diketahui oleh seorang komunikator (*Da'i*) sebelum menyampaikan ceramah atau dakwah kepada mereka sama ada sasaran dakwah itu secara individu mahupun kelompok masyarakat. *Da'i* ini membolehkan mesej dakwah yang didakwahkan dapat diterima dengan baik dan diamalkan oleh khalayak (*Mad'u*) dengan berkesan.

Komunikasi akan efektif apabila terdapat kesamaan antara komunikator dan objek komunikator (*Da'i* dan *Mad'u*). Semakin luas wilayah pertemuan antara *frame of reference* dan *field of experience* antara komunikator dan objek komunikator maka semakin besar peluang efektifnya sesebuah komunikasi. Proses komunikasi di antara orang-orang daripada latar belakang bahasa yang sama akan memudahkan tercapainya kegiatan komunikasi, kerana adanya ikatan batin dan psikologi antara mereka. Komunikator merupakan sebagai sebahagian daripada objek komunikator, dan begitu juga sebaliknya. Oleh itu, seorang *Da'i* harus mengetahui lebih banyak latar belakang masyarakat yang menjadi objek dakwahnya agar dengan mudah ia dapat melakukan empati dan penyesuaian diri. Antara latar belakang itu adalah bahasa yang mana mesej-mesej *Da'i* akan mudah difahami apabila menggunakan bahasa yang dikuasai oleh objek dakwah. Di samping itu, dalam upaya pengembangan mesej dakwah, seorang *Da'i* perlu menguatkan kemampuan bahasanya, terutama bahasa Arab untuk mempermudah mereka dalam mengkaji

dan menggali sumber-sumber kajian Islam yang menggunakan bahasa Arab. (Jafar, 2010; 202)

## 2.6 Radio Sebagai Media Dakwah

Dalam Kamus Dewan online pusat rujukan persatuan melayu, radio adalah butang perisian yang dipilih untuk bertindak sebagai penggerak tindakan penghantaran data atau tindakan lain yang berada di tempat lain. Radio adalah alat untuk menerima siaran radio. (<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Radio>).

Radio mulai dikembangkan oleh Marconi yang mendemonstrasikan pada sambutan tahun baru 1901. Radio telah dapat dimanfaatkan secara baik pada tahun 1920 dan sekarang telah menjadi instrumen sosial yang unik. (Arifin 1984, 27)

Perjalanan radio sehinggalah zaman media komunikasi moden telah melalui beberapa penyelidikan dan eksperimen yang panjang. Dari masa ke masa, para ilmuwan mengadakan eksperimen-eksperimen hingga berhasil menjadikan medium ini seperti yang ada sekarang. Perjalanan panjang radio dari tahun ke tahun, dalam buku “*Introduction to Mass Communications*” dapat digambarkan sebagai berikut (Emery, 1965:212-213):

---

1888	Ilmuan bernama Hainrich Hertz menemukan gelombang suara yang dapat dikirim melalui udara tanpa perantara kawat.
1901	Gulielmo Marconi mengirim bunyi melalui udara tanpa perantara kawat yang melintasi lautan Atlantik.
1906	Lee De Forset memasang elektroda pada tabung hampa udara. Penemuan ini memungkinkan suara dapat dikirim melalui udara.
1917	Amerika Serikat terlibat dalam kancah Perang Dunia I; Angkatan Laut Amerika Serikat mengambil alih siaran Perusahaan American Marconi Co.

---

---

1919	Perusahaan Radio Amerika (Radio Corporation of America (RCA) didirikan; Frank Conrad menyiarkan untuk pertama kalinya muzik ke seluruh wilayah kota Pittsburgh.
1920	Stesyen radio KDKA milik perusahaan Westinghouse mengudara di kota Pittasburgh – stesen radio pertama yang memperoleh izin siar secara berkala.
1922	Stesen radio WEAf yang didirikan di kota New York merintis penyiaran radio yang bersifat komersial.
1926	Perusahaan American & Telephone & Telegraph (AT&T) membatalkan untuk mendirikan stesyen radio; Perusahaan National Broadcasting Company (NBC) memulai mendirikan dua stesyen penyiaran radio, dengan bantuan dari RCA.
1927	Perusahaan stesyen radio UIB/Colombia didirikan (perusahaan ini kemudian berganti nama NBC).
1927	Undang-undang penyiaran radio Negara Bagian Amerika Syarikat mengeluarkan peraturan dalam penyiaran di radio.
1928	Program acara yang berjudul Sam and Henry (kemudian berubah menjadi Amos ‘n’ Andy) merupakan acara komedi situasi yang popular di radio.
1930-an	Program acara Opera Sabun yang disiarkan di radio menawarkan hiburan kepada pendengar ketika Amerika mengalami masa sulit di dalam negeri.
1933-45	Presiden Franklin Roosevelt menggunakan radio untuk berkomunikasi dengan rakyat Amerika semasa masa-masa sulit.
1934	Stesyen Sistem Penyiaran Terpadu (Mutual Broadcasting System) didirikan dan merupakan jaringan stesyen radio keempat yang didirikan.
1938	Aktor dan produser radio yang bernama Orson Welles membuatkan orang Amerika <u>kh</u> uatir kerana ia menyiarkan program acara yang bertajuk Perang Dunia ( <i>War of Worlds</i> ).
1939	Stesen radio FM pertama kalinya dalam siaran di kota New York.
1940-45	Edward E. Murrow menyiarkan dengan jelas perang di Eropah pada stesyen radio CBS bagi pendengar Amerika.
1943	Pemerintah Negara Bagian meminta stesen radio NBC menjual salah satu jaringan stesen radionya; NBC akhirnya berubah nama menjadi ABC.
1948	Jaringan stesen radio mencapai kegemilangan zamannya.

---

---

1950-an	Masa mundurnya program-program di radio dan beralih ke TV.
1950-an	Radio meluncurkan program-program khusus berupa acara muzik dan program acara yang menyajikan lagu-lagu rakaman saja; awal perkembangan program acara muzik rock-‘n’-rool.
	Skandal Payola yang menggoncang industri radio.
1959	Program acara muzik country dan western serta acara bincang-bincang ( <i>talk-show</i> ) berkembang menjadi acara yang popular di radio.
1970-an	FCC mulai melonggarkan peraturan penyiaran radio.
1981	Siaran radio gelombang AM menggunakan penyiaran dengan menggunakan frekuensi stereo (frekuensi suara tiga dimensi) untuk menandingi popularitas siaran radio bergelombang FM.
1980-an	
1990-an	Radio gelombang AM stereo dapat diterima dan didengar di dalam kereta setelah perusahaan kereta Amerika memasang alat penerima frekuensi stereo di kereta.

---

Perkembangan radio dari tahun ke tahun di atas menampakkan bahawa meskipun radio sudah menjadi media komunikasi massa pada abad ke-19, tetapi pemanfaatannya dimulai pada abad ke-20 ketika beberapa ilmuwan menemukan cara untuk mengubah suara menjadi tenaga elektrik. Telegraf yang ditemukan oleh Morse, telefon oleh Alexander Graham Bell, radio oleh Marconi serta tabung hampa udara oleh Lee De Frost memberikan sumbangan yang bererti bagi perkembangan radio.

Meskipun pada awal abad 21 ini radio telah banyak mengalami persaingan, terutama berkembangnya media-media komunikasi yang lebih canggih (seperti Internet, televisyen dan lain-lain), akan tetapi ia masih tetap memiliki pengaruh terhadap budaya masyarakat. Ini kerana hampir semua orang mendengarkan radio dan memiliki radio.

Munculnya radio menjadi media komunikasi massa telah disebut-sebut sebagai “kekuasaan kelima” setelah surat khabar dianggap sebagai “kekuasaan keempat” (*the fifth estate*) manakala tiga lembaga lainnya iaitu eksekutif, legislatif dan kehakiman, masing-masing dianggap sebagai kekuasaan pertama, kedua dan ketiga. Sampai sekarang pun, jika perebutan kekuasaan di sebuah negara, di antara sebilangan media massa, yang pertama-tama digunakan adalah stesen radio. (Onong Uchjana Effendy, 2000:107)

Pengertian dakwah yang telah dibahas di atas, menunjukkan bahawa dakwah termasuk dalam kategori komunikasi. Yang membezakannya hanyalah tujuan yang akan dicapai. Tujuan komunikasi adalah mengharapkan adanya penyertaan khalayak bagi maklumat-maklumat yang disampaikan oleh komunikator sehinggalah terjadi perubahan sikap dan tingkah laku. Demikian juga tujuan dakwah, yang mana perbezaannya adalah pada perubahan atau kesan pada tingkah laku sesuai dengan ajaran-ajaran agama Islam.

Aktiviti komunikasi dan aktiviti dakwah adalah satu kesatuan yang tidak boleh dipisahkan. Kerana apabila dakwah dilaksanakan maka di dalamnya terdapat unsur komunikasi dan bila komunikasi dilaksanakan maka di dalamnya terdapat unsur-unsur dakwah. (Onong Uchjana Effendy, 1991:3) Oleh itu, dakwah merupakan proses komunikasi tetapi tidak semua proses komunikasi merupakan proses dakwah.

Radio sangatlah penting dijadikan medium dakwah, dalam rangka mencapai khalayak (*Mad'u*) yang lebih banyak daripada segi kuantiti kerana radio dan media-media lain seperti yang digambarkan di atas (*the fifth estate*) mempunyai banyak

kelebihannya. Terdapat tiga faktor (kelebihan) yang mendukung hingga dijadikannya radio sebagai medium dakwah iaitu: (Onong Uchjana Effendy, 1991:102-109)

### **2.6.1 Radio bersifat langsung**

Suatu mesej yang akan disampaikan atau disiarkan dapat dilakukan tanpa melewati proses yang rumit. Bandingkan dengan penyiaran mesej melalui surat khabar, risalah, pamflet atau media yang lain. Selain daripada mengalami proses yang lama, ia tidak mudah untuk disebarkan. Manakala dakwah yang akan disampaikan melalui radio tidak perlu melakukan beberapa proses seperti dalam penerbitan surat khabar, majalah dan media cetak yang lain.

Penyampaian dakwah melalui media cetak perlu dirangka konsepnya terlebih dahulu, kemudian diinput ke dalam komputer dan selanjutnya di *lay out* (diatur letaknya) serta kemudiannya dicetak di mesin. Setelah selesai tahap pencetakan, penyebarannya diangkut kepada agen-agen dan daripada agen disebarkan kepada para pembaca.

Berbeza halnya dengan radio yang mana pendakwah langsung dapat menyampaikan dakwah melalui mikrofon. Suatu peristiwa keagamaan dapat disiarkan langsung seperti pengajian, peringatan hari-hari besar Islam (Maulid Nabi, Isra Mikraj, Aidil Fitri, Aidil Adha dan lain-lain), Musabaqah Tilawatil Quran dan lain-lain dan terus didengar oleh *Mad'u*.

### **2.6.2 Tidak mengenal jarak dan rintangan**

Radio tidak mengenal jarak dan waktu yang mana walaupun jauhnya sasaran yang akan dituju, radio dapat mencapainya dengan mudah dapat didengar oleh *Mad'u*.

### **2.6.3 Memiliki daya tarik**

Sebelum kemunculan televisyen sebagai pelengkap rumah tangga sekitar tahun 50-an yang mana pada ketika itu hanya terdapat dua jenis media massa sahaja, iaitu surat khabar atau majalah dan radio. Radio memiliki daya tarik disebabkan oleh tiga unsur yang melekat padanya, yakni : Kata-kata lisan (*spoken words*), Muzik (*music*) dan kesan suara (*sound effect*).

Dihiasi muzik dan didukung kesan suara, seperti suara binatang, hujan atau badai, kereta atau pesawat terbang dan lain-lain membuatkan suatu acara yang disajikan oleh radio menjadi hidup. Meskipun kemudiannya muncul televisyen yang tidak hanya menyajikan audio (suara) tetapi juga visual (gambar), peranan radio tetap tidak hilang. Ini disebabkan untuk menikmati acara televisyen, khalayak (*Mad'u*) tidak boleh berganjak dari kerusi di depan televisyen, sedangkan acara dari radio dapat dinikmati sambil mandi, bekerja, mengemudikan kenderaan atau sambil berehat.

Kelebihan lain menjadikan radio sebagai media dakwah adalah daripada segi ekonomi yang mana radio memiliki harga yang relatif murah. Ia dapat dilihat bahawa setiap rumah baik di ibu kota mahupun di luar ibu kota menunjukkan masing-masing memiliki radio.

Perkembangan teknologi maklumat merupakan satu cabaran serta menjadi daya penggerak untuk kejayaan radio sebagai media dakwah, kerana memungkinkan radio dapat dipadukan dengan media lain, hal ini disebut lingkungan media baharu.



Mc Manus dalam Severin, terjemahan Sugeng Hariuono (2011:4) menyatakan beberapa ciri media lingkungan media baru adalah sebagai berikut :

1. Teknologi yang dahulu berbeza seperti percetakan dan penyiaran sekarang bergabung.
2. Kita sedang dalam peralihan daripada kekurangan media menuju media yang berlimpah.
3. Kita sedang mengalami peralihan daripada mengarah kepuasan massa audiens kolektif menuju kepuasan kumpulan atau individu.
4. Kita sedang mengalami peralihan daripada media yang satu arah menuju media interaktif.

Bagi memperluas lagi sebaran penyampaian dakwah, maka medium radio, sangat perlu dijadikan media dakwah demi tercapainya tujuan-tujuan dakwah.

## **2.7 Sejarah Radio Suara As'adiyah**

Sejak keudara, Radio Suara As'adiyah telah mengalami perkembangan daripada masa ke masa. Rumusan perkembangannya sebagai berikut :

### **2.7.1 Fasa Awal (1968 - 1971)**

Radio amatur di Indonesia memiliki landasan peraturan yang jelas melalui peraturan pemerintah Republik Indonesia No. 21 tahun 1997. Pengurus Besar As'adiyah pada ketika itu iaitu K.H. M. Yunus Martan sangat tertarik mengembangkan usaha Pondok Pesantren As'adiyah. Beliau sangat tertarik mengembangkan dakwah melalui teknologi moden sebagai medium dakwah. (Pasanreseng, 1992: h. 133)

Untuk mewujudkan keinginannya, K.H.M. Yunus Martan segera mengundang beberapa Pengurus Besar As'adiyahbersama-sama berbincang dan memikirkan hal tersebut. Antara lain yang hadir dan memperkuat idea positif ini ialah Abdul Razak Hasanuddin (Sekretaris Pimpinan Pusat As'adiyah ketika itu). berbagai-bagai tekanan dihadapi terutamanya masalah kewangan tetapi dengan kesungguhan Abdul Razak Hasanuddin, maka Abdul Karim Gani (Almarhum), menyatakan kesediaannya untuk membantu demi terwujudnya idea yang baik ini. (Pasanreseng, 1992: h. 133)

Abdul Karim Gani segera memesan sebuah pemancar yang berkekuatan 10 watt melalui Letkol Telewe di Surabaya. Maka pada tanggal 13 September 1968, Radio Suara As'adiyah Sengkang sudah mulai ke udara di Sengkang. Selanjutnya, disebabkan Radio Suara As'adiyah Sengkang ini sudah menjadi santapan enak dalam kalangan masyarakat terutama siaran dakwahnya membuatkan masyarakat dengan ikhlas mengalirkan sumbangan mereka untuk kepentingan radio siaran ini. Seterusnya, untuk memperluaskan lagi jangkauan siarannya, pihak pesantren menaik taraf pemancar yang berkekuatan 60 watt tetapi pemancar ini tidak berfungsi dengan baik. Pemancar ini telah diperiksa oleh seorang juruteknik radio yang bernama L.J. Nool di Ujungpandang. Akhirnya, pemancar ini tidak dapat berfungsi dengan baik, dan L.J. Nool bersedia membuat pemancar yang baharu berkekuatan 100 watt. Pemancar ini semakin luas jangkauannya, sehingga ke beberapa kawasan Kabupaten di Sulawesi Selatan, seperti Kabupaten Bone, Kabupaten Soppeng dan Kabupaten Sidrap bahkan mampu menjangkah Daerah Kabupaten Polewali Mamasa. (Pasanreseng, 1992: h. 133)

### **2.7.2 Fasa Kedua (1972 - 2012)**

Bagi melancarkan pengurusan pemancar ini maka pada 29 Julai 1972, Radio Suara As'adiyah Sengkang dikukuhkan menjadi suatu entiti undang-undang dalam bentuk Perseroan Terbatas (PT.), dengan Akta Nombor 73 yang dibuat di depan notaris Sistke Limoa, SH di Makassar. PT. Radio Suara As'adiyah mendapat pengesahan undang-undang daripada Depertemen Kehakiman RI, pada 9 Jun 1978 dengan daftar keputusan Menteri Penerangan RI, Nomor: Y.A./5/195/25. (Pasanreseng, 1992: h. 133)

Setelah Radio Suara As'adiyah Sengkang menjadi Perseroan Terbatas (PT) maka secara undang-undang ia telah berdiri sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa Radio Suara As'adiyah Sengkang di samping bertindak sebagai radio dakwah, ia juga bertindak sebagai radio komersial. Pada fasa kedua ini tiada perkembangan atau perubahan daripada segi peralatan dan kemudahan studio Radio Suara As'adiyah kerana pada fasa ini Radio Suara As'adiyah mengalami perubahan frekuensi daripada AM ke FM. Perubahan frekuensi ini memerlukan banyak peralatan *hardware* dan *software*nya yang baharu sesuai dengan perubahan tersebut.

#### **2.7.2.1 Keadaan Fisik Radio Suara As'adiyah Sengkang**

Radio Suara As'adiyah Sengkang berlokasi di Jalan Masjid Raya Nomor 100 Sengkang frekuensi AM 864 Khz, gelombang 347,22 meter, *call sign* PM 8 DCF. Kekuatan pemancar 250 watt dengan tinggi antena/*tower* 45 meter berbentuk piramid dengan jangkauan siaran mencakupi Kabupaten Daerah Tingkat II Wajo dan sekitarnya, seperti Barat Kotamadya Pare-Pare dan Kabupaten Barru, Selatan Kabupaten Soppeng dan Kabupaten Bone, timur sebahagian besar pesisir barat Sulawesi Tenggara, Utara Kabupaten Sidrap dan Kabupaten Pinrang. (PT. Radio Suara As'adiyah, Brousur Data dan Informasi Radio Suara As'adiyah Sengkang)

Selain itu, penulis sempat menyaksikan secara langsung masyarakat Bugis yang ada di Kecamatan Rumbia Kabupaten Buton Sulawesi Tenggara menikmati siaran-siaran Radio Suara As'adiyah Sengkang ketika berkunjung pada akhir tahun 1992.

Dalam menjalankan misinya sebagai media komunikasi, informasi dan dakwah, Radio Suara As'adiyah Sengkang memiliki peralatan yang merupakan peralatan dalam penyiaran antara lain adalah:

- a. Pemancar 250 watt dua unit.
- b. Tower Antena T.36 M satu unit.
- c. Control Consul 2,5 x 2 M satu unit.
- d. Torn Trable empat unit.
- e. Mikrofon lima unit.
- f. Headphone tiga unit.
- g. Receiver empat unit.
- h. SWR Meter SX 100 satu unit.
- i. High Voltage Meter SP 20 D satu unit.
- j. Frekuensi Connter LDC – 831 satu unit.
- k. Step up/down satu unit.
- l. Pemadam kebakaran No. YA – 4 L 2 unit.
- m. AC Window satu unit.
- n. Echo chamber satu unit.
- o. Mixer empat unit.
- p. Kipas Angin tiga unit.
- q. Ventilating Fan dua unit.
- r. Salon Au – 303 satu unit.

- s. Tool Wib satu unit.
- t. Tape Dec 6 unit.
- u. Capsul Vacum Chaner Mc 2000 satu unit.
- v. Solder satu unit.
- w. Oben satu unit.
- x. Amplifier dua unit.
- y. BCC satu unit. (Radio Suara As'adiyah, *Buku Inventaris*)

Selain peralatan yang tersebut di atas Radio Suara As'adiyah Sengkang memiliki juga kemudahan dan prasarana tambahan yang lain demi kelancaran program-programnya seperti: komputer 1 unit dengan *printer*, mesin ketik manual, telepon, meja, kursi dan lain-lain.

Kemudahan dan prasarana tersebut ditempatkan pada posisinya masing-masing untuk dipergunakan sesuai dengan fungsinya, di ruangan-ruangan tertentu berdasarkan kriteria Radio Siaran Swasta Nasional Indonesia yang terdiri daripada:

- a. Ruang direksi.
- b. Ruang staf.
- c. Ruang penyiar.
- d. Ruang *programmer*.
- e. Ruang siaran.
- f. Ruang rakaman.
- g. Ruang tandas.
- h. Ruang diskotik.

- i. Ruang perpustakaan.
- j. Ruang pemancar.
- k. Ruang bengkel.

#### **2.7.2.2 Perubahan Pemancar dari AM ke Pemancar FM (tahun 2012)**

Sejak keudara Radio Suara As'adiyah Sengkang (RSA) masih menggunakan pemancar AM dan itulah yang popular ketika itu. Namun, disebabkan perkembangan zaman yang menuntut kualiti dan mutu siaran yang perlu ditingkatkan maka Radio As'adiyah mengembangkan frekuensinya dengan beralih kepada gelombang FM. Peralihan pemancar dari AM ke FM memerlukan pembiayaan dana yang tinggi kerana beberapa alat perlu diganti. Hal ini dilakukan untuk memberi kualiti layanan yang maksimum kepada masyarakat. Dengan tekad yang kuat daripada pihak pengurusan RSARSA telah mendapat bantuan dana daripada Pemerintah setempat dan juga bantuan masyarakat Kabupaten Wajo serta para dermawan yang cinta kepada RSA supaya tetap wujud. Waddungdung (Temu bual, 5/2/2107).

Keadaan semasa menggunakan pemancar dan frekuensi AM, kualiti siaran yang sampai ke masyarakat terkadang kurang jelas dan sering terputus-putus. Dengan kata lain, karakter suara sangat kurang jelas kerana masih dalam sistem mono, manakala gelombang FM sudah berada dalam sistem stereo. Hal ini disebabkan jangkauan gelombang AM terlalu luas sehingga terdedah kepada bunyi dan mudah terganggu oleh ruang udara seperti cuaca buruk, hujan lebat dan angin kencang.

Setelah menggunakan pemancar FM, perubahan kualiti siaran RSA kelihatan meningkat secara drastik. Seiring dengan perkembangannya, kini RSA dilengkapi

dengan *live streaming*, dan boleh secara langsung didengar melalui *suaraas'adiyah.net*. Jo Ahmad (Interview, 5/2/2017)

Salah satu daripada program yang disiarkan secara langsung dari Masjid Agung Ummul Qura Sengkang, jarak jangkauan siarannya lebih jauh jika dibandingkan ketika menggunakan pemancar AM, sebagaimana penjelasan seorang juruhebah senior Radio Suara As'adiyah Sengkang:

Sekarang yang kita fokus adalah hubungan dengan Masjid Agung Ummul Qura Sengkang kerana itu yang utama, sehingga peralatan yang digunakan untuk kepentingan siaran waktu solat dan pengajian pesantren, pembiayaannya ditanggung bersama. Jika ada peralatan yang berhubungan dengan masjid biarlah masjid yang biaya. Kalau terputus hubungan dengan masjid, Radio As'adiyah tiada masalah kerana selawat yang diputarkan di sini adalah selawat yang dirakam dari Masjid Raya. Pengajian yang diputarkan di sini adalah pengajian yang dirakam dari Masjid Raya. Kalau radio tidak ada masalah, cuma pemerintah mengatakan apa-apa yang mahu disampaikan melalui masjid, masyarakat tidak akan mendengar, kerana tidak boleh berhubung lagi dengan masjid kecuali pada hari Jumaat. Azannya Masjid Agung kita sudah rekam, hanya penyiar yang kerja sedikit tidak bisa ditinggalkan. Satu-satunya jalan Pak Sekda (Sekretaris Daerah) adalah memasukkan apa-apa cadangan yang diperlukan oleh pihak radio supaya diberi kemudahan oleh Pemerintah. Waddundung (Tebu bual, 5/2/2017)

Hal ini menunjukkan konsistensi pengurus Radio As'adiyah Sengkang selalu berusaha menyiarkan kepada masyarakat secara langsung dari Masjid Raya Sengkang dengan meningkatkan kualiti siaran.

### **2.7.3 Fasa Ketiga (2012 – Sekarang)**

Dari masa ke masa, perkembangan Radio Suara As'adiyah terus dilakukan oleh pihak pengelola Radio dengan menetapkan dan memperbaiki seluruh komponen yang terkait, mulai daripada *hardware* mahupun penyajian mesej siaran yang mengikuti perkembangan zaman.

Sesuai dengan misi utama Radio Suara As'adiyah Sengkang iaitu menyebarkan ajaran Islam berasaskan Ahlussunnah Wal-Jamaah dengan slogan "Menebar Hikmah Mantapkan Akidah", maka Radio Suara As'adiyah Sengkang telah berupaya untuk meningkatkan kualiti dan memperbanyak kuantiti siaran-siaran keagamaan, seperti kajian fiqh, akidah, akhlak, serta kajian-kajian yang terkait dengan keislaman. Jo Ahmad (Interview, 5/2/2017)

Program acara yang dikemas kini dari masa ke masa tidak terlalu nampak ada perubahan terutama pada pola siaran dan kandungannya. Perubahan hanya ditemukan pada pendakwah yang merupakan *santri* generasi penerus daripada ulama-ulama sebelumnya.

## **2.8 Rumusan**

Pada bab ini, pengkaji membuat kajian yang berkaitan dengan konsep penyampaian dakwah, konsep penyampaian dakwah melalui media dan sejarah Radio Suara As'adiyah. Selanjutnya dibahas konsep pendakwah atau *Da'i*. Konsep khalayak dakwah turut menjadi pembahasan yang tidak boleh dipisahkan. Keutamaan menggunakan media radio sebagai medium dakwah turut dijelaskan pada pembahasan bab ini.

Secara khusus juga dibahas sejarah penubuhan dan perkembangan Radio Suara As'adiyah yang ada di Kabupaten Wajo. Berdasarkan kajian ke atas sejarah Radio Suara As'adiyah, ia dibahagikan pada tiga fasa, iaitu fasa awal, fasa kedua dan fasa ketiga. Setiap fasa mengalami perubahan dan perkembangan dalam penyampaian siaran dakwah. Adapun kaedah penyampaian dan kandungan dakwah yang disampaikan akan dibahas pada Bab 3 tesis ini.





## **BAB TIGA**

### **KAEDAH PENYAMPAIAN DAN KANDUNGAN DAKWAH**

#### **RADIO SUARA AS'ADIYAH**

##### **3.1 Pengenalan**

Pada pembahasan ini akan dijelaskan tentang kaedah penyampaian dakwah Radio Suara As'diyah. Kaedah penyampaian dakwah terdiri daripada unsur juruhebah, pendakwah dan format penyampaian. Kandungan dakwah Radio Suara As'adiyah akan dibahas mengikut kitab-kitab yang dijadikan sumber utama .

##### **3.2 Kaedah Penyampaian Dakwah Radio Suara As'adiyah**

Kaedah penyampaian dakwah melalui radio tidak terlepas daripada juruhebah yang memandu, pendakwah, format penyampaian dan kandungan dakwah yang disampaikan.

###### **3.2.1 Juruhebah Radio Suara As'adiyah Sengkang**

Salah satu yang berperanan penting dalam keberhasilan sesebuah medium radio sehingga tetap relevan dan dapat diterima oleh masyarakat adalah juruhebah dan pendakwah. Waddundung (Temu bual, 5/2/2017) Juruhebah yang akan secara langsung membawakan acara yang telah disiapkan oleh kumpulan kreatif untuk disiarkan kepada pendengar.

Dalam Dewan Bahasa dan Pustaka (1992), juruhebah disebut *announcer* (erti harfiah: orang yang mengumumkan), sedangkan dalam Kamus Dewan (2005)

juruhebah ertinya adalah orang yang kerjanya menyiarkan mesej dan sebagainya di radio. Ia juga disebut sebagai orang yang bertugas atau berperanan menyampaikan dan membawakan maklumat dalam sebuah acara di radio. Seorang juruhebah perlu boleh melakukan pekerjaan penyiaran, menyiarkan berita, menyajikan produk komersial, membawakan program-program khusus seperti acara olahraga, acara lawak, memimpin diskusi ataupun sebagai pembawa acara kuiz. Dengan begitu, kemampuan seorang penyiar harus benar-benar terlatih agar dapat membawakan acara radio secara menarik dan dapat disampaikan dengan baik.

Kedudukan sebuah radio pada zaman moden ini juga tergantung pada seorang juruhebah. Ini kerana persaingan yang begitu ketat antara media massa sebagai medium hiburan dan komunikasi. Kemampuan seorang juruhebah dalam menyampaikan informasi kepada pendengar adalah salah satu faktor membuatkan medium radio tetap diminati oleh masyarakat. Wadundung (Temu bual, 5/2/2017) Salah satu kelebihan yang dimiliki oleh Radio Suara As'adiyah Sengkang sehingga saat ini masih wujud dan tetap diminati oleh khalayak kerana dialek bahasa yang digunakan oleh juruhebah dalam bahasa bugis sebagai bahasa sehari-hari masyarakat Kabupaten Wajo. Maklumat yang disampaikan oleh juruhebah betul-betul sesuai dengan keinginan masyarakat yang majoriti Bugis.

Fungsi utama seorang juruhebah merupakan “denyut” kehidupan dunia radio, membuatkan juruhebah untuk lebih terbuka dan kreatif membawakan setiap program acara utama di radio. Hal ini dilakukan untuk menarik para pendengar agar dapat mendengarkan dengan baik program dan siaran radio yang dibawakan. Media radio

pada dasarnya tidak hanya berfungsi sebagai kemudahan komunikasi dan informasi saja, namun kepandaian seorang juruhebah membuat radio menjadi sebuah media hiburan yang menarik. Wadundung, (Temu bual, 5/2/2017)

Efendi (1991) menyatakan bahawa posisi juruhebah memiliki hubungan yang sangat erat dengan pendengar radio, sehingga juruhebah disarankan untuk memperbaiki kelemahan penyampaiannya supaya semakin dekat dengan pendengar.

Hal ini menjadi cabaran bagi seorang juruhebah untuk membuat pendengar dapat menerima apa jua mesej yang disampaikannya. Salah satu cara yang dilakukan oleh juruhebah Radio Suara As'adiyah adalah bijak berkomunikasi dengan para pendengar dengan cara santai dan aktif sehingga pendengar terikut dalam acara yang dibawakannya. Radio dapat menghasilkan gambar dalam imaginasi pendengar melalui kata dan suara yang turut dikenali sebagai *Theater of Mind*. (Pemerhatian, 4/2/2017)

Pihak pengurusan Radio Suara As'adiyah Sengkang telah menentukan kriteria dan kualiti yang khusus dalam proses penerimaan juruhebah. Setelah melalui beberapa ujian dan memenuhi semua kelayakan yang ditetapkan oleh RSA, maka seorang juruhebah akan diizinkan untuk menjadi juruhebah RSA. (Wadundung, 5/2/2017)

Adapun kriteria-kriteria asas untuk menjadi juruhebah Radio Suara As'adiyah Sengkang dapat dilihat dalam penjelasan berikut ini:

**a. Mampu Melibatkan Pendengar dalam Program Acara.**

Juruhebah Radio Suara As'adiyah mampu mengajak pendengar untuk ikut serta dalam program yang dibawakan. Pendengar bukan hanya tertarik dengan suara juruhebah saja, namun seorang juruhebah harus mempamerkan program yang dibawakan. Di samping itu, beliau harus pandai menunjukkan manfaat program tersebut, serta membuat pendengar tertarik untuk turut serta dalam program yang dibawakan. (Jo Ahmad, 5/2/2017)

**b. Berbicara Bukan Bersuara.**

Setiap juruhebah Radio Suara As'adiyah dituntut untuk memiliki kecakapan berbicara dan bukan hanya membaca. (Jo Ahmad, 5/2/2017) Seorang juruhebah bekerja dengan skrip siaran, namun seorang juruhebah yang baik tidak akan menyampaikan program dengan hanya membaca skrip tersebut. Juruhebah harus mampu berkomunikasi seperti sedang berbicara dengan orang lain (pendengar). Dengan begitu, bahasa yang akan diucapkan akan lebih fleksibel dan santai atau tidak seperti membaca.

**c. Memaksimumkan Ekspresi Tubuh ke Suara.**

Harus difahami bahawa penampilan juruhebah radio hanya melalui suara. Oleh itu, suara harus benar-benar menjadi medium utama komunikasi antara juruhebah dan pendengar. Untuk itu, seluruh ekspresi komunikasi juruhebah perlu digambarkan melalui suara. Misalnya, seorang juruhebah yang baik perlu menyalurkan emosinya dan mengekspresikannya melalui suara. Dengan begitu, suara yang dikeluarkan

seorang juruhebah akan lebih bernyawa atau menimbulkan kesan dan tidak hanya sekadar suara kosong. (Wadundung, 5/2/2017).

**d. Berghairah/Bersemangat**

Menjadi seorang juruhebah harus selalu berghairah/bersemangat dengan apa jua keadaan. Kerana pendengar akan lebih tertarik dengan sajian acara yang dibawakan oleh juruhebah dengan penuh ghairah dan semangat. (Wadundung, 5/2/2017).

**e. Empati.**

Juruhebah radio adalah sahabat bagi pendengarnya. Salah satunya adalah dengan sifat empati. Dengan sifat tersebut maka seorang juruhebah akan melihat kepentingan atau keperluan pendengarnya. Tidak bererti bahawa juruhebah perlu mengikut semua kehendak pendengar supaya dapat diterima. Namun di sini, seorang juruhebah selalu memulai siaran dengan memahami kebutuhan pendengar. (Jo Ahmad, 5/2/2017)

**f. Juruhebah adalah “Etalase” Radio**

Sebagai “etalase” radio atau disebut juga dengan “citra radio”, seorang juruhebah Radio Suara As’adiyah perlu mampu membawakan penampilannya dalam bersiaran dengan baik. Semakin baik penampilan seorang juruhebah maka akan semakin baik pula citra radio tersebut. (Wadundung, 5/2/2017)

**g. Terbuka pada Kritikan.**

Wadundung (Temu bual, 5/2/2017) menyatakan bahawa setiap kritikan akan menjadi titik ukuran kemampuan yang dicapai seseorang dalam kariernya. Seorang juruhebah

yang profesional akan memberi kesan kepada ramai pendengar yang senantiasia mendengarkan siarannya. Oleh itu, seorang juruhebah perlu mengikuti perkembangan peminatnya. Jika tidak, juruhebah tersebut akan menerima kritikan bahkan daripada para peminatnya juga. Keterbukaan dalam menerima kritikan akan membuatkan seorang juruhebah belajar menjadi yang lebih baik lagi pada masa akan datang.

#### **h. Jadilah Pendengar yang Baik.**

Terdapat ungkapan “seorang pembicara yang baik, tumbuh kerana kemampuannya menjadi pendengar yang baik”. Begitu juga dengan juruhebah yang bukan sekadar dilihat daripada segi kemampuannya berbicara namun juga harus menjadi pendengar yang baik. Oleh itu, juruhebah tersebut akan mendapat input dan bahan untuk memperbaiki diri dan boleh juga digunakan sebagai bahan siarannya. (Jo Ahmad, 5/2/2017).

Seorang juruhebah harus memiliki beberapa hal dalam dirinya untuk disukai oleh pendengar, iaitu: *Naturalness*, seorang juruhebah harus bersikap natural dan menjadi dirinya sendiri. Ini kerana pendengar lebih menyukai juruhebah yang berkarakter dan memiliki ciri-ciri khas yang tersendiri dalam dirinya. *Vitality*, juruhebah radio menjadi ikutan bagi pendengar. Oleh itu, seorang juruhebah yang baik harus memberikan penampilan yang baik bagi pendengarnya. *Reliability*, kejujuran sangat penting dalam segala hal termasuklah dalam bersiaran. Seorang juruhebah harus menyampaikan suatu informasi secara benar, dan jujur. *Friendliness*, sebagai seorang sahabat, juruhebah perlu menjalin hubungan baik atau akrab dengan pendengar. Menjadi sahabat pendengar yang senantiasia mendengarkan kemahuan mereka dan

menyajikan informasi yang mereka perlukan. *Believability*, juruhebah radio harus dapat dipercayai dalam segala hal termasuklah dalam menyampaikan informasi secara benar. Segala perkara yang disampaikan harus dipertanggungjawabkan. *Adaptability*, sebagai juruhebah sudah tentu akan memiliki banyak pergaulan. Di sini seorang juruhebah tentu harus bisa beradaptasi dengan berbagai-bagai perubahan di lingkungan pergaulan dan menghadapi berbagai-bagai pendengar yang memiliki minat dan pandangan yang berbeza-beza. (Yuliana, 2010 : 50-53).

Beberapa perkara di atas adalah cara yang dilakukan oleh juruhebah Radio Suara As'adiyah dalam menjalin hubungan yang baik dengan seluruh pendengarnya. Para juruhebahnya berusaha untuk menjadi sahabat bagi pendengarnya sehingga penggemar siaran Radio Suara As'adiyah tetap setia mendengar.

Radio Suara As'adiyah sebagai salah satu media massa yang ada di Kabupaten Wajo ini memiliki keunikan tersendiri. Salah satu keunikannya adalah sebahagian komunikasinya menggunakan bahasa lokal Bugis, sehingga masyarakat selalu menunggu siaran RSA. Mereka telah menghafal jadual-jadual siaran dan merasa rugi jika tidak mengikuti siaran RSA. Perkara ini seperti yang dijelaskan oleh juruhebah Radio Suara As'adiyah Sengkang:

*“Iyaro pakkamponge natajeng memetto pengajian essoE, iyapa napaja ku massempajang Assara'i. Nasaba kopurani massempajang Assara tamasika nengkalingasi acaraku lagu-lagu ogi, makiring-kiring elong. Pura matu iyaro tette 2.50 nengkalingasi ulangan pengajian sampai maggabung masjid Agung. Purasi matu Assara nappa istirahat. Nappa natajessi matu mangaribi, mappakoro carita na Pak materru-terru”*.

“Orang-orang di pedesaan menunggu pengajian siang, nanti mereka selesai setelah solat Ashar. Setelah itu saya masuk lagi melanjutkan siaran dengan memutar lagu-lagu Bugis, kirim-kirim lagu untuk kerabat, setelah itu pada jam 02.50, saya putarkan lagi ulangan pengajian sampai bergabung dengan Masjid Agung Sengkang, setelah



shalat Ashar baru istirahat. Kemudian masyarakat menunggu lagi sampai masuk waktu shalat Magrib. Demikian prosesnya Pak terus-menerus". (Waddudung, 5/2/2017)

Melalui bentuk komunikasi juruhebah di atas seperti pendekatan dengan pendengarnya dari sisi emosional membuat siaran radio tetap wujud dan ada di hati penggemarnya hingga saat ini. Kita dapat merasakan betapa dekatnya seorang juruhebah radio dengan pendengarnya seperti seorang sahabat yang berbicara penuh semangat.

Personaliti juruhebah Radio Suara As'adiyah (RSA) Sengkang saat ini yang memenuhi kriteria yang telah dijelaskan di atas dan tetap setia sehingga saat ini adalah:

1. M. Nurdin Mangewa, lahir di Wajo pada 2 Mei 1968. Beliau adalah juruhebah sekaligus bertanggungjawab dalam Pemberitaan dan Reportase Radio Suara As'adiyah Sengkang sampai sekarang. Pendidikan awalnya adalah di SD Kae Ugi tahun 1978 dan setelah itu melanjutkan pendidikan ke Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Kota Baru pada tahun 1985. Setelah tamat di SMP, beliau melanjutkan pendidikannya Sekolah Lanjutan Atas (SLTA), Sengkang pada tahun 1986. Beberapa latihan yang terkait dengan jurnalistik khususnya radio yang pernah diikuti oleh beliau adalah; Latihan Jurnalistik Lembaga Pers Dr. Soetomo tahun 1999, Training Cours Workshop Masalah Komplik (BBC) HPPI, Pelatihan Jurnalistik dan Penyiaran (BBC) HPPI, dan Latihan Management Radio PRSSNI.

Musdawi (Temu bual, 5/1/2017) menyatakan bahawa kelebihan juruhebah pada saat melakukan siaran adalah mampu membuat para pendengar tertarik dan asyik mendengar siaran radio. Dengan gaya tutur bahasa Bugis yang penuh dengan mesej-mesej orang tua terdahulu. Hal ini dijelaskan oleh salah seorang pendengar.

2. Ramli Alimuddin, lahir di Sengkang pada 21 Oktober 1964. Beliau adalah juruhebah dan bertindak juga sebagai Ketua Bahagian Siaran PT. Radio Suara As'adiyah Sengkang. SD, SMP, dan SMA semuanya di Sengkang Kab. Wajo. Latihan yang pernah diikuti beliau berkaitan dengan penyiaran adalah Latihan Jurnalistik dan Penyiaran (BBC) HIPPI di Makassar dan Latihan Siaran Radio di Makassar.

Musdawi (Temu bual, 5/1/2017) menyatakan bahawa kelebihan juruhebah ini adalah mampu membuat pendengar terlibat aktif seakan-akan pendengar ikut siaran di studio.

3. Jamaluddin, lahir di Sengkang, pada 14 Februari 1984. Beliau turut bertindak sebagai Ketua Siaran. Seluruh proses kerja Radio Suara As'adiyah Sengkang yang berkaitan dengan pemberitaan dan laporan, menyiapkan dan mengedit semua bahan-bahan siaran, serta menyusun jadual siaran merupakan tanggungjawabnya. Latihan yang pernah diikuti oleh beliau adalah Latihan Penyiaran dan Reporter yang diadakan di Makassar.

Musdawi (Temu bual, 5/1/2017) menyatakan bahawa kekuatan vokal juruhebah ini dalam membawakan siaran seolah-olah berada di depan pendengar. Dia mampu mengolah suaranya dengan baik.

4. Zainal Abidin Marazinta, lahir di Pangkajene, 21 Oktober 1957 (Teknisi) Radio Suara As'adiyah. Latihan yang pernah diikuti adalah Pendidikan Latihan BLKI Jurusan Radio Amplifier tahun 1982 di Pangkajene, Pendidikan dan Latihan Kepala Bagian Teknik Radio Siaran PRSSNI tahun 1992 di Malang, dan Pendidikan dan Latihan Teknik Radio Siaran Swasta Kanwil IX Deparpostel Jawa Timur tahun 1992 di Jawa Timur.
5. Drs. M. Jera Hadi, lahir di Canru Kab. Wajo, 16 Mei 1962, merupakan pembantu juruteknik Radio Suara As'adiyah Sengkang. Sebelum juruhebah Radio Suara As'adiyah ke udara dan menyapa pendengar maka kedua-dua juruteknik dan pembantu inilah yang membuat pemeriksaan pada semua perkakasan yang akan digunakan dalam siaran, khususnya kejelasan dan kerja audio sehingga dapat didengar oleh masyarakat pendengar.
6. Elvis DM, SE, lahir di Sengkang, pada tahun 1959. Beliau adalah Ketua Bahagian Pemasaran Radio Suara As'adiyah Sengkang (RSA). Salah seorang yang bekerja secara tekun dalam memasarkan dan memperkenalkan kepada masyarakat program-program acara baharu yang diadakan di RSA. Latihan yang pernah diikuti adalah Pendidikan Penanggung Jawab Radio PRSSNI di Jakarta dan Pendidikan Latihan Management Radio Siaran PRSSNI di Jakarta.

Berdasarkan huraian di atas maka dapat disimpulkan bahawa personaliti yang ada dalam lingkungan Radio Suara As'adiyah adalah layak dan mempunyai dasar pengetahuan yang kuat dalam menyajikan berita-berita dan informasi yang disampaikan pada ketika bersiaran sehingga dapat diterima dengan baik oleh masyarakat. Pengalaman dan latihan-latihan yang telah mereka ikuti semakin

menambah wawasan dan kepiawaiannya dalam memandu siaran Radio Suara As'adiyah.

### 3.2.2 Narasumber/Da'i

Selain juruhebah yang mampu membuat pendengar mendengar siaran RSA, perkara yang sama pentingnya peranannya adalah Da'i. Penetapan pendakwah RSA dipilih berdasarkan keilmuan yang dimiliki dan semuanya berasal daripada guru atau ulama Pondok Pesantren As'adiyah.

Demikian juga yang dikatakan oleh seorang pembantu/pendamping Gurutta AG. H. Rafi'i Yunus:

Harus selektif betul siapa yang akan membawakan materi dan materi apa yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Orang berdakwah di sini harus minta izin dulu sama gurutta (K.Rafi), apa-apa yang mahu disampaikan diversifikasi dulu jangan sampai menyampaikan sembarang." Musdawi (Interview : 6/2/2017)

Pemberita Radio Suara As'adiyah Sengkang yang lain mengatakan:

"Iyaro mappangaji essoE kitta' pa, gurutta Rafi, gurutta almarhum Pak Abu Nawas Bintang yako pengajian esso engka memeng kitta. Yako engka mellau mappangaji itanai yolo ko gurutta kitta aga mukuasai? Ko iyamiro loE mabbaca sure kabara nappa napasikenna-kenna materina tania yaro napoji pakkampongE. Iyaro pakkampongE iya sicocoe pangkaukenna esso-esso. Yaku maelomi siraman rohani biasa teppa madownloadka bawang ko internet e jajisi."

"Yang membawakan pengajian siang harus kitab kuning, nanti *Anregurutta. Anregurutta almarhum* Pak Abu Nawas Bintang kalau pengajian siang selalu ada kitab kuning. Kalau ada yang minta membawakan pengajian, maka ia akan ditanya oleh Gurutta, kitab apa yang kamu kuasai? Kalau hanya sekadar seperti membaca suatu khabar lalu menghubungkan-hubungkan materi bukan itu yang diinginkan masyarakat. Masyarakat akan melihat yang sesuai dengan perbuatan sehari-hari. Kalau hanya sekadar mahu siraman rohani

Islam tinggal saya mendownload di internet jadi semua.”  
Waddundung (Interviwi, 5/2/2017)

Tidak semua guru/ustaz atau *Da'iDa'i* diberi keizinan untuk membawakan dakwah dan pengajian dalam Radio Suara As'adiyah kerana harus memenuhi beberapa syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Para *Da'iDa'i* yang terpilih dan mendapatkan izin daripada Pimpinan Pusat Pondok Pesantren As'adiyah sahaja dibenarkan untuk membawakan pengajian. Pengajian di Radio Suara As'adiyah adalah daripada kalangan ulama Bugis yang berdasarkan kemampuan keilmuannya tentang Islam.

Profil singkat *Da'i* yang menyampaikan dakwah Radio Suara As'adiyah antara lain :

1. AG. K.H. M. Rafii Yunus, MA, Ph.D : Ia adalah generasi ulama As'adiyah K.H. M. Yunus Martan (Pendiri Radio Suara As'adiyah), kelahiran Belawa. Pendidikan asas dan menengah dilaluinya di As'adiyah Sengkang. Selain belajar di Madrasah, ia juga belajar di SMP Negeri Sengkang dan SMA Negeri I Makassar. Pola pendidikan umum dan agama yang ditempuhnya itu diteruskan ke perguruan tinggi. Sarjana Muda diselesaikan pada Jurusan Sastera Timur Universitas Hasanuddin Makassar dan Sarjana di Jurusan di Fakultas Ushuluddin IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, Jurusan Perbandingan Agama (Muqaranat Al-Adyan). Tahap S2 dengan gelar “MA” ditempuh di Institute of Islamic Studies, McGill University, Montreal, Canada, Jurusan Studi-Studi Keislaman, bidang kekhususan: Ilmu Kalam (Ilmu al-Kalam) dan tahap S3 diselesaikan di Department of Near Eastern Studies, University of Michigan, Ann Arbor, Michigan, Amerika Serikat, jurusan Studi-studi Keislaman, bidang kekhususan: Ilmu-Ilmu al-Quran (Uloom al-Quran) tahun 1994.

Beliau mengaku menganut faham *Ahlussunnah Waljamaah* sesuai dengan haluan As'adiyah. Latar belakang pendidikan yang dilaluinya berpengaruh pada pandang-pandangan yang toleran dan terbuka. Sifat itulah yang dijadikannya modal asas untuk membangun As'adiyah. Meskipun berlatar belakang pendidikan “barat”, beliau tidak mengalami kesulitan untuk beradaptasi dengan komuniti pesantren yang terkesan “tradisional”. Bahkan berdasarkan tradisi itu, M. Rafii Yunus mengembangkan As'adiyah.

Pekerjaan utamanya adalah sebagai pensyarah di Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar (UINAM). Di sana beliau memegang jawatan Penolong Pengarah I (bidang Akademik dan Kemahasiswaan) PPS IAIN Alauddin sejak 1996. Sebelumnya, beliau menduduki beberapa jabatan pimpinan di Fakultas Ushuluddin di perguruan tinggi yang sama. Beliau juga aktif dalam masyarakat sebagai pendakwah dan dipercayai sebagai Imam Besar dan Ketua Badan Pelaksana Harian (BPH) bidang Ibadah, Dakwah, dan Pengkajian Islam, Masjid Al-Markaz Al-Islami Makassar sejak tahun 1997. (Ahmad: 2011; 339) Pada saat ini K.H. M. Rafii Yunus menjabat sebagai pengetua Pengurus Besar As'adiyah.

Salah seorang masyarakat yang aktif mengikuti pengajian *Anregurutta* Rafi'i Yunus berkata:

*Gurutta Rafi mappangaji mattepu na malise appalettuna gangkanna marrilaaleng lettu atteme temmekenna tungke lapaleng-lapaleng appangaji ngenna. Mabalala ituntu bansanae bateena mappakkalu bicara situju-tuju attarate'na de'na mega ada sia-sia banna ada tongeng mattukkenna li appangaji ngenna. Kitta Nappangajiange: Bulughul Maram, Ulumul Qur'an, Al-Ibanah. (Fathuddin, 9/2/2017)*

Guru kita Rafi ketika membawakan pengajian sangat jelas, padat dan dalam ketika menyampaikan pengajian. Jarang sekali kita dapatkan ulama seperti beliau, retoriknya sangat teratur, sarat dengan hikmah,

hampir tidak ada cerita-cerita kosong pada setiap mesej yang dibawakan di setiap pengajian. Adapun kitab-kitab yang diajarkan dalam pengajian adalah, *Bulugul Maram*, *Ulumul Qur'an*, dan Akhlaq.

2. KM. Suyuti Gaffar, S.Ag, *Gurutta* Suyuti Gaffar membawakan pengajian/pengajaran di Masjid Raya Sengkang dengan menggunakan Kitab *Syarhul Hikam*. Ia merupakan salah satu kitab yang membahaskan tentang ilmu tasawuf. Pada saat mengajarkan kitab tersebut, beliau menterjemah dengan sangat jelas dan mudah difahami. Pemahaman beliau terhadap kitab tersebut sangat mendalam sehingga terkadang terdapat perkara yang sulit untuk difahami oleh peserta pengajian tetapi dia dengan mudah memberikan penjelasan makna. Pada saat menjelaskan suatu masalah, beliau menjelaskannya dengan teratur, tidak berbelit-belit dan dengan kata lain tidak menjelaskan inti daripada apa yang dibahaskan. (St. Rahmah, 15/1/2017)
3. Dr. KH. Muhyiddin Tahir, M.Th.I, : *Gurutta* Muhyiddin Tahir memiliki latar belakang pendidikan Hadis dan Tafsir. Beliau menyampaikan pengajian pesantren di Masjid Raya Sengkang dengan cukup mendalam dan jelas huraiannya. Ia memiliki banyak rujukan dan hal baharu yang tidak ditemui di tempat lain. Dengan kajian tersebut, ia memudahkan pelajarnya dalam memahami setiap hadis atau ayat yang dibahaskan. Bahkan lebih daripada itu, beliau mampu membuka cara berfikir pelajarnya untuk menghubungkan pengajiannya dengan pemikiran-pemikiran kontemporari.

Kitab yang diajarkan oleh *gurutta* dalam pengajian adalah Kitab Sunan Abi Daud. Beliau secara terperinci menjelaskan poin-poin hadis, menjelaskan serta menghubungkan dengan kitab-kitab lain sehingga pendapat yang dikeluarkannya

lebih kompleks tidak hanya merujuk pada satu kitab atau rujukan. (In Parninsih, 6/12/2016)

4. KH. Nurdin Maratang, S.Ag, : Dalam membawakan pengajian, *gurutta* ini mampu menyampaikan pengajian dengan baik, sangat jelas, berisi dan mudah difahami. Cara penyampaiannya yang begitu tenang dengan cara beliau sering mengulang-ulang apa yang diajarkan sehingga betul-betul membuat para pendengar dapat memahami dengan baik. Beliau juga memberikan contoh terhadap apa yang dijelaskannya, contoh yang beliau berikan merupakan kejadian-kejadian yang sering kita jumpai dalam kehidupan sehari-hari. Pada saat beliau diberi pertanyaan, beliau menjawabnya dengan jawapan yang mudah difahami. Beliau mampu merungkai masalah-masalah yang dialami oleh masyarakat, terutama yang berkaitan dengan fiqh, baik permasalahan klasik mahupun kontemporari. Kitab yang beliau ajarkan iaitu *Fathul Muin* dan *Kifayatul Akhyar*. (Agustina A, 11/1/2017)
5. Drs. KH. Idman Salewe, M.Th.I : *Gurutta* Drs. KH. Idman Salewe, M.Th.I merupakan salah seorang daripada beberapa *gurutta* yang menyampaikan pengajian *khalaqah* dengan khidmat setiap malam Ahad setelah solat Maghrib. Saya sebagai pelajarnya sangat terkesan dengan metode yang *gurutta* gunakan dalam pengajian iaitu penyampaian secara berulang-ulang sampai benar-benar difahami dan sangat teratur serta jelas, baik ketika menterjemahkan dan saat memberikan penjelasan kepada kami. Beliau adalah sosok guru yang tidak pernah mengeluarkan pendapat kecuali disertai dengan dalil dan menjelaskan status dalil tersebut (jika ia hadis) sesuai dengan keahlian *gurutta* dalam bidang hadis. (Dasmarianti , 5/1/2017)



6. *Gurutta* Drs. H. M. Yusuf Razak, M.Pd. : Cara mengajar *gurutta* ini adalah sangat mudah difahami. Sekiranya ada hal-hal yang penting maka beliau akan terus menghurainya sambil disertai dengan penjelasan dengan bahasa yang jelas dan mudah difahami. Contohnya pada ketika menjelaskan mengenai tata cara memakai pakaian ihram maka beliau terus memperagakan dengan alat/perkakasan yang sedia ada yakni serban beliau.

Cara penjelasan *gurutta* sangat terperinci bermula daripada ketika menterjemahkan pengajiannya dari segi etimologi dan terminologi. Kemudian beliau akan menjelaskan pula dari ilmu Nahwu dan *Sharafnya* serta diikuti penjelasan maksud dan pembahasan kitab tersebut. Yang paling berkesan adalah *gurutta* memiliki ciri khas yang lucu dalam memberikan penjelasan kepada kami sehingga tidak ada rasa jemu pada kami dalam memberi perhatian terhadap penjelasan beliau.

*Gurutta* adalah sosok yang mengagumkan kerana di samping beliau adalah ahli dalam membaca kitab kuning, beliau juga fasih dalam bahasa Arab dan bahasa Inggris serta mempunyai pengalaman yang luas dan mendalam. (Marlinda, 7/2/2017)

7. Drs. KH. Syaib Nawang : *Gurutta* dalam memberikan pengajian sangat jelas kerana *gurutta* menjelaskan kata demi kata dengan bahasa yang mudah difahami sehingga mudah bagi pendengarnya untuk memahami apa yang dijelaskan oleh *gurutta*. Hal ini kemudian memberikan bekas atau pengaruh dalam kehidupan pendengarnya sehingga perintah-perintah ataupun larangan-larangan yang terdapat dalam isi pengajian *gurutta* menjadikan mereka lebih mudah untuk

melakukan perintah dan menjauhi larangan dalam agama. Kitab yang dibawakan *gurutta* dalam pengajian adalah *Irsadul Ibad* dan *Al-Muhjab*. (Sartika, 8/2/2017)

Setiap *Da'i* atau pendakwah yang menyampaikan dakwah di Radio Suara As'adiyah menggunakan rujukan kitab klasik. Pedoman dalam kitab menjadi syarat mutlak yang harus menjadi pegangan setiap *Da'i* pada Radio Suara As'adiyah.

*Jadi kita tidak kasi kesempatan. Iyaro mappangaji siang harus kitab, Gurutta rafii, Gurutta almarhum Gurutta Abu Nawas bintang kalau pengajian siang engkamemng kita.*

*Kalau ada yang minta itanai yolo ko gurutta kitta aga mukuasai. Koiyamiro loe mabbaca sure kabara nappa napasikenna-kenna materina bukan itu yang diinginkan masyarakat. Iyaro masyarakat betul-betul pangkaukenna sehari-harie.* (Waddundung, 5/2/2017)

Bagi yang akan membawakan dakwah, tidak diberi kesempatan apabila tidak membawa kitab. K.H. Rafii dan Almarhum K.H. Abunawas Bintang sekiranya pengajian, mereka selalu membawa kitab.

Kalau ada yang berkeinginan untuk membawakan pengajian maka terlebih dahulu harus diketahui kitab apa yang dikuasai.

Kalau hanya mahu membaca surat khabar kemudian mau menghubungkan-hubungkan ilmunya, bukan itu yang diperlukan masyarakat. Masyarakat betul-betul memerlukan sumber ilmu untuk keperluan perilaku sehari-hari.

Oleh itu, ini menunjukkan bahawa Radio Suara As'adiyah sangat memilih dalam menentukan *Da'i* yang akan menyampaikan dakwah. *Da'i* yang membawakan dakwah kebanyakannya berasal dari Pondok Pesantren As'adiyah yang dipilih oleh pengurusan Pusat Pondok Pesantren As'adiyah. Selain itu, sumber dakwah yang disampaikan juga berlandaskan kitab-kitab yang muktabar.

### **3.2.3 Format Penyampaian Dakwah Radio Suara As'adiyah**

Format penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang dilaksanakan secara *live* (langsung) dengan mengkaji beberapa *kitab kuning*/kitab klasik ulama-ulama terdahulu sebagai rujukan. Disebut *kitab kuning* kerana kertas yang digunakan dalam

kitab tersebut berwarna kuning. Masyarakat Bugis menyebutkan *kitab kuning* sebagai *kitta gondolo*, atau kitab gundul (tanpa ada syakal/baris atau tanda baca). Kemampuan membaca dan memahami isi *kitab kuning* ini juga dijadikan ukuran oleh orang Bugis untuk menilai kemampuan keulamaan seseorang.

Pengajian pesantren dilaksanakan di Masjid Agung Ummul Quraa Sengkang setelah solat Maghrib hingga waktu solat Isya dan selepas solat Subuh. Pengajian ini diadakan pada waktu Subuh dan setelah solat Maghrib, dinamakan sebagai Pengajian Pesantren Subuh dan Pengajian Pesantren Maghrib. (Pemerhatian, 12/1/2017)

Musdawi (Temu bual, 29/8/2017) menyatakan bahawa dalam tradisi masyarakat Bugis, pengajian kitab seperti ini disebut "*manngaji tudang*" (belajar agama dalam posisi duduk bersila). Ini kerana pada kebiasaannya *anregurutta* (tuan guru) akan duduk di depan menghadap jamaah, sementara jamaah duduk mengelilingi guru atau memanjang menurut *shaf* (baris). *Manngaji tudang* merupakan istilah yang dipakai khusus untuk kegiatan belajar dengan menggunakan kitab klasik yang berkaitan dengan akidah, akhlak, fiqh, tafsir, hadis dan tasawuf. Pengajian ini merupakan salah satu bentuk dakwah yang dilakukan oleh ulama di Sengkang dan masih diamalkan sampai sekarang, yang langsung disiarkan melalui Radio Suara As'adiyah.

Berdasarkan pemerhatian atau pengamatan turut serta pada 29 Ogos 2017 mengenai cara pengajian, terlebih dahulu seorang *Da'i* (*anregurutta*) akan membuka kitab yang diletakkan di atas sebuah meja kecil, kemudian beliau membaca naskhah asli kitab tersebut dan menterjemahkan ertinya dalam bahasa Bugis serta memberikan syarahan isi kitab tersebut sesuai dengan konteks semasa.

Pengembangan wawasan dan pemikiran ulama biasanya akan diselitkan dalam syarahan tersebut. Walaupun kitab yang digunakan merupakan kitab klasik namun masih relevan pemaknaannya dalam situasi semasa. Itulah yang menyebabkan kitab klasik tidak pernah “mati” dalam kalangan masyarakat Bugis.

Berhubung dengan program siaran pengajian rutin yang dilaksanakan di Radio Suara As’adiyah Sengkang, salah seorang pendengar Radio Suara As’adiyah Sengkang berkata:

*Yanaritu maegana yero program-program acarana radioE iya wedding patattambai paddisaengetta ritujunna agamata, pada-padanna, penganjian khalaqah tungke-tungke pura mangeribi na subuh, engkato pengajian siang, mutiara senja, kajian fiqhi, engkato program acara unggulanna yanaritu, sigabungi sibawa mesjid agung ko tamani wettu sempajang e.*

Banyaknya program-program acara Radio Suara As’adiyah yang dapat menambah pengetahuan berisi mengenai keagamaan, seperti; pengajian halaqah yang diadakan setiap (Subuh dan Maghrib), juga pengajian siang setelah solat subuh dan mutiara senja menjelang Maghrib. Pengajian dilakukan terkadang dengan membahaskan kitab fiqhi siaran utamanya (iaitu bergabung dengan masjid Agung Ummul Qura) dan lain-lain. (MUSDAWI, 29/8/17)

Jadual format penyampaian dakwah Radio Suara As’adiyah Sengkang dapat dilihat terperinci, sebagai berikut:

Jadual 3.1

*Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Isnin*

Waktu	Program	Deskripsi	Juruhebah
04.15-06.30	Naviri Fajar	Live Masjid Ummul Qura'a Pesantren Subuh	Muh. Jerahadi
06.30-09.00	Lintas Kabupaten	Berita Seputar Sulawesi Selatan Lagu Dangdut	Dyan Susanti
09.00-11.30	Nuansa Pagi	Mengangkat Topik <i>Live Request</i> Dangdut	Dyan Susanti
11.30-12.00	Kesejukan Hati	Ceramah Islam Rec	Ramli Alimuddin
12.00-12.35	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
12.35-13.00	Pengajian Siang	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
13.00-15.00	Bugis Berdendang	<i>Live Request</i> Lagu Bugis Daerah	Wa' Dundung
15.00-15.15	Kesejukan Hati	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
15.15-16.00	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
16.00-17.30	Seputar Masalah Kita	Informasi Ringan Lagu Pop Indonesia	Dyan Susanti
17.30-18.00	Mutiara Senja	Ceramah Islam	Jo Ahmad
18.00-20.00	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a Pesantren Maghrib	Jo Ahmad
20.00-21.00	Kajian Fiqih	Kajian Islam Interaktif Bersama Santri Ma'had Aly	Jo Ahmad
21.00-22.15	<i>Rileks Time</i>	Nuansa Lagu Pop Indonesia Disuguhkan Info Menarik	Jo Ahmad

Jadual 3.2

*Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Selasa*

<b>Waktu</b>	<b>Program</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Juruhebah</b>
04.15-06.30	Naviri Fajar	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a Pesantren Subuh	Muh. Jerahadi
06.30-09.00	Lintas Kabupaten	Berita Seputar Sulawesi Selatan Lagu Dangdut	Dyan Susanti
09.00-11.30	Nuansa Pagi	Mengangkat Topik Lagu Pop Terbaru	Dyan Susanti
11.30-12.00	Kesejukan Hati	Ceramah Islam Rec	Ramli Alimuddin
12.00-12.35	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
12.35-13.00	Pengajian Siang	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
13.00-15.00	Bugis Brendang	<i>Live Request</i> Lagu Bugis Daerah	Wa' Dundung
15.00-15.15	Kesejukan Hati	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
15.15-16.00	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
16.00-17.30	Seputar Masalah Kita	Informasi Ringan Lagu Pop Indonesia	Dyan Susanti
17.30-18.00	Mutiara Senja	Ceramah Islam	Jo Ahmad
18.00-20.00	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a Pesantren Maghrib	Jo Ahmad
20.00-21.00	Kajian Fiqih	<i>Live Request</i> Melalui Telefon Pendengar	Jo Ahmad
21.00-22.15	<i>Rileks Time</i>	Nuansa Lagu Pop Indonesia <i>Flashback</i>	Jo Ahmad

Jadual 3.3

*Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Rabu*

<b>Waktu</b>	<b>Program</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Juruhebah</b>
04.15-06.30	Naviri Fajar	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a Pesantren Subuh	Muh. Jerahadi
06.30-09.00	Lintas Kabupaten	Berita Seputar Sulawesi Selatan Lagu Dangdut	Dyan Susanti
09.00-11.30	Nuansa Pagi	Mengangkat Topik Lagu Pop Terbaru	Dyan Susanti
11.30-12.00	Kesejukan Hati	Ceramah Islam Rec	Ramli Alimuddin
12.00-12.35	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
12.35-13.00	Pengajian Siang	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
13.00-15.00	Bugis Brendang	<i>Live Request</i> Lagu Bugis Daerah	Wa' Dundung
15.00-15.15	Kesejukan Hati	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
15.15-16.00	Panji Islam	<i>Live Masjid</i> Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
16.00-17.30	Seputar Masalah Kita	Informasi Ringan Lagu Pop Indonesia	Dyan Susanti
17.30-18.00	Mutiara Senja	Ceramah Islam	Jo Ahmad
18.00-20.00	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a Pesantren Maghrib	Jo Ahmad
20.00-21.00	Kecapi	Sajian Musik Tradisional Sulawesi Selatan	Jo Ahmad
21.00-22.15	<i>Rileks Time</i>	Nuansa Lagu Pop Indonesia <i>Flashback</i>	Jo Ahmad

Jadual 3.4

*Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Khamis*

<b>Waktu</b>	<b>Program</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Juruhebah</b>
04.15-06.30	Naviri Fajar	<i>Live Masjid Ummul Qura'a</i>	Muh. Jerahadi
06.30-09.00	Lintas Kabupaten	Pesantren Subuh Berita Seputar Sulawesi Selatan	Dyan Susanti
09.00-11.30	Nuansa Pagi	Lagu Dangdut Mengangkat Topik Lagu <i>Pop Flashback</i>	Dyan Susanti
11.30-12.00	Kesejukan Hati	Ceramah Islam Rec	Ramli Alimuddin
12.00-12.35	Panji Islam	<i>Live Masjid Ummul Qura'a</i>	Ramli Alimuddin
12.35-13.00	Pengajian Siang	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
13.00-15.00	Bugis Brendendang	<i>Live Request</i> Lagu Bugis Daerah	Wa' Dundung
15.00-15.15	Kesejukan Hati	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
15.15-16.00	Panji Islam	<i>Live Masjid Ummul Qura'a</i>	Ramli Alimuddin
16.00-17.30	Seputar Masalah Kita	Informasi Ringan Lagu Pop Indonesia	Dyan Susanti
17.30-18.00	Mutiara Senja	Ceramah Islam	Jo Ahmad
18.00-20.00	Panji Islam	<i>Live Masjid Ummul Qura'a</i> Pembacaan surah Yassin	Jo Ahmad
20.00-21.00	Barazanji	Cerita Kehidupan Nabi Muhammad SAW	Jo Ahmad
21.00-22.15	<i>Rileks Time</i>	Nuansa Lagu Pop Indonesia <i>Flashback</i>	Jo Ahmad



Jadual 3.5

*Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Jumaat*

<b>Waktu</b>	<b>Program</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Juruhebah</b>
04.15-06.30	Naviri Fajar	Live Masjid Ummul Qura'a Pesantren Subuh	Muh. Jerahadi
06.30-09.00	Lintas Kabupaten	Berita Seputar Sulawesi Selatan Lagu Religi	Dyan Susanti
09.00-10.30	Nuansa Religi	Berita Seputar Islam Lagu Pop Religi	Dyan Susanti
10.30-12.35	Panji Islam	Live Masjid Ummul Qura'a Rangkaian Solat Jum'at	Dyan Susanti
12.35-13.00	Intermezzo	Selingan Lagu Kasida	Ramli Alimuddin
13.00-15.00	Bugis Brendendang	Live Request Lagu Bugis Daerah	Wa' Dundung
15.00-15.15	Kesejukan Hati	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
15.15-16.00	Panji Islam	Live Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
16.00-17.30	Seputar Masalah Kita	Informasi Ringan Lagu Pop Indonesia	Dyan Susanti
17.30-18.00	Mutiara Senja	Ceramah Islam	Jo Ahmad
18.00-20.00	Panji Islam	Live Masjid Ummul Qura'a Pesantren Maghrib	Jo Ahmad
20.00-22.15	SMS Request	Request Sapaan Pendengar Lewat SMS	Jo Ahmad

Jadual 3.6

*Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Sabtu*

<b>Waktu</b>	<b>Program</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Juruhebah</b>
04.15-06.30	Naviri Fajar	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a Pesantren Subuh	Muh. Jerahadi
06.30-09.00	Minggu Ceria	Ulasan Berita dalam Sepekan Lagu Dangdut	Dyan Susanti
09.00-11.30	Intips	Informasi dan Tips Kesehatan, Kecantikan, Dapur	Dyan Susanti
11.30-12.00	Kesejukan Hati	Ceramah Islam Rec	Dyan Susanti
12.00-12.35	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
12.35-13.00	Pengajian Islam	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
13.00-15.00	Bugis Brendendang	<i>Live Request</i> Lagu Bugis Daerah	Wa' Dundung
15.00-15.15	Kesejukan Hati	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
15.15-16.00	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
16.00-17.30	Seputar Masalah Kita	Informasi Ringan Lagu Pop Indonesia	Dyan Susanti
17.30-18.00	Mutiara Senja	Ceramah Islam	Jo Ahmad
18.00-20.00	<i>Time Request</i>	<i>Live Request</i> Melalui Telefon Pendengar	Jo Ahmad
22.00-23.00	Kenangan Malam	Lagu Pop Kenangan	Jo Ahmad

Jadual 3.7

*Program Penyiaran Radio As'adiyah Pada Hari Ahad*

<b>Waktu</b>	<b>Program</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Juruhebah</b>
04.15-06.30	Naviri Fajar	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Muh. Jerahadi
06.30-09.00	Lintas Kabupaten	Pesantren Subuh Berita Seputar Sulawesi Selatan	Dyan Susanti
09.00-11.30	Sabtu Kenangan	Lagu Dangdut Sapaan Pendengar Lewat SMS	Dyan Susanti
11.30-12.00	Kesejukan Hati	Ceramah Islam Rec.	Ramli Alimuddin
12.00-13.00	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
13.00-15.00	Bugis Brendang	<i>Live Request</i> Lagu Bugis Daerah	Wa' Dundung
15.00-15.15	Kesejukan Hati	Ceramah Islam	Ramli Alimuddin
15.15-16.00	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a	Ramli Alimuddin
16.00-17.30	Seputar Masalah Kita	Informasi Ringan Lagu Pop Indonesia	Dyan Susanti
17.30-18.00	Mutiara Senja	Ceramah Islam	Jo Ahmad
18.00-20.00	Panji Islam	<i>Live</i> Masjid Ummul Qura'a Pesantren Maghrib	Jo Ahmad
20.00-22.00	<i>Time Request</i>	<i>Live Request</i> Melalui Telfon Pendengar	Jo Ahmad
20.00-22.15	<i>SMS Request</i>	<i>Request</i> Sapaan Pendengar Lewat SMS	Jo Ahmad

Sumber : Jadual Pengajian Radio Suara As'adiyah Sengkang

Jadual program siaran seminggu Radio Suara As'adiyah di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar merupakan siaran keagamaan dan diselitkan dengan siaran-siaran hiburan. Daripada program siaran tersebut terdapat dua siaran yang dianggap sebagai program utama iaitu *Niviri Fajar* yang memuatkan acara solat subuh dan pengajian pesantren subuh. Seterusnya program *Panji Islam* memuatkan acara solat Maghrib dan Isya dan diselitkan pengajian pesantren Maghrib. Semua program ini dilaksanakan secara langsung dari Pengajian Pesantren Masjid Agung Ummul Qura' Sengkang.

Kandungan bahan pengajian meliputi semua segi ajaran Islam bermula daripada akidah, syariah, akhlak sehinggalah hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan seharian dan menjadi panduan bagi umat untuk dipergunakan pada kemaslahatan hidup di dunia dan di akhirat.

#### **3.2.3.1 Naviri Fajar (Pesantren Subuh)**

*Naviri Fajar* atau Pesantren Subuh adalah pengajian kitab yang disiarkan secara langsung (*live*) dari Masjid Ummul Qura'a pada setiap hari. Jadual penyiarannya bermula pada pukul 04.15-06.30 yang disampaikan oleh Muh. Jerahadi iaitu juruhebah Radio Suara As'adiyah Sengkang. (Pemerhatian, 12/1/2007) Pengajian ini dibawakan oleh para *anregurutta* dengan bahan pengajian adalah jadual berikut:

### Jadual 3.8

#### *Program Pengajian Pesantren Subuh*

Hari	Mata Pelajaran	Penyampai
Subuh Isnin	Kitab <i>Syarhul Hikam</i>	AG. KM. M. Suyuti, M.Ag.
Subuh Selasa	Kitab <i>Mauidzatul Mu'minin</i>	AG. H.M. Yusuf Razaq, M.Ag.
Subuh Rabu	Kitab <i>Irsyadul Ibad</i>	AG. Drs. KH. M Syu'aib Nawang
Subuh Khamis	Kitab <i>Muhazzab</i>	AG. Drs. KH. M Syu'aib Nawang
Subuh Sabtu	Kitab <i>Tafsir Jalalain</i>	AG. Prof. Dr. H.M. Rafi'i Yunus, MA.
Subuh Ahad	Kitab <i>Bulugul Maram</i>	AG. Prof. Dr. H.M. Rafi'i Yunus, MA.

Sumber : Jadual Pengajian Radio Suara As'adiyah Sengkang

Jadual menunjukkan bahawa program acara *Niviri Fajar* disampaikan secara langsung oleh para kiyai melalui pengajian pesantren dengan bahan berdasarkan pada kitab-kitab klasik.

#### **3.2.3.2 Kesejukan Hati**

Acara *Kesejukan Hati* adalah siri rakaman ceramah Islam daripada para ulama/*anregurutta* yang telah dipilih oleh pihak pengurusan Radio Suara As'adiyah. Rakaman ini disampaikan selama setengah jam, bermula pada pukul 11.30 pagi sehinggalah masuk waktu Solat Zuhur pada pukul 12.00. Hal ini dilakukan untuk memanfaatkan waktu dan sekaligus sebagai pengingat kepada seluruh masyarakat bahawa akan ketibaan waktu solat Zuhur . Acara ini disampaikan oleh juruhebah Radio Suara As'adiyah iaitu Dyan Susanti. (Pemerhatian, 12/1/207)

### **3.2.3.3 Panji Islam (Pengajian Siang/Zuhur)**

Pengajian siang pada awalnya dimulakan oleh K.H.M.Yunus Martan (*Almarhum*) sebagai pengajar tetap pada siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang. Setelah beliau meninggal, pengajian tersebut disampaikan pula oleh Drs. K.H.M.Ali Pawellangi. Pada muktamar As'adiyah VIII, K.H.Abd. Malik mendapat kepercayaan sebagai Pengurus Besar As'adiyah dan sekaligus mendapat kepercayaan bagi menyampaikan pengajian Zuhur seperti sebelum ini. Manakala Drs.K.H.M.Ali Pawellangi telah dipilih sebagai Naib dan beliau juga mempunyai jadual penyampaian iaitu pada setiap hari Khamis. (Pasanreseng, 1992: 141-142)

Apabila K.H.Abd. Malik tidak boleh pergi ke studio Radio Suara As'adiyah Sengkang kerana masalah kesihatan, pihak pengurusan Radio Suara As'adiyah akan membuat siaran langsung di kediamannya yang bersebelahan dengan studio Radio Suara As'adiyah Sengkang jika beliau mampu untuk menyampaikan pengajian. Terdapat juga keadaan yang mana beliau tidak dapat menyampaikan pengajiannya kerana masalah kesihatannya. (Wadundung, 5/2/2017).

Wadundung (Temu bual, 5/2/2017) menyatakan bahawa program ini telah dilakukan sejak 3 April 2000. Pada permulaannya, ia diadakan khusus pada bulan Ramadhan sahaja, namun disebabkan terdapat permintaan daripada pendengar maka ia diteruskan di luar bulan Ramadhan. Acara tersebut diberi nama *Panji Islam* dan disiarkan setiap hari setelah solat Zuhur. Ia mula disampaikan oleh AG. Prof. H. M. Rafi'i Yunus, MA dan dikelola oleh juruhebah Radio Suara As'adiyah iaitu Ramli Alimuddin.

Pada hari Jumaat, acara *Panji Islam* akan disiarkan secara langsung (*live*) dari Masjid Raya Sengkang bermula jam 10.30 pagi sehingga selesai solat Jumaat pukul 12.35, yang dikelola oleh juruhebah Radio Suara As'adiyah iaitu Dyan Susanti.

#### **3.2.3.4 Mutiara Senja**

Selepas acara pelaksanaan solat Maghrib dan Pesantren Maghrib, terdapat acara yang diberi nama *Mutiara Senja*, iaitu ceramah Islam yang dikelola oleh juruhebah Radio Suara As'adiyah iaitu Jo Ahmad. Program ini bermula pada pukul 17.30 dan selesai pukul 18.00 untuk melaksanakan solat Maghrib. (Jo Ahmad, 5/2/2017)

#### **3.2.3.5 Pengajian Pesantren Maghrib**

*Pengajian Pesantren Maghrib* atau *Pengajian Malam* diadakan setelah selesai solat Isya dan berlangsung selama 2 jam iaitu dari jam 18.00 dan selesai pada jam 20.00 malam.

Wadundung (Temu bual, 5/2/2017) menyatakan bahawa pengajian ini pada awalnya adalah untuk siswa kelas I,II dan III Aliyah Putra dan Putri dua kali seminggu. Pengajian pada ketika ini disesuaikan dengan kurikulum Madrasah Aliyah yang diuruskan oleh *Gurutta* (Guru kita) K.H.M.Yunus Martan tetapi setelah *Gurutta* meninggal dunia, pengajian ini diteruskan oleh murid-muridnya yang mampu untuk membawakan pengajian dan disiarkan secara langsung untuk seluruh masyarakat. Adapun jadual *Pengajian Pesantren Maghrib* Radio Suara As'adiyah Sengkang dapat dilihat pada jadual berikut :

### Jadual 3.9

#### *Program Pengajian Pesantren Maghrib*

Hari	Mata Pelajaran	Pemateri
Malam Isnin	Kitab <i>Shahih Bukhari</i>	AG. Prof. Dr. H.M. Rafi'i Yunus, MA.
Malam Selasa	Kitab <i>Tanwirul Qulub</i>	AG. Prof. Dr. H.M. Rafi'i Yunus, MA.
Malam Rabu	Kitab <i>Sunan Abi Daud</i>	AG. Dr. Muhyiddin Tahir, M.Th.I
Malam Khamis	Kitab <i>Fathul Muin</i>	AG. KH. M. Maratang S. Ag
Malam Sabtu	Kitab <i>Tafsir Jalalain</i>	AG. Prof. Dr. H.M. Rafi'i Yunus, MA.
Malam Ahad	Kitab <i>Riyadh Shalihin</i>	AG. Drs. HM. Idman Salewe, M.Th.I

Sumber : Jadual Pesantren Ma'had Ali

Daripada jadual di atas menunjukkan bahawa program acara *Pengajian Pesantren Maghrib* disampaikan secara langsung dari pengajian Pesantren As'adiyah di mana Masjid Agung Ummul Qura' dijadikan tempat pengajian (*mangaji tudang*) santri Ma'had Ali. Kitab yang digunakan adalah kitab klasik yang disebut dengan dua istilah iaitu kitab kuning atau *kitta gondolo* (kitab gondol) iaitu kitab yang tidak ada barisnya.

#### **3.2.3.6 Live Request (Tanya Jawab)**

Program ini disiarkan mulai jam 20.00-22.00 yang dikelola oleh juruhebah Radio Suara As'adiyah iaitu Jo Ahmad. Program dialog interaktif ini khusus untuk menjawab soalan/masalah-masalah yang ditanyakan oleh masyarakat melalui telefon atau SMS ke Radio Suara As'adiyah. Program ini banyak memberi manfaat kepada masyarakat kerana permasalahan keagamaan yang dihadapi dalam kehidupan seharian dapat terus dijawab dan mendapat solusi apa yang sebaiknya dilaksanakan. Dengan adanya program *Live Request* ini, masyarakat tidak perlu lagi mengirim surat melalui pos yang memakan waktu yang lama untuk sampai ke destinasiya.



Program *Live Request* adalah salah satu program yang diminati oleh masyarakat. Bahan pengajian yang diminati adalah kajian fiqh yang berkaitan dengan masalah ibadah sehari-hari.

Musdawi (Temu bual, 29/8/2016) menyatakan bahawa siaran Radio Suara As'adiyah Sengkang yang paling menarik adalah kajian fiqh yang mana siaran ini memberikan peluang kepada seluruh pendengar untuk bertanya secara langsung masalah fiqh yang ditemui dalam kehidupan seharian. Selain itu, banyak bahan dakwah yang disampaikan oleh beberapa *gurutta* yang berbeza dan tak ketinggalan juga terdapat lagu-lagu serta berita pada waktu pagi.

Selain itu, Radio Suara As'adiyah Sengkang juga menyiarkan secara langsung (*live*) setiap acara keagamaan yang ada di Sengkang seperti:

- 1) Pelaksanaan solat Jumaat yang bermula dengan pengajian ayat suci al-Qur'an, selawat, adzan, khutbah dan sehingga sampai pelaksanaan solat Jumaat berjemaah.
- 2) Pelaksanaan solat lima waktu, yang mana sama jadualnya dengan pelaksanaan solat Jumaat.
- 3) Peringatan hari-hari besar Islam seperti, solat Idul Fitri dan Idul Adha, Maulid Nabi, Israk Mikraj dan lain-lain.
- 4) Rangkaian ibadah-ibadah yang ada pada bulan Ramadhan seperti:
  - a) Ceramah terawih
  - b) Solat terawih
  - c) Solat witir
  - d) Ceramah subuh

Keseluruhan rangkaian siaran disiarkan secara langsung dari Masjid Agung Ummul Qura'a Sengkang dan dipancarkan ke semua Masjid di Kabupaten Wajo dan sekitarnya. Oleh itu, pengurus masjid tidak perlu lagi menyediakan banyak CD untuk program pengajian dan selawat, tetapi cukup dengan memiliki sebuah radio dan disambungkan ke *amplifier* masjid. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Kabupaten Wajo amat memanfaatkan medium radio ini sebagai media informasi dan hiburan di samping media-media lain. (Pemerhatian, 21/1/2017)

### **3.3 Kandungan Dakwah Radio Suara As'adiyah**

Bahan atau isi dakwah adalah mesej (*message*) yang dibawakan oleh subjek dakwah (*Da'iDa'i*) untuk disampaikan kepada objek dakwah (*Mad'uMad'u*). Bahan dakwah juga disebut sebagai ideologi dakwah iaitu merupakan ajaran Islam itu sendiri yang bersumber daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Bahan-bahan ceramah agama yang ingin disampaikan kepada *Mad'uMad'u* (khalayak) haruslah berupa suatu kebenaran, dalam erti ungkapan-ungkapan yang harus dibuktikan kebenarannya. Bahan ceramah hendaknya berdasarkan pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis disertai dengan pentafsiran dan syarahnya. Selain dalil *naqli* ini, bahan ceramah juga sepatutnya diperkuatkan oleh dalil-dalil *aqli* yang disesuaikan dengan tahap intelektual objek dakwah. Bahan dakwah juga harus berasaskan pada pembuktian logik dengan memberikan contoh hasil penyelidikan dari para pakar dalam bidang tertentu. Ia juga selari dengan cabaran pendakwah dalam menghadapi objek dakwah yang semakin hari semakin cerdas dan kritis. Dakwah tanpa pembuktian biasanya akan hambar dan kurang meyakinkan sama sekali. (Jafar, 2010: 96)

Kandungan ceramah akan bermakna dan berkualiti apabila diselitkan mesej Ilahi dalam kata lain mesej yang mengandungi dakwah ke jalan Allah. Ini kerana hanya perkataan yang berunsurkan dakwah sahaja dinilai sebagai ucapan yang paling baik. Di samping itu, nilai perkataan yang baik juga tercermin dalam cara mengkomunikasikan ajaran Islam, yang mana terangkum dalam tema: *qawlan fashihah* (perkataan yang komunikatif), *qawlan tsakila* (perkataan yang kompleks), *qawlan maysura* (ungkapan yang mudah), dan *qawlan baligha* (perkataan yang menyentuh jiwa). Selain itu, ia juga akan ditentukan oleh amal soleh dalam bentuk karya-karya yang baik yang dihasilkan dan bermanfaat kepada ramai orang dalam jangka waktu yang lama, istiqamah dalam keislamannya. (Jafar, 2010;129)

Bahan dakwah yang diperoleh daripada hasil penyelidikan dan pengamatan akan lebih menarik dan menggugah. Ia termasuklah menguji tahap kebenaran bahan dakwah yang biasa diceramahkan untuk mengembangkan dan menyempurnakannya. Selain itu, Da'i juga boleh melakukan perbandingan dakwah dengan memposisikan diri sebagai pendengar (*Mad'uMad'u*). Da'i juga sebaiknya perlu membanyakkan bahan rujukan, sama ada berupa buku, jurnal, majalah dan sebagainya yang terkait seluruh aspek kehidupan untuk memperkaya bahan ceramah yang akan disampaikan kepada *Mad'uMad'u*. (Jafar, 2010: 99).

Bahan dakwah yang disampaikan hendaklah dipraktikkan sendiri oleh pendakwah dengan prinsip "*ibda' bi nafsik*". Ini kerana ia harus dimulai pada diri pendakwah itu sendiri sebelum berdakwah kepada *Mad'u*. Di sini Da'i perlu menunjukkan keteladanan di tengah-tengah masyarakat yang menjadi objek dakwahnya. Da'i juga perlu menekankan *da'wah bi al-hal* selain daripada *da'wah bi al-kalam* atau *da'wah bi al-kitabah*. Oleh itu, ia akan menambah kredibiliti pendakwah kerana bahan-bahan

ceramahnya merupakan cerminan praktik kehidupan keagamaannya. Keberhasilan dakwah Rasulullah SAW antara lain disebabkan bahan dakwahnya menjadi sebahagian daripada pengamalan agamanya sehari-hari. Segala gerak-gerik *Da'i* selalu diperhatikan oleh masyarakat dan ia menunjukkan sikap yang tidak bijak sekiranya seorang *Da'i* menganjurkan atau memerintahkan sesuatu yang dia sendiri tidak amalkan dalam kehidupannya. (Jafar, 2010 : 87)

Secara garis besar, bahan dakwah yang perlu dipersiapkan oleh *Da'i* adalah dengan mendalami isi kandungan al-Quran yang terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu: (1) Ayat-ayat mengenai dasar-dasar keyakinan dalam Islam yang melahirkan teologi Islam; (2) Ayat-ayat mengenai soal hukum yang melahirkan ilmu hukum Islam (Fiqh); (3) Ayat-ayat mengenai soal pengabdian kepada Tuhan yang membawa ketentuan-ketentuan ibadah dalam Islam; (4) Ayat-ayat mengenai budi pekerti yang melahirkan etika Islam; (5) Ayat-ayat mengenai dekat rapatnya hubungan manusia dengan Tuhan yang kemudian melahirkan mistisisme Islam; (6) Ayat-ayat mengenai tanda-tanda dalam alam yang menunjukkan adanya Tuhan yang mana ia membicarakan soal kejadian alam di sekitar manusia. Ayat-ayat ini menumbuhkan pemikiran filosofis dalam Islam; (7) Ayat-ayat mengenai hubungan golongan kaya dengan golongan miskin dan ini membawa pada ajaran-ajaran sosiologis dalam Islam; (8) Ayat-ayat yang ada hubungannya dengan sejarah, terutama mengenai Nabi-Nabi dan umat mereka sebelum Nabi Muhammad SAW dan umat-umat lainnya yang hancur kerana keangkuhan mereka. (Harun Nasution, 1998 : 20)

Rasulullah SAW dalam berdakwah senantiasa menjadikan al-Quran sebagai rujukan. Beliau mendakwahkan firman Allah dan menyampaikan pula penjelasannya. Hal ini dapat diketahui melalui firman Allah SWT:

...وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Ertinya :

*...Dan kami turunkan kepadamu Al-Quran agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan. (Al-Nahl 16 : 44).*

Ayat ini menunjukkan peranan Rasulullah SAW sebagai penjelas terhadap firman-firman Allah dan menunjukkan fungsi *al-Sunnah* terhadap al-Quran yang didefinisikan sebagai *bayān muradullah* (penjelas tentang maksud Allah). (M. Quraish Shihab, 1996: 122-123).

Al-Quran pada dasarnya bukanlah ensiklopedia yang di dalamnya dijumpai apa saja yang dicari. Misalnya masalah solat, yang mana tidak jelas dan tegas disebut dalam al-Quran harus dilakukan lima kali sehari semalam. Begitu juga ia tidak pula disebut bilangan rakaat, waktu, bacaan dan lain-lain dari masalah solat. Demikian juga dengan soal-soal ibadah lainnya. Perincian-perincian mengenai solat, haji, puasa, zakat dan lain diketahui bukan dari al-Quran tetapi daripada Hadis yang merupakan riwayat tentang al-Sunnah. (Idris, 2007 : 57)

Meskipun demikian, tetap diakui bahawa al-Quran bertujuan antara lain: (1) Membersihkan akal dan menyucikan jiwa dari segala bentuk syirik serta memantapkan keyakinan tentang keesaan yang sempurna bagi Tuhan sekalian alam. Keyakinan yang tidak semata-mata sebagai suatu konsep teologi, tetapi juga sebagai falsafah kehidupan umat manusia; (2) Mengajarkan kemanusiaan yang adil dan beradab, yakni bahawa umat manusia merupakan suatu umat yang seharusnya dapat bekerjasama dalam pengabdian kepada Allah dan pelaksanaan tugas kekhilafahan; (3) Menciptakan persatuan dan kesatuan, bukan saja antara suku atau bangsa, tetapi

merangkumi kesatuan alam semesta, kesatuan kehidupan dunia dan akhirat, alam semula jadi dan alam ghaib, kesatuan ilmu, iman dan rasio, kesatuan kebenaran, kesatuan keperibadian manusia, kesatuan kemerdekaan dan determinisme, kesatuan sosial, politik, dan ekonomi yang mana semuanya berada di bawah satu keesaan, iaitu keesaan Allah SWT; (4) Mengajak manusia berfikir dan bekerjasama dalam bidang kehidupan bermasyarakat dan muafakat yang dipimpin oleh hikmat kebijaksanaan; (5) Membasmi kemiskinan material dan spirituil, kebodohan, penyakit, dan penderitaan hidup serta pemerasan manusia atas manusia lainnya dalam bidang sosial ekonomi, politik dan juga agama; (6) Menggabungkan kebenaran dan keadilan dengan rahmat dan kasih sayang iaitu dengan menjadikan keadilan sosial sebagai landasan pokok kehidupan manusia; (7) Memberi jalan tengah antara falsafah monopoli kapitalisme dengan falsafah kolektif komunisme, menciptakan *ummatan washatan* yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran; (8) Menekankan peranan ilmu dan teknologi, dengan menciptakan suatu peradaban yang sejalan dengan jati diri manusia, yang mana sesuai dengan padanan dan panduan nur Ilahi. (Idris, 2007 : 58) (M. Quraish Shihab, 1998 : 12-13)

Hamzah Ya'cob mengakui bahwa bahan dakwah itu luas sekali, namun pada dasarnya ia meliputi: (1) Akidah Islam, tauhid, dan keimanan; (2) Pembentukan peribadi yang sempurna; (3) Pembangunan masyarakat yang adil dan makmur; (4) Kemakmuran dan kesejahteraan dunia akhirat. (Hamzah Ya'cob, 1981 : 30)

Musdawi (Interview, 29/8/16) menyatakan bahawa kandungan dakwah yang disampaikan melalui Radio Suara As'adiyah bersumber daripada kitab-kitab klasik yang digunakan pada pengajian. Kitab-kitab yang menjadi rujukan adalah *Shahih Bukhari, Syarhul Hikam, Tanwirul Qulub, Mau'izhatul Mu'minin, Sunan Abu Daud,*

*Irsyadul 'Ibad, Fahul Mu'in, Al-Muhazzab, Tafsir Jalalain, Riyadushshalihin dan kitab Bulugul Maram.*

Kandungan dakwah yang diajarkan oleh *Anregurutta* melalui Radio Suara As'adiyah Sengkang dapat dilihat pada jadual berikut ini:

Jadual 3.10

*Nama-Nama Kitab Pengajian Radio Suara As'adiyah Sengkang*

No	Nama Kitab	Pengarang	Penyampai
1	<i>Tafsir Jalalain</i>	- Al-Allamah Jalaluddin Muhammad bin Ahmad Al-Mahally - As-Syekh Jalaludin Abd. Rahman bin Abu bakar As-Suyutiy	Prof. Dr. H. M. Rafi Yunus Martan, MA
2	<i>Riyadush Sholihin</i>	- Syekh Imam Hafidz Muhyiddin Yahya Zakaria An-Nawawi	Drs. H. M. Idman Salewe, M. Thi
3	<i>Bulugul Maram</i>	- Al- Albmah Al-Kabir Al-Muhaddits Al-Hafidz Ibnu Hajar Al- Asqalaniy	Prof. Dr. H. M. Rafi Yunus Martan, MA
4	<i>Shohih Bukhori</i>	- Al-Allamah Abu Abdullah Muhammad bin Ismail Al-Bukhari	Prof. Dr. H. M. Rafi Yunus Martan, MA
5	<i>Syarhul Hikam</i>	- Al-Allamah Muhammad bin Ibrahim Ibnu Ibadi Nafazi As-Ranadiy	Drs. H. M. Suyuti Gaffar, M. Pd. I
6	<i>Tanwirul Qulub</i>	- Syekah Muhammad Amin Al-Irbily Asy-Syafi'i	Prof. Dr. H. M. Rafi Yunus Martan, MA
7	<i>Mau'idzatul Mu'minin</i>	- Al-Allamah Syekh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimiy	Drs. H. Yusuf Razak, M. Pd. I
8	<i>Sunan Abu Daud</i>	- Al-Imam Al-Hafidz Abu Daud Sujasman Ibnu Asy'ats As-Sajastaniy Al-Azadiy	Dr. KH. Muhyiddin Thir, M.Thi
9	<i>Irsyadul Ibad</i>	- Syekh Zainuddin Abd. Aziz Al-Malibary	Drs. KH. Syuaeb Nawang
10	<i>Fathul Mu'in</i>	- Al-Allamah Syekh Zainuddin bin Abd. Aziz Al-Malibary	Nurdin Maratang, S. Ag
11	<i>Muhadzdzab</i>	- Syekh Imam Abu Ishaq Ibrahim bin Aly Ibnu Yusuf Al-Fairuzi	Drs. KH. Syuaeb Nawang

Sumber : Jadual pengajian Pesanteren Ma'had Ali Pesantren As'adiyah Sengkang.

Kitab-kitab seperti jadual di atas mengandungi isi yang merangkumi Akidah, Syariah dan Akhlak. Kandungan kitab-kitab tersebut adalah sebagai berikut :



### **3.3.1 Kitab Shahih Bukhari**

Kitab *Shahih Bukhari* merupakan kitab (buku) koleksi hadis yang disusun oleh Imam Bukhari (nama lengkap: Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Ju'fi) yang hidup antara 194 hingga 256 hijriah. Koleksi hadis ini adalah salah satu daripada yang terbaik dalam kalangan Muslim Sunni kerana Bukhari menggunakan kriteria yang sangat ketat dalam pemilihan hadis. Ia menghabiskan waktu 16 tahun untuk menyusun koleksi ini dan menghasilkan 2602 hadis dalam kitabnya (9802 dengan perulangan).

Imam Bukhari hanya memasukkan hadis dalam kitab *Shahih*-nya yang memiliki syarat iaitu perawi hadis sezaman dengan guru yang menyampaikan hadis kepadanya dan si perawi benar-benar mendengar hadis dari gurunya harus valid.

### **3.3.2 Kitab Syarhul Hikam**

*Syarhul Hikam* yang ditulis oleh Al-Allamah Muhammad Bin Ibrahim Ibn Ibadi merupakan kitab yang membicarakan tentang ilmu tauhid dan tasawuf yang berkaitan erat dengan akidah Islam dan permasalahannya. Ia mencakupi segala ciri utama tentang tasawuf kebatinan yang perlu ada bagi setiap salik yang mencari kebahagiaan hakiki dalam menuju kepada makrifat Allah Maha Pencipta, di samping suci dari hal-hal yang mengelirukan hati serta mengeruhkan keikhlasan diri ketika berhadapan dengan Allah SWT.

### **3.3.3 Kitab Tanwirul Qulub**

*Tanwirul Qulub* merupakan salah sebuah kitab klasik karangan ulama salaf penganut Mazhab Syafi'i. Penulisnya adalah Syaikh Muhammad Amin al-Kurdi yang juga disebut sebagai Syaikh Sulaiman al-Kurdi. Beliau dilahirkan pada pertengahan abad

ke-13 di Kota Irbil dekat kota Moshul di Irak iaitu sebuah kota yang cukup popular terutama setelah serangan dan pendudukan Amerika Syarikat atas negeri itu.

Kitab *Tanwirul Qulub* mengandungi tiga permasalahan pokok yakni tauhid, fiqh, dan tasawuf. Pengarang kitab ini adalah salah seorang daripada tokoh yang berpengaruh di Universitas al-Azhar Mesir. Beliau juga turut terlibat dalam Majlis Tarekat Naqshabandiyah.

Terdapat sesetengah pesantren salafiah yang mengajarkan kitab ini bersama-sama dengan kitab-kitab fiqh kerana terdapat sedikit perbezaan dalam masalah fiqh yang ada dalam kitab ini. Ini kerana penulis kitab ini adalah mursyid dari Tarekat Naqshabandiyah.

Pada bahagian *pertama* kitab ini, beliau membahaskan tentang tauhid iaitu hal-hal yang wajib diketahui oleh mukallaf daripada akidah Islam. Manakala bahagian *kedua*, ia membahaskan tentang fiqh menurut pandangan Mazhab Imam Syafi'i dan pada bahagian *ketiga*, ia membahaskan tentang tasawuf yakni bagaimana seorang murid berakhlak.

#### **3.3.4 Kitab Mau'izhatul Mu'minin**

Kitab *Mau'izatul Mu'minin min Ihya Ulumuddin* merupakan kitab yang terkenal dan menjadi rujukan dan teks pengajaran Islam, khususnya dalam bidang adab dan akhlak. Kitab ini merupakan pegangan bagi ahli pengingat dan penasihat dan dijadikan rujukan atau rujukan bagi pendakwah. Ia bertindak sebagai pengingat bagi seluruh kaum mukminin, perawat jiwa bagi orang yang hidup dan pemberi semangat. Kitab ini mempunyai kandungan yang padat dan menyeluruh meliputi aspek-aspek penting yang terdapat dalam kitab asal iaitu kitab *Ihya Ulumuddin*.

### 3.3.5 Kitab Sunan Abu Daud

*Sunan Abu Daud* merupakan salah sebuah kitab yang muncul pada abad ke-3 Hijriah. Kitab ini merupakan sumber hadis Nabi yang sangat berharga dan ia dijadikan sumber rujukan kedua setelah *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Dalam kitab-kitab yang membahaskan tentang Hadis, kitab ini diakui sebagai kitab yang memiliki ketepatan yang tinggi. Dalam kitab ini terdapat 4800 hadis, yang mana ia banyak membahaskan tentang masalah-masalah fiqh.

Imam Abu Daud juga menggunakan kriteria kesahihan hadis seperti bersambungannya sanad, *dhabid*, ketidak *syadz* dan *i'ilat* kitabnya ada sebahagian sahih dan dha'if. Sistem penulisan kitab *Sunan Abu Daud* sangat baik kerana faktor-faktor berikut:

1. Ia memberi ulasan terhadap kualiti hadis.
2. Ia sangat memperhatikan matan hadis sehingga ia menyebutkan lafaz hadis ini dari *fulan*. Demikian juga apabila terdapat sebarang tambahan, ia pun menyebutkan bahawa pada matan hadis ini terdapat *ziyadah*.
3. Ia juga menghimpun beberapa jalur sanad yang lain bahkan terkadang sehingga tiga jalur sanad dalam satu hadis.

Kitab *Sunan Abu Daud* ini merupakan salah satu yang digunakan pengajian *khalaqah* anak santri Ma'had Ali As'adiyah Sengkang.

### 3.3.6 Kitab Irsyadul 'Ibad

Kitab ini ditulis oleh Syaikh Zainuddin Abdul Aziz Al- Mulyabari. Dalam menyikapi tantangan perkembangan zaman, maka manusia menghadapi berbagai-bagai masalah kehidupan. Ramai manusia bingung mencari jalan keluar dari permasalahannya.

Kitab ini hadir sebagai penunjuk jalan keluar yang berisi nasihat yang merujuk pada al-Quraan dan as-Sunnah.

Bahagian awal pembahasan merupakan masalah Iman dan sebab yang membuat seseorang menjadi murtad. Seterusnya dilanjutkan dengan huraian hadis-hadis yang menjelaskan tentang bersuci (*taharah*) berserta ragam tata caranya, bermula daripada wudhu, mandi wajib, mandi biasa sehinggalah tayammum. Kemudian dihuraikan pula tentang *fadhilah* (keutamaan) zikir dan berbagai macam ibadah solat bermula daripada solat fardhu sampai solat sunah, berserta bacaan-bacaannya.

Sebagaimana judulnya, kitab ini biasanya dijadikan pegangan dalam beribadah. Ia membimbing setiap orang untuk beribadah sesuai dengan petunjuk Rasulullah SAW yang ada dalam kitab-kitab hadis.

### **3.3.7 Kitab Fathul Mu'in**

Kitab *Fathul Mu'in* merupakan salah satu karya daripada ulama *Muta'akhirin* dalam kalangan Syafi'iyah yang menjadi kitab utama bagi pesantren di Indonesia. Kitab ini disusun oleh ulama asal Malabar, India Selatan, iaitu Syeikh Zauddin Abdul Aziz Al-Malibary. Beliau merupakan seorang ulama yang terkenal sebagai ulama karismatik yang memiliki nalar kritis dalam bidang agama. Selain daripada ahli fiqih, beliau yang merupakan murid langsung dari Syeikh Ibnu Hajar al-Haitamy yang terkenal sebagai ulama dalam bidang tasawuf, sejarah dan sastera.

Kitab *Fathul Mu'in* merupakan kitab huraian atau kitab *syarah* terhadap kitab karya penulis sendiri iaitu kitab *Qurratul 'Ain Fii Muhimmati al-din*. Berdasarkan penuturan Syeikh Zainuddin dalam khutbah kitabnya, beliau menyusun kitab ini semata-mata mengharapkan redha Allah demi kemanfaatan orang banyak. Beliau

berhasrat semoga kitab ini menjadi sebab beliau mendapatkan tempat kembali yang layak di akhirat kelak, yakni syurga Firdaus Allah SWT.

Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawasanya isi kitab ini merupakan kajian-kajian pilihan yang merujuk pada kitab-kitab pegangan buah karya ulama-ulama besar. Antaranya adalah daripada kitab-kitab karangan guru beliau iaitu Ibnu Hajar al-Haitamy, di samping kitab-kitab karangan Wajhuddin Abdurohman Bin Ziyad al-Zubaidi, Syaikhul Islam Zakariya al-Anshory, Imam Ahmad al-Mujzaddi Al-Zubaidi dan ulama-ulama lain yang merupakan *Muhaqqiq Muta'akhir*.

### **3.3.8 Kitab Al-Muhazzab**

Kitab *Al-Muhazzab* ini ditulis oleh Abu Ishaq Ibrahim Bin Ali Bin Yusuf al-Fairulbudi asy-Syairazi yang mana kitab ini merupakan salah satu daripada kitab Syafi'iyah yang diriwayatkan oleh 4 muridnya iaitu Imam Rabi, Imam Muzzani, Imam Buaihi, dan Imam Harmaluh. Kitab ini menjurus kepada pembahasan persoalan fiqih.

### **3.3.9 Kitab Tafsir Jalalain**

*Tafsir Jalalain* ditulis oleh Jalaluddin Muhammad bin Ahmad dan Jalaludin Abd. Rahman yang pembaharuannya merujuk kepada penganalisan segi susunan kalimat, asal usul kata-katanya dan segi bacaannya. Kitab tafsir ini menonjolkan segi pembaharuan Ilmu Nahwu Sharaf dan Qira'ahnya. Hal ini kerana al-Quran diturunkan dengan bahasa Arab dan untuk memahaminya dengan pemahaman yang benar, perlu terlebih dahulu memahami faktor-faktor di atas sebagai modal dasarnya.

### **3.3.10 Kitab Riyadushshalihin**

Kitab *Riyadush Sholihin* adalah sebuah kitab yang sangat masyhur dalam dunia Islam. Kitab ini telah dijadikan pegangan selama ratusan tahun bagi para ulama, pelajar dan penuntut ilmu agama di serata dunia. Kitab ini merupakan salah satu kitab wajib bagi seluruh pesantren di Indonesia.

Pengarang kitab *Riyadush Sholihin* adalah Imam Al-Alamah Al-Muhaddast Muhyidin Abu Zakariya Yahya Bin Syarif Annawawi Dimasqi as-Syafi'i. Beliau dikenali sebagai ulama yang paling alim pada zamannya. Beliau berperibadi zuhud dan warak serta kuat beramal soleh. Beliau dilahirkan di sebuah desa bernama Nawa berdekatan Damsyik, pada tahun 63 Hiriyah. Beliau mulai menuntut ilmu di sebuah sekolah agama milik Habbatullah Bin Muhammad Al-Anshori yang terkenal dengan sebutan Ibnu Rawahah.

*Riyadush Sholihin* yang bermaksud latihan orang-orang soleh, dibahaskan menjadi kitab yang terbahagi pada 372 bab dan menyertakan sebanyak 1900 hadis. Dalam metode penulisannya, Imam An-Nawawi mengemukakan ayat-ayat al-Quran sebagai dalil-dalil utama untuk menguatkan dalil penyokong atas kitab yang akan dibahaskan. Setelah itu, beliau akan menyertakan dalil-dalil hadis sebagai penjabaran atas bab-bab yang dibahaskan tersebut.

### **3.3.11 Kitab Bulugul Maram**

Kitab *Bulugul Maram* adalah karya Al-Hafizh Ibnu Hajar al-Asqalani yang mana kitab ini merupakan kitab induk klasik yang berisi panduan komprehensif meliputi hadis-hadis hukum (fiqih) sama ada berkenaan soal ibadah, muamalat, nikah, akhlak,

keutamaan amal, *jinayat*, jihat hingga zikir dan do'a. Karya ulama besar Ibnu Hajar Al-Asqalani ini disusun sangat sistematis, ringkas dan bersumber dari kitab primer hadis (*kutub as-Sittah*). Buku ini sentiasa menjadi rujukan ulama kerana setiap hadis yang disebutkan di dalamnya disertakandengan penjelasan tahap atau kedudukan sesebuah hadis.

Oleh itu, *Bulugul Maram* adalah sebuah kitab yang amat baik untuk meneladani Rasulullah SAW dalam berbagai-bagai bentuk kehidupan.

### **3.4 Rumusan**

Bahagian ini menjelaskan kaedah penyampaian dan kandungan dakwah Radio Suara As'adiyah. Pembahasan kaedah penyampaian dakwah bermula daripada juruhebah. Pendengar akan tertarik untuk mendengarkan radio apabila juruhebah sebuah siaran radio mampu menarik perhatian mereka. Seterusnya adalah pendakwah atau *Da'i* yang menyampaikan pesan-pesan dakwah. Pendakwah Radio Suara As'adiyah kebanyakannya berasal dari Ustaz dan Kiyai Pondok Pesantren As'adiyah. Selanjutnya, kandungan bahan Dakwah Radio Suara As'adiyah yang mana semuanya bersumber pada kitab-kitab klasik yang menjadi kitab utama yang dipelajari di Pesantren As'adiyah.

**BAB EMPAT**

**TAHAP PENERIMAAN DAN PERUBAHAN PENDENGAR**

**DAKWAH RADIO SUARA AS'ADIYAH**

**4.1 Pengenalan**

Pada bab ini penulis akan menghuraikan tahap penerimaan dan perubahan ke atas masyarakat setelah mendengar dakwah daripada Radio Suara As'adiyah. Sebelum membahaskan tahap perubahan ke atas sikap masyarakat setelah mendengarkan Siaran Dakwah Radio Suara Asa'diyah, terlebih dahulu diuraikan aspek-aspek yang berkaitan dengan perubahan tersebut.

Dalam pengumpulan data dan analisis data, ia akan dimulakan dengan data yang diperoleh daripada temu bual, catatan, lapangan dan dokumen. Bagi analisis data, penulis menggunakan analisa data kualitatif (Milies & Huberman, 1998) di mana ia berdasarkan hasil temu bual, kemudian proses pengelasan dan membuat kesimpulan. Pada bab ini akan dibahas hasil temu bual berdasarkan panduan terhadap pendengar Radio As'adiyah di Kabuapten Wajo.


**4.2 Tahap Penerimaan Siaran Dakwah Radio Suara As'adiyah**

Pembahasan tahap penerimaan siaran dakwah oleh masyarakat pendengar Radio Suara As'adiyah terlebih dahulu dijelaskan sebagai profil responden. Setelah itu, dijelaskan tindak balas terhadap aspek penyampaian dakwah, aspek pendakwah, aspek kandungan, aspek metode penyampaian dan aspek waktu penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah. Selanjutnya akan dibahas tahap perubahan ke atas masyarakat yang telah mendengarkan Radio Suara As'adiyah.




#### 4.2.1 Profil Responden

Hasil temu bual dalam penyelidikan ke atas data primer iaitu pendengar Radio Asadiyah adalah seramai lebih kurang 92 orang responden



*Rajah 4.1* Responden Berdasarkan Jantina


Bilangan responden dalam kajian ini berdasarkan perbandingan jantina adalah lelaki sebanyak 58 atau 63 peratus dan perempuan 34 atau 37 peratus.



*Rajah 4.2* Responden Berdasarkan Umur

Daripada segi umur pula, menunjukkan 20 tahun ke bawah adalah 18 orang atau 19.4 peratus, umur antara 21-30 tahun sebanyak 21 orang atau 22.6 peratus, umur antara

31-40 tahun sebanyak 19 orang atau 20.4 peratus, umur 41-45 tahun sebanyak 26 orang atau 28 peratus dan umur 50 tahun ke atas sebanyak 9 orang atau 9.7 peratus.



*Rajah 4.3* Responden Berdasarkan Pendidikan

Pengelasan responden berdasarkan ke atas pendidikan menunjukkan bahawa tahap pendidikan sarjana adalah sebanyak 42 orang atau 47.2 peratus, pascasarjana sebanyak 25 orang atau 28.1 peratus, Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA) sebanyak 15 orang atau 6.7 peratus, Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) sebanyak 7 orang atau 7.8 pratus.

#### **4.2.2 Aspek Penyampaian Dakwah Melalui Radio Suara As'adiyah**

Hasil temu bual bagi masyarakat terhadap aspek penyampaian Dakwah melalui Radio adalah seperti berikut :


##### **4.2.2.1 Minat mendengarkan radio**

Walaupun telah banyak pilihan media elektronik, radio masih menjadi pilihan masyarakat dalam mendapatkan informasi pada era serba masa kini, meskipun telah ada media teknologi yang lain.

Utama (2019) mengemukakan bahawa radio masih tetap menjadi pilihan walaupun pada era digital. Saya melihat bahawa media sosial bukan sebuah ancaman. Justeru, ia perlu menjadi media sokongan supaya lebih ramai masyarakat yang berilmu. Seperti yang diketahui bahawa masyarakat mulai memerlukan kelajuan dalam informasi sejak tahun 2000. Walau bagaimanapun, radio masih menjadi media yang cepat dalam menyampaikan informasi, murah dan mudah diakses.

Hasil temu bual ke atas 92 orang responden terhadap kegemaran atau minat mendengarkan radio menunjukkan bahawa semua responden mendengar siaran radio.

Hal ini dapat diketahui dari rajah berikut:



Rajah 4.4 Minat Mendengarkan Radio

Rajah di atas menggambarkan minat responden mendengar radio sebanyak 64 atau 69.6 peratus, manakala yang selalu mendengarkan radio adalah sebanyak 28 atau 30.4 peratus yang kadang-kadang mendengarkan Radio; 0 peratus yang tidak pernah mendengarkan radio.

Walaupun saat ini terlihat hampir semua orang menggunakan sumber informasi dari telefon pintar khususnya kalangan muda dan remaja tetapi mendengarkan radio masih menjadi pilihan. Bahkan telefon pintar menjadi media untuk mendengarkan


radio. Berdasarkan hasil kaji selidik, Nielsen Radio Audience Measurement (2016) mengemukakan bahawa ditemukan 4 dari 10 orang pendengar radio mendengarkan radio melalui perangkat telefon pintar.

Nielsen Radio Audience Measurement (2016) mencatat bahawa meskipun Internet tumbuh pesat, tidak bererti bahawa peratusan pendengar radio menjadi rendah. Walaupun peratusan media televisyen (96%), media luar ruang (52%) dan Internet (40%) masih tinggi namun media radio masih cukup baik di angka 38 peratus.

Hal ini menunjukkan bahawa pada saat ini radio masih menjadi media yang masih sangat popular digunakan oleh masyarakat.

#### 4.2.2.2 Minat mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah

Hampir semua responden yang gemar mendengarkan radio juga gemar mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah. Hal ini dapat dilihat pada rajah berikut:



Rajah 4.5 Minat responden mendengarkan siaran Dakwah Radio Suara As'adiyah

Soalan yang ditanya terhadap responden sama ada responden pernah mendengarkan Radio As'adiyah menunjukkan bahawa 64 atau 69.6 peratus selalu mendengarkan radio; 27 atau 29.3 peratus menyatakan kadang-kadang mendengar; 1 atau 1.1 peratus yang tidak pernah mendengar.

Kegemaran mendengarkan Radio Suara As'adiyah telah menjadi sebahagian dari hidup masyarakat Kabupaten Wajo kerana mereka gelisah apabila kualiti penyiaran menghadapi gangguan atau Radio Suara As'adiyah tidak ke udara.

Sulle (2019) menyatakan bahawa beliau sangat gelisah jikalau tiba-tiba Radio Suara As'adiyah tidak ke udara dan pernah satu ketika saya menyangka bahawa pencawang radio mengalami kerosakan tetapi rupanya terdapat penambahbaikan kualitifrekuensi daripada siaran AM ke FM.

Terlebih lagi pada saat dalam perjalanan menggunakan kereta, mendengarkan radio adalah pilihan yang selesa, iaitu memandu kereta sambil mendengarkan radio.

Musdawi (2019) mengatakan bahawa saat beliau mengemudi kenderaan, selain memainkan muzik, mendengarkan radio adalah pilihan yang baik. Apatah lagi jikamendengarkan Radio Suara Asadiyah. Selain mendengarkan dakwah, ia juga menjadi pengingat akan masuknya waktu solat ketika dalam perjalanan.

Kegemaran mendengarkan Radio Suara As'adiyah mempunyai bermacam-macam cara sama ada dengan sengaja menunggu waktu penyiaran ini, atau secara kebetulan sahaja, malah ada yang gemar mendengarkan pada saat menjelang waktu shalat.

Kegemaran masyarakat Kabuapten Wajo mendengarkan Radio Suara As’adiyah berdasarkan hasil temu bual dapat dilihat pada rajah berikut :



Rajah 4.6 Cara responden mendengarkan siaran Dakwah Radio Suara As’adiyah

Berdasarkan hasil temu bual, didapati bahawa 52 atau 56.5 peratus menjawab sengaja menunggu waktu penyiaran Radio Suara As’adiyah; 36 atau 39.1 peratus menjawab mendengarkan secara kebetulan saja; selebihnya ada yang menjawab hanya selingan kerana menunggu siaran tertentu; ada yang menjawab hanya pada saat menjelang solat saja.

Kegemaran mendengarkan Radio Suara As’adiyah bukan hanya masyarakat yang ada di Kabupaten Wajo, tetapi masyarakat Kabupaten Wajo yang berada di perantauan juga tetap berusaha mendengarkan melalui Internet (*streaming*).


Waddundung (2018) menyatakan bahawa masyarakat Bugis yang ada di Pulau Kalimantan tetap mendengarkan Radio Suara As’adiyah melalui Internet (*streaming*). Bahkan ada di antaranya berkumpul sambil mendengarkan Radio Suara As’adiyah.

### 4.2.3 Aspek Pendakwah

Radio Suara As'adiyah mempunyai penilaian terhadap tokoh/pendakwah yang menyampaikan dakwah. Tokoh/pendakwah menjadi salah satu faktor yang menentukan apakah pendengar tetap akan mendengarkan siaran dakwah yang dilakukan oleh radio.

Pendakwah Radio Suara Asadiyah hampir semuanya merupakan kiyai dan ustaz dari Pondok Pesantren Asadiyah Sengkang.

Penilaian dan perhatian masyarakat Kabupaten Wajo terhadap pendakwah yang memberikan dakwah pada Radio Suara Asadiyah dari hasil temu bual dapat dilihat pada rajah berikut:



*Rajah 4.7* Perhatian pendengar Radio Suara As'adiyah terhadap narasumber yang menyampaikan dakwah

Rajah di atas menunjukkan bahawa 42 atau 45.7 peratus selalu memperhatikan siapa pendakwah yang menyampaikan dakwah; 41 atau 44.6 peratus yang kadang-kadang memperhatikan siapa pendakwah yang menyampaikan dakwah; 9 atau 9.8 peratus yang menjawab tidak pernah memperhatikan siapa pendakwah yang menyampaikan dakwah.

Masyarakat Kabupaten Wajo dalam mendengarkan dakwah senantiasa memperhatikan siapa pendakwah yang menyampaikan. Oleh karena itu, lembaga penyiaran khususnya dalam menyampaikan dakwah harus memperhatikan kelayakan pendakwah yang akan mengisi dakwah di radio. Kelayakan/Kebolehan bahan dan metode sejauh mana pendakwah memahami ajaran agama dengan baik dan benar, kerana masyarakat cenderung memperhatikan dan menerima apa yang disampaikan apabila mengenal dengan baik pendakwah yang menyampaikan dakwah.

Dalam menerima dakwah, pendakwah merupakan faktor yang tidak terlalu menjadi perhatian bagi masyarakat untuk mahu mendengarkan dakwah. Hal ini ditunjukkan pada sikap masyarakat dalam menerima siaran dakwah dari Radio Suara As'adiyah Sengkang dapat dilihat pada rajah berikut.



Rajah 4.8 Sikap masyarakat Kabupaten Wajo dalam menerima siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang



Berdasarkan rajah di atas menunjukkan bahawa terdapat 18 atau 19.5 peratus masyarakat yang mahu mendengarkan apabila pendakwahnya adalah orang yang dikenal atau disukai; 51 atau 55.4 peratus yang mahu mendengarkan meskipun pendakwahnya tidak diketahui; 24 atau 26.1 peratus yang menjawab tidak peduli walaupun siapa pendakwahnya.

Tampaknya masyarakat Kabupaten Wajo tidak terlalu mempersoalkan siapa yang menjadi pendakwah dalam mendengarkan siaran dakwah. Umumnya mahu mendengarkan walaupun tidak terlalu dikenal siapa yang menyampaikan dakwah tersebut. Tetapi dalam bentuk penerimaan dan perubahan sikap untuk melaksanakan perubahan menunjukkan masyarakat lebih bersikap memilih.

Penerimaan sikap masyarakat terhadap pengamalan hasil dakwah yang disampaikan berdasarkan pendakwah dapat dilihat pada rajah berikut.




Rajah 4.9 Sikap masyarakat dalam menerima materi yang disampaikan *da'i*

Rajah 4.10 di atas menunjukkan bahawa terdapat 38 atau 41.8 peratus yang menjawab mahu mendengar dan melaksanakan apabila pendakwahnya dikenal sebagai orang yang luas ilmu agamanya dan baik amalannya; 13 atau 14.3 peratus

yang menjawab mahu mendengarkan dan melaksanakan meskipun *da'inya* adalah orang yang tidak terlalu luas ilmu agamanya dan kurang amalannya; 42 atau 46 peratus yang mahu mendengarkan dan melaksanakan meskipun tidak mengetahui siapa dan bagaimana *da'inya*.

Pendengar siaran dakwah mampu bertahan dan bertambah apabila pendakwah dikenali secara baik oleh masyarakat pendengar daripada segi personaliti pendakwah tersebut Walaupun tugas juruhebah yang membuat suasana sehingga masyarakat mahu memperhatikan tetapi ia tetap bergantung pada pendakwah kerana masyarakat mahu mendengarkan siaran dakwah apabila *da'i* memiliki daya tarikan terhadap cara penyampaianya.

Hubungan masyarakat dalam mendengarkan siaran dakwah dari Radio Suara As'adiyah terhadap personaliti pendakwah ditunjukkan pada saat ditanyakan tentang perkara tersebut seperti dalam rajah berikut:



*Rajah 4.10* Keinginan mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah, kerana tertarik oleh *da'i* tertentu (misalnya kerana cara penyampainnya?)

Rajah tersebut menunjukkan bahawa 71 atau 77.2 peratus yang menjawab mahu mendengarkan dakwah kerana tertarik kepada sebab-sebab tertentu; 5 atau 6.4 peratus yang menjawab ragu-ragu; 16 atau 17.4 peratus yang menjawab tidak memperhatikan.

Pendakwah adalah salah satu aspek yang berperanan penting dalam keberhasilan penyampaian dakwah melalui radio sehinggalah tetap digemari dan dapat diterima oleh masyarakat.

Kedudukan sebuah radio pada zaman moden ini bergantung pada pendakwah tersebut. Ini kerana pilihan media dakwah semakin banyak pada zaman ini. Kemampuan seorang pendakwah dalam menyampaikan informasi kepada pendengar adalah salah satu yang dapat membuat medium radio tetap diminati oleh masyarakat. Demikian halnya dengan Radio Suara As'adiyah Sengkang yang mana sehingga saat ini ia masih wujud dan tetap diminati oleh khalayak.

Posisi pendakwah memiliki hubungan yang sangat erat dengan pendengar radio, sehingga pendakwah dituntut supaya membuat penambahbaikan supaya dakwah semakin dekat dengan pendengar. Hal ini menjadi cabaran bagi seorang pendakwah iaitu bagaimana caranya agar pendengar mendapat input sebanyak mungkin apabila mendengarkan Radio. Salah satu cara yang dilakukan adalah seorang pendakwah harus pintar membangunkan komunikasi dengan para pendengar dengan cara bercakap santai dan aktif agar pendengar selesa dalam acara yang dibawakan.

#### **4.2.4 Aspek Kandungan**


Kandungan bahan dakwah Radio Suara As'adiyah mempunyai bermacam-macam cara iaitu membentuk program yang lazimnya sama dengan radio yang lain seperti

acara muzik dangdut, pop, nasyid dan lain-lain, namun semuanya tetap mempunyai dakwah.

Berdasarkan ke atas misi Radio Suara As'adiyah sebagai radio yang didirikan oleh Pesantren maka lagu-lagu pop dan dangdut yang disiarkan semuanya mempunyai kandungan dakwah. Contoh lagu dangdut yang dipilih adalah lagu Rhoma Irama yang sarat dengan dakwah atau lagu-lagu balada yang selalu berbicara tentang alam.

Kandungan dakwah Radio Asadiyah secara umumnya bersumberkan daripada al-Quran, Hadis, Qiyas dan Ijtima Ulama. Penilaian masyarakat terhadap kandungan Dakwah Radio As'adiyah daripada hasil temu bual sebagai berikut:

Tarikan dalam mendengarkan bahan dakwah bagi pendengar siaran dakwah menunjukkan bahawa sebahagiannya tertarik dengan kandungan bahan tertentu tetapi sebahagian yang lain tidak memperdulikan kandungannya. Ia dapat dilihat pada rajah berikut:



*Rajah 4.11* Kegemaran masyarakat terhadap kandungan materi yang disampaikan melalui Radio Suara As'adiyah Sengkang

Kandungan umum bahan yang disiarkan Radio Suara As'adiyah adalah Akidah, Syariah, Akhlak atau Tasawuf. Berdasarkan hasil temu bual pada rajah di atas menunjukkan bahawa 45 atau 45.9 peratus pendengar tertarik pada kandungan bahan tertentu; 38 atau 41.8 peratus tidak menekankan isi kandungannya; 8 atau 8.8 peratus yang tidak memiliki jawapan yang pasti.

Sebahagian besar masyarakat Kabuapten Wajo tertarik mahu mendengarkan isi dakwah yang disampaikan melalui radio apabila bahan yang disampaikan dijalankan secara teratur, sistematik dan mudah difahami. Sebahagian yang lain tidak mempersoalkan perkara tersebut kerana menganggap bahawa semua kandungan dakwah tujuannya pasti baik.

Sikap masyarakat ketika mendengarkan dakwah Radio Suara As'adiyah dapat dilihat pada rajah berikut :



*Rajah 4.12* Sikap masyarakat Kabupaten Wajo ketika mendengarkan dakwah Radio Suara As'adiyah.

Berdasarkan rajah daripada hasil temu bual di atas menunjukkan bahawa 51 atau 56.7 peratus tertarik apabila bahan yang disampaikan secara teratur, sistematik dan

mudah difahami; 40 atau 44.4 peratus yang tertarik kerana menganggap semua dakwah bertujuan baik.

Berdasarkan hasil pemerhatian, ditemukan bahawa umumnya dakwah yang disampaikan oleh Radio Suara As'adiyah adalah siaran yang dilakukan secara langsung melalui pengajian pesantren dan secara langsung di studio. Namun, terdapat juga bahan dakwah yang disampaikan adalah kandungan siaran ulangan dari hasil rakaman pada saat berlangsung pengajian.

Selanjutnya berdasarkan hasil temu bual ke atas kandungan siaran ulang dapat dilihat pada rajah berikut :



*Rajah 4.13* Tindak balas sikap terhadap bahan dakwah yang disampaikan merupakan bahan (siaran) ulangan.

Berdasarkan hasil temu bual pada rajah di atas menunjukkan bahawa, terdapat 77 atau 84.6 peratus tetap mendengarkan meskipun telah diketahui; 11 atau 12.1 peratus yang terpaksa mendengarkan karena tidak ada siaran yang lebih baik; 3 atau 3.3 peratus yang tidak mahu mendengarkan dan lebih baik memilih siaran lain.

Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat cenderung tidak mpedulikan adakah kandungan siaran berulang-ulang walaupun bahan yang disampaikan telah diketahui masyarakat. Walaupun begitu, terdapat juga responden yang memilih siaran lain.

Sementara daripada segi kandungan, masyarakat menginginkan bahan yang lebih disesuaikan dengan keadaan dan membahas penyelesaian persoalan-persoalan keagamaan yang timbul. Ada juga responden yang menginginkan cara penyampaian yang menarik.

Respon masyarakat terhadap kandungan bahan yang baik untuk disiarkan melalui radio dapat dilihat pada rajah berikut :



*Rajah 4.14* Bahan dakwah yang baik untuk disiarkan di Radio Suara As'adiyah

Pada rajah di atas menunjukkan bahawa terdapat 76 atau 84.4 peratus yang mahu bahan dakwah yang bersifat baharu dan membahas persoalan-persoalan keagamaan yang sesuai dengan perkembangan zaman; 12 atau 13.3 peratus yang mengatakan tidak perlu materi yang bersifat baharu, dan yang penting adalah ia bersifat menarik; 6 atau 6.7 peratus yang menjawab cukup dengan mengulang-ulang bahan yang ada.

Berdasarkan beberapa huraian mengenai aspek kandungan siaran Dakwah Radio Suara As'adiyah, masyarakat lebih menginginkan dakwah yang disampaikan mengikuti perkembangan zaman tanpa harus mengubah ciri khas Radio Suara As'adiyah.


Perkembangan teknologi dan perubahan karakteristik dalam masyarakat menyebabkan siaran radio selain ke udara melalui pencawang yang ada, ia juga diusahakan untuk memanfaatkan sosial media dan teknologi lain. Dengan memanfaatkan hal tersebut, maka penyebaran bahan dakwah semakin luas dan lebih banyak lagi yang mendengarkan.

#### **4.2.5 Aspek Metode Penyampaian**

Penyampaian dakwah melalui Radio Suara As'adiyah menggunakan beberapa metode. Metode yang digunakan berdasarkan pada bahan penyampaian. Sebagaimana yang telah dihuraikan pada bab-bab terdahulu bahawa metode penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah terdiri daripada siaran langsung pengajian pesantren, pengajian kitab dan siaran rakaman atau siaran ulang.

Masyarakat memiliki tanggapan masing-masing terhadap metode di atas. Ada yang fanatik iaitu setiap pengajian dari Radio Suara As'adiyah pasti menarik. Selebihnya ada pula yang menginginkan metode yang lain misalnya bersifat interaktif sebagaimana dapat dilihat pada rajah berikut.






Rajah 4.15 Tindak balas masyarakat terhadap metode penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah

Berdasarkan rajah daripada hasil temu bual di atas menunjukkan bahawa 43 atau 47.3 peratus hanya tertarik pada metode tertentu (salah satunya), ada yang mengatakan pengajian dari Radio As'adiyah semuanya menarik, ada yang menjawab biasa saja, ada yang menjawab suka dengan siaran langsung pengajian pesantren, ada yang menjawab semuanya bagus dan ada yang menjawab ia bersifat interaktif.

Kemudian dari sisi tarikan masyarakat terhadap metode-metode tertentu, menunjukkan sebahagian besar responden berpandangan bahawa metode-metode yang digunakan memiliki daya tarikan dengan metode yang lain. Ia dapat dilihat dalam rajah di bawah:




*Rajah 4.16* Daya tarikan antara metode penyampaian

Daya tarikan metode yang digunakan untuk menyampaikan dakwah melalui Radio Suara Asadiyah berdasarkan ke atas rajah di atas menunjukkan 54 atau 60 peratus mengatakan bahawa ia memiliki kelebihan atau daya tarikan dari metode yang lain; 27 atau 30 peratus yang mengatakan tidak selamanya memiliki kelebihan atau daya tarik dari metode yang lain; 9 atau 10 peratus yang menjawab semua bahan sama sahaja.

Sikap masyarakat bila mana menemukan metode dakwah yang tidak disenangi pada Radio Suara As'adiyah umumnya tetap mahu mendengarkan siaran ini apabila tidak menemukan siaran lain yang lebih baik. Sebahagian cenderung memiliki sikap untuk mencari media lain yang lebih baik. Ada pula yang dengan terpaksa mendengarkan meskipun tidak berminat kerana tiada media yang lain.

Hasil temu bual sekiranya secara kebetulan metode dakwah yang disiarkan Radio Suara As'adiyah tidak disukai dapat dilihat pada rajah berikut:




*Rajah 4.17* Sikap masyarakat saat secara kebetulan metode dakwah yang disiarkan tidak disukai.

Pada rajah di atas menunjukkan bahawa 51 atau 56 peratus yang mahu mendengarkan siaran dakwah apabila tidak ada siaran lain yang lebih baik, 27 atau 29.7 peratus yang memilih lebih baik mencari siaran yang lain; 14 atau 14.4 peratus yang memilih dengan terpaksa mendengarkan meskipun tidak disenangi.

Bagi meningkatkan penerimaan dakwah dalam masyarakat moden maka metode dakwah haruslah seiring dengan pemikiran masyarakat moden melalui media yang lebih mengarah pada jangkaan kecenderungan-kecenderungan masyarakat. Oleh karena itu, seluruh komponen dan segenap aspek yang menentukan atas keberhasilan dakwah harus dijalankan secara professional dan disesuaikan dengan kondisi mad'u agar dapat menghasilkan kemasan dakwah yang benar-benar mampu memperbaiki dan meningkatkan semangat dan kesedaran yang tulus dalam mengamalkan nilai-nilai ajaran Islam.

Keberhasilan sebuah dakwah sehingga sampai pada tujuan dakwah yang diinginkan ditentukan oleh metode penyampaian yang digunakan. Hal ini seiring dengan kenyataan hasil temu bual dalam masyarakat bahawa keberhasilan dakwah ditentukan oleh metode yang digunakan sebagaimana pada rajah berikut:



Rajah 4.18 Keberhasilan dakwah ditentukan oleh metode yang digunakan


Berdasarkan hasil temu bual pada rajah di atas menunjukkan bahawa 78 atau 85.7 peratus yang mengatakan keberhasilan dakwah sangat ditentukan oleh metode yang digunakan; 13 atau 14.3 peratus yang menjawab keberhasilan dakwah tidak semestinya ditentukan oleh metode yang digunakan.

Berdasarkan keterangan pada rajah di atas menunjukkan bahawa dalam penyampaian dakwah oleh Radio As'adiyah, metode penyampaian yang digunakan sangat penting bagi mempertahankan dakwah yang diperdengarkan kepada masyarakat.

#### **4.2.6 Aspek Waktu Penyampaian**

Penyampaian dakwah melalui media Radio As'adiyah juga mementingkan aspek waktu kerana ia adalah salah satu yang menjadi perkara yang penting. Berikut adalah jawapan responden dari hasil temu bual.


Pendengar siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang daripada aspek waktu menunjukkan tanggapan yang berbagai-bagai-bagai. Separuh menyatakan bahawa aspek waktu kadang-kadang menentukan kerana mereka beranggapan bahawa hanya mendengarkan dakwah pada waktu-waktu tertentu sahaja. Hanya sebahagian kecil yang memiliki waktu untuk mengikuti keseluruhan siaran dakwah yang disampaikan Radio Suara As'adiyah. Ada juga yang mendengarkan kerana secara kebetulan sahaja. Hal ini dapat dilihat pada rajah berikut:



*Rajah 4.19* Mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang hanya pada waktu-waktu tertentu saja.

Berdasarkan jawapan responden daripada hasil temu bual menunjukkan bahawa 37 atau 40.7 peratus yang menjawab hanya mendengarkan pada waktu tertentu kerana pada waktu tersebut terdapat masa lapang untuk mendengarkan radio; 48 atau 52.7 peratus yang menjawab kadang-kadang, sebab bila ada waktu responden berusaha mendengarkannya pada waktu-waktu yang lain pula; 4 atau 4.4 peratus yang menjawab tidak kerana responden mengikuti semua pengajian. Kemudian ada juga yang menjawab hanya mendengarkan sekiranya terdapat orang yang lain yang membuka siaran tersebut. Ada juga responden yang menjawab tergantung pada kesempatan.


Waktu penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah dilaksanakan sesudah solat subuh, sesudah zuhur, sesudah maghrib dan sesudah isyak serta waktu-waktu yang lain mempengaruhi daya tarikan responden untuk mendengarkannya.



*Rajah 4.20* Pengaruh daya tarikan waktu penyiaran untuk mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah

Berdasarkan jawapan responden daripada hasil temu bual menunjukkan bahawa 67 atau 73.6 peratus yang menjawab berpengaruh; 23 atau 25.25 peratus yang menjawab kadang berpengaruh manakala selebihnya menjawab tidak ada pengaruh.


Lebih tegas lagi masyarakat Kabuapten Wajo menyatakan bahawa kejayaan siaran dakwah melalui radio ditentukan oleh waktu penyampaian. Ia dapat ditunjukkan sebagaimana pada rajah berikut:



*Rajah 4.21* Keberhasilan siaran dakwah melalui radio daripada aspek waktu penyiarannya

Pada rajah di atas menunjukkan bahawa 53 atau 58.2 peratus yang menjawab keberhasilan dakwah melalui radio ditentukan oleh waktu penyiarannya; 28 atau 30.8 peratus yang menjawab kadang-kadang waktu penyiaran mempengaruhi keberhasilan siaran dakwah melalui radio; 10 atau 11 peratus yang menjawab tidak ada pengaruh waktu penyiaran terhadap keberhasilan dakwah melalui radio.

Kajian waktu penyiaran dakwah Radio Suara As'adiyah menunjukkan bahawa waktu yang paling mendapat sambutan adalah dakwah lepas solat maghrib, kemudian lepas solat subuh, dan lepas solat zuhur. Sementara dakwah lepas solat isyak tidak banyak responden yang mendengarkan. Ia dapat ditunjukkan sebagaimana pada rajah berikut:



*Rajah 4.22* Waktu-waktu penyiaran dakwah Radio Suara As'adiyah yang digemari.

Berdasarkan jawapan responden daripada hasil temu bual menunjukkan bahawa 37 atau 41.6 peratus yang menjawab sesudah solat subuh; 12 atau 13.5 peratus yang menjawab sesudah solat zuhur; 47 atau 52 peratus yang menjawab sesudah solat maghrib; 2 atau 2.2 peratus yang menjawab sesudah solat isyak; ada pula yang


menjawab kadang, ada yang menjawab tidak menentu dan ada yang menjawab hanya pada bulan Ramadhan.

#### **4.3 Tahap Perubahan Sikap Masyarakat Setelah Mendengarkan Dakwah Radio Suara As'adiyah**

Ada tiga (3) kemungkinan kesan dakwah yang terjadi pada objek dakwah (komunikan) bila mana diterpa mesej yang disampaikan oleh subjek dakwah (komunikator) kepadanya. *Pertama*, Objek menerima dan mahu melaksanakan sesuai dengan keinginan sumber mesej (*da'i*) sehingga yang terjadi kemudian adalah *opinion change* (perubahan pendapat), *attitude change* (perubahan sikap), *behavior change* (perubahan perilaku) dan *sosial change* (perubahan sosial). *Kedua*, reaksi yang ditunjukkan oleh objek dakwah yang kritis terhadap pesanan yang diterimanya dan tidak mudah bertindak balas begitu saja, akan tetapi melakukan protes terlebih dahulu sebelum menerima dan melaksanakan pesanan tersebut. *Ketiga*, objek dakwah (komunikan) sebagai penerima pesanan bersikap ragu-ragu untuk menerima dan melaksanakan pesanan yang disampaikan oleh subjek dakwah sebagai akibat daripada adanya pesanan lain yang diterimanya. Oleh sebab itu, ketiga-tiga perkara asas tersebut perlu diperhatikan dengan teliti oleh *da'i* sebelum menyampaikan pesanannya kepada objek dakwah dengan segala variasinya. (Idris, 2007 : 88)

Perubahan yang terhasil bagi masyarakat setelah mendengar dakwah dari Radio Suara As'adiyah bergantung pada beberapa aspek, iaitu pendakwah, bahan dakwah, metode dan waktu. Empat aspek tersebut merupakan aspek yang utama sebagaimana pada rajah berikut:






Rajah 4.23 Aspek *da'i*, aspek materi, aspek metode dan aspek waktu menentukan keberhasilan dakwah melalui radio.

Berdasarkan jawapan responden daripada hasil temu bual menunjukkan bahawa, 81 atau 89 peratus yang menjawab menentukan; 6 atau 5.6 peratus yang menjawab kurang menentukan; 4 atau 4.4 peratus yang menjawab tidak menentukan.

Aspek-aspek kejayaan dakwah melalui radio saling mendukung antara satu aspek dengan aspek yang lain. Tidak ada satu aspek yang dominan kerana aspek-aspek ini merupakan faktor penentu pada penyampaian dakwah, sebagaimana pada rajah berikut:



Rajah 4.24 Aspek yang sangat berpengaruh terhadap keberhasilan dakwah melalui radio.

Berdasarkan jawapan responden daripada hasil temu bual menunjukkan bahawa 24 atau 26.4 peratus yang menjawab cara penyampaian; 21 atau 23.1 peratus yang menjawab pendakwah; 41 atau 45.1 peratus yang menjawab kandungan atau bahan dakwah; 30 atau 33 peratus yang menjawab metode penyampaian; dan yang lain menjawab semua memiliki pengaruh.

Antara satu aspek dengan aspek yang lain saling berkait terhadap keberhasilan dakwah. Pada rajah di atas menunjukkan terdapat empat aspek yang menunjukkan pengaruh yang besar iaitu aspek kandungan, metode penyampaian, pendakwah dan metode penyampaian. Sementara aspek-aspek yang lain tidak terlalu penting.

Selain aspek yang ada pada rajah yang telah diuraikan di atas, masih terdapat aspek yang menentukan pengaruh terhadap keberhasilan dakwah Radio Suara As'adiyah.

Pada jadual berikut dapat dilihat aspek-aspek yang berpengaruh terhadap keberhasilan dakwah selain yang telah disebutkan pada rajah di atas.

Jadual 4.1

Aspek yang berpengaruh terhadap keberhasilan dakwah melalui radio

<p>Aspek yang berpengaruh terhadap keberhasilan dakwah melalui radio</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Faktor lain yang sangat berpengaruh adalah lembaga pendidikan, khususnya madrasah dan ponpes mengarahkan santrinya mendengar siaran Radio As'adiyah dgn memberi tugas-tugas tertentu.</li> <li>- Barakka (Berkah).</li> <li>- Jangkauan frekuensi, bersyukur kerana boleh didengarkan melalui aplikasi <i>streaming</i>.</li> <li>- Sebenarnya orang bukan hanya mendengarkan melalui radio akan tetapi memperhatikan apakah orang yang menyampaikan itu mengamalkannya pula.</li> <li>- Membahas kitab kontemporari.</li> </ul>
--	---

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Buat dialog intraktif/ruang pertanyaan melalui radio.</li> <li>- Kajian bahan yang mendalam.</li> <li>- Media penyampaian.</li> <li>- Retorik.</li> <li>- <i>Da'i/Kiyai</i>.</li> <li>- Pendakwahnya menyampaikan dengan hati yang ikhlas maka yang dengar juga akan menerima penyampaian itu kerana bahasa kalbu (hati) itu penting.</li> <li>- Kualiti jangkauan radio.</li> <li>- Jangkauan siaran.</li> <li>- Cara penyajiannya juga disesuaikan atau disertai contoh-contoh dengan masa sekarang/terkini.</li> <li>- Iklan agar orang tahu dan mau mendengarkan dakwahnya.</li> <li>- Pengamalan.</li> <li>- <i>Sound system</i>, tempat dan audiens.</li> <li>- Faktor penyiaran.</li> <li>- Faktor waktu.</li> <li>- Soal jawab tentang masalah yang kontemporari.</li> <li>- Kerana Radio As'adiyah sudah boleh dimuat turun di telefon pintar.</li> <li>- Ada sesi soal jawabnya.</li> <li>- Bahasa.</li> <li>- Signal yang baik kerana jika banyak gangguan maka kurang enak didengar.</li> <li>- Keikhlasan guru.</li> <li>- Intonasi suara dari <i>da'i</i>, tidak perlu bersuara yang tegas, asal dapat difahami apa yang disampaikan dengan mudah.</li> <li>- Faktor personal setiap pendengar, jika dia alumni As'adiyah dan berada di persekitaran As'adiyah, maka akan sangat tertarik dengan Radio As'adiyah.</li> <li>- Cara penyampaian.</li> <li>- Cara berbicara yang menarik.</li> <li>- Tertarik dengan masalah keagamaan.</li> <li>- Cara menyampaikan dan kandungan bahannya juga bermanfaat.</li> </ul>
--	---

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Televisyen.</li> <li>- Alat-alat yang baik.</li> <li>- Bergantung pada isi bahan.</li> <li>- Faktor lingkungan.</li> <li>- <i>Da'i</i> yang menyampaikan dan metode dakwah yang digunakan.</li> <li>- Cara penyampaian yang jelas dan mudah difahami adalah salah satu faktor yang berpengaruh terhadap keberhasilan dakwah melalui radio.</li> <li>- Penguasaan bahan dakwah.</li> <li>- Kandungan dan bahan dakwah.</li> <li>- Metode penyampaian.</li> <li>- Kemampuan jangkauan sangat penting ditingkatkan.</li> <li>- Frekuensi radionya.</li> <li>- Bahan yang menarik dan cara penyampaian yang tidak membosankan.</li> <li>- Media radio walaupun sudah usang masih banyak yang tertarik kerana bahannya adalah dakwah.</li> <li>- Kaitannya bahan dakwah dengan keperluan hidup sehari-hari.</li> </ul>
--	--

Jual di atas yang menghimpunkan jawapan-jawapan responden terhadap perubahan sikap setelah mendengarkan dakwah setelah dipengaruhi oleh beberapa aspek. Selain aspek pendakwah, bahan dakwah, metode dan waktu, terdapat juga aspek yang bersifat teknikal. Kualiti siaran yang disiarkan oleh pencawang yang baik dapat menghasilkan suara yang jelas.

Masyarakat Kabupaten Wajo umumnya menyatakan kesyukuran dengan dakwah yang telah didengarkan dari Radio Suara Asa'diyah kerana bertambah pengetahuan agama mereka dan mereka berusaha untuk melaksanakan perintah dalam kehidupan seharian. Ia dapat ditunjukkan sebagaimana pada rajah berikut:




Rajah 4.25 Sikap masyarakat setelah mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang.

Berdasarkan rajah di atas menunjukkan bahawa 39 atau 42.4 peratus yang menjawab berusaha melaksanakan dalam kehidupan sehari-hari; 2 atau 2.2 peratus yang menjawab sekadar tertarik kerana menganggapnya sebagai hobi; 52 atau 56.5 peratus menjawab bersyukur kerana pengetahuan agamanya bertambah; 1 atau 1.1 peratus menjawab menjadikan tambahan ilmu dan amal; 1 atau 1.1 peratus menjawab perubahan dilaksanakan secara tidak konsisten.

Perubahan yang terjadi bagi masyarakat Kabupaten Wajo setelah mendengarkan dakwah dari Radio Suara Asadiyah pada umumnya membuahkan sikap untuk berusaha mengamalkan apa yang telah disampaikan. Kemudian ada pula yang tidak hanya berubah sikap tetapi sudah berada pada tahap perubahan perilaku akibat dakwah yang telah didengarkan.

Selain perubahan sikap dan perilaku, ada juga yang menyatakan hanya berubah dari segi ilmu pengetahuan saja tetapi belum sampai pada perubahan sikap dan

pengalaman terhadap dakwah yang telah didengarkan. Hal ini dapat dilihat pada rajah berikut:



*Rajah 4.26* Perubahan yang terjadi pada masyarakat setelah mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah.

Rajah di atas menunjukkan bahawa terdapat 25 atau 28.1 peratus yang berubah perilaku akibat dakwah yang didengarkan; 47 atau 52.8 peratus menjawab berubah sikap setelah mendengarkan dakwahnya; 10 atau 11.2 peratus yang menjawab berubah pengetahuan saja; kemudian ada yang menjawab menambah pengetahuan dan kesedaran; ada yang menjawab semangat beramal; ada yang menjawab bertambah wawasan keilmuan, dan berusaha mengaplikasikan dalam kehidupan seharian; ada yang menjawab berubah perilaku dan bertambah pengetahuan.

Kekuatan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang Kab. Wajo selama ini adalah kerana semua bahan dakwah yang disampaikan menggunakan bahasa Bugis.

Hal ini seiring dengan apa yang dikatakan oleh Musdawi (2016):

“Yang menarik dari Radio Suara As’adiyah adanya siaran dakwah dan pengajian yang banyak, apalagi dengan adanya ciri khas bahasa daerah (Bugis) yang kuat dengan (terjemah tempo dulu) dari kitab klasik ulama-ulama terdahulu. Sehingga ceramah agama yang disiarkan benar-benar sampai ke hati.” Musdawi (Temu bual, 29/8/2016)

Bahasa daerah Bugis sebagai bahasa ibu masyarakat Kabupaten Wajo Sulawesi Selatan yang digunakan dalam aktiviti dakwah Radio As’adiyah membuatkan mesej-mesej tentang nilai-nilai agama yang disampaikan oleh pendakwah (*da’i*) dapat difahami dengan baik oleh mereka (*mad’u*).

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Pada bab ini, dikemukakan kesimpulan sebagai dapatan daripada soalan umum mengenai operasi penyampaian dakwah melalui radio. Cara atau metode penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah dibawa oleh pendakwah yang dibantu oleh juruhebah. Setelah itu, pada bab ini dibahas pula kandungan dakwah Radio Suara As'adiyah, dan diteruskan pembahasan pada tahap penerimaan masyarakat setelah mendengarkan dakwah dari Radio Suara As'adiyah. Selanjutnya cadangan untuk penambahbaikan terhadap Radio Suara As'adiyah.

#### **5.2 Kesimpulan**

##### **5.2.1 Cara Penyampaian Dakwah Radio Suara As'adiyah**

Berdasarkan huraian yang telah dikemukakan pada pembahasan di atas menunjukkan bahawa cara penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah melibatkan dua faktor iatu kecekapan juruhebah dan keahlian pendakwah. Juruhebah Radio Suara As'adiyah telah memiliki keahlian dan pengalaman sehingga berhasil mempertahankan pendengar untuk tetap mendengarkan penyampaian dakwah dari Radio Suara As'adiyah. Berdasarkan pada pengalaman dan latihan-latihan yang telah mereka ikuti menunjukkan semakin bertambah jumlah keahlian pendengar dalam memandu siaran.

Penetapan ciri-ciri pendakwah untuk menyampaikan dakwah dalam Radio As'adiyah menunjukkan bahawa semua pendakwah berasal daripada guru atau ulama yang



berasal dari Pondok Pesantren As'adiyah sesuai dengan kemampuan, keahliannya dan mendapatkan restu dari Pimpinan Pusat Pondok Pesantren As'adiyah.

Penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang dilaksanakan secara *live* (langsung) pada waktu siaran pengajian pesantren yang dilaksanakan di Masjid Agung Ummul Quraa Sengkang setelah solat maghrib sampai masuk waktu solat isyak dan selepas solat subuh. Disebabkan pengajian ini dilakukan pada waktu subuh dan setelah solat maghrib, maka pengajian ini disebut dengan Pengajian Pesantren Subuh dan Pengajian Pesantren Maghrib. Panji Islam adalah penyampaian dakwah menjelang solat zuhur manakala ceramah sebelum waktu zuhur diberi nama mutiara senja.

Program acara yang interaktif diberi nama *live request* yang berisi soal jawab melalui telefon atau SMS dan ia dijawab secara langsung oleh pendakwah.

### **5.2.2 Kandungan Dakwah Radio Suara As'adiyah**

Bahan atau kandungan dakwah yang disampaikan melalui Radio Suara As'adiyah meliputi semua segi ajaran Islam mulai daripada akidah, syariah dan akhlak (tasauf) yang disesuaikan dengan kehidupan sehari-hari. Bahan yang disampaikan kesemuanya merujuk pada kitab-kitab klasik. Kitab klasik yang dimaksudkan iaitu *Sahih Bukhari, Sarhul Hikam, Tanwirul Qulub, Mau'izhatul Mu'minin, Sunan Abu Daud, Irsyadul 'Ibad, Fathul Mu'in, Al-Muhazzab, Tafsir Jalalain, Riyadushshalihin*, dan kitab *Bulugul Maram*. Kitab-kitab tersebut menjadi rujukan utama dalam rujukan pendakwah yang bersiaran di Radio As'adiyah.

### **5.2.3 Tahap Penerimaan Dakwah Radio Suara As'adiyah dalam Kalangan Masyarakat**

Masyarakat pendengar siaran dakwah Radio Suara As'adiyah pada umumnya menunggu waktu penyampaian. Ada juga yang mendengarkan secara kebetulan kerana dakwah dari radio berhubung terus melalui pengeras suara Masjid. Setelah mendengarkan dakwah tersebut, masyarakat bersyukur kerana meningkatnya ilmu pengetahuan agama mereka.

Sebahagian masyarakat Kabupaten Wajo dalam mendengarkan siaran dakwah memperhatikan pendakwah yang menyampaikan dakwah dan ada juga yang hanya kadang-kadang memperhatikan pendakwah manakala sebahagiannya tidak pernah memperhatikan pendakwah. Umumnya, masyarakat tetap mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah walaupun tidak mengenal siapa *da'i* yang menyampaikan. Sikap masyarakat setelah mendengarkan dakwah pada umumnya mahu melaksanakan perubahan, walaupun sebahagiannya tetap mempertimbangkan siapa *da'i* yang menyampaikan dakwah tersebut.

Pada aspek kandungan dakwah Radio As'adiyah pula menunjukkan bahawa masyarakat mahu mendengarkan dan tertarik pada bahan-bahan dakwah tertentu. Sebahagian pula tidak memperdulikan kandungan bahan dakwah yang disampaikan.

Pada aspek metode penyampaian dakwah, masyarakat tertarik mendengarkan dakwah apabila ia disampaikan secara teratur, sistematik dan mudah difahami. Ada juga yang tidak mempersoalkan perkara tersebut. Bagi mereka semua dakwah yang disampaikan itu baik kepada masyarakat. Penyampaian dakwah dari Radio Suara As'adiyah tetap didengarkan walaupun bahannya adalah bahan dakwah umum yang sudah diketahui. Walaupun begitu, masyarakat tetap berharap bahan dakwah yang disampaikan adalah perkara yang bersifat baharu dan membahas persoalan-persoalan

keagamaan yang sesuai dengan perkembangan zaman. Metode yang paling digemari adalah metode yang selama ini dijalankan di Radio Suara As'adiyah. Masyarakat pendengar juga turut mencari alternatif siaran lain namun mereka tetap memilih siaran Radio Suara As'adiyah sekiranya tidak menemukan siaran yang lebih baik. Metode penyampaian sangat menentukan keberhasilan sebuah dakwah melalui radio.

Aspek waktu penyiaran dakwah Radio Suara As'adiyah amat memberi kesan dalam keberhasilan dakwah melalui radio. Waktu yang paling sering diikuti adalah sesudah solat maghrib dan sesudah solat subuh.

Terdapat empat faktor utama yang sangat berpengaruh terhadap penerimaan dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang. *Pertama* tokoh *da'i* (ulama) yang membawakan pengajian yang disiarkan secara *live* di Radio Suara As'adiyah Sengkang adalah para *anregurutta* (guru) yang karismatik di daerah Sengkang. Mereka merupakan ulama yang tinggi ilmu pengetahuannya namun tetap tawaduk, berakhlak dan perilakunya setiap hari menjadi idola masyarakat.

Dalam menyampaikan pengajian, *anregurutta* (guru) biasanya membuka kitab yang diletakkan di atas sebuah meja. Kemudian beliau membaca naskah asli kitab tersebut dan menterjemahkan ertinya dalam bahasa Bugis serta memberikan syarahan isi kitab tersebut sesuai dengan konteks semasa. Pengembangan wawasan dan gagasan ulama biasanya diselitkan dalam syarahan tersebut. Walaupun kitab yang digunakan adalah klasik namun ia tetap ditarik relevan pemaknaannya dalam situasi semasa. Itulah yang menyebabkan kitab klasik tidak pernah “mati” dalam kalangan masyarakat Bugis.

*Kedua*, Kandungan (isi) siaran yang disampaikan. Kandungan dakwah yang disampaikan adalah berupa pengetahuan Islam dan nasihat-nasihat yang sesuai dengan kehidupan masyarakat sehari-hari. Ia berterusan sehingga dalam pergaulan sesama masyarakat pun diterapkan apa yang didengar dari *anregurutta*. Mereka berkeyakinan bahawa yang disampaikan oleh *anregurutta* merupakan sesuatu yang pasti kebenarannya.

*Ketiga*, Metode penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah terdiri daripada siaran langsung pengajian pesantren, pengajian kitab dan siaran rakaman atau siaran ulang.

*Keempat*, Waktu penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah dilaksanakan sesudah solat subuh, sesudah zuhur, sesudah maghrib dan sesudah isyak serta waktu-waktu yang lain.

#### **5.2.4 Tahap Perubahan Sikap daripada Penyampaian Dakwah Melalui Radio Suara As'adiyah.**

Perubahan sikap masyarakat setelah mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah disebabkan pada aspek *da'i*, kandungan, metode penyampaian dan waktu penyampaian dakwah. Berdasarkan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek yang paling berpengaruh adalah kandungan atau bahan yang disampaikan. Manakala aspek kedua yang paling berpengaruh adalah metode penyampaian dan kemudian pendakwah atau *da'i* penyampai dakwah Radio Suara As'adiyah. Selanjutnya aspek yang memberi kesan adalah waktu penyampaian.

Waktu penyampaian dakwah yang paling berpengaruh adalah selepas solat maghrib, dakwah selepas solat subuh dan kemudian selepas solat zuhur. Manakala waktu-waktu yang lain tidak terlalu digemari.

Aspek perubahan yang paling berpengaruh dirasakan setelah mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah adalah perubahan sikap setelah mendengarkan dan kemudian perubahan perilaku akibat dakwah-dakwah yang disampaikan. Sementara itu, ada juga yang merasakan perubahan hanya terhadap ilmu pengetahuan dan bertambah wawasan keilmuan sahaja.

### **5.3 Cadangan**

Hasil daripada penyelidikan boleh dijadikan bahan rujukan bagi pihak-pihak yang berkait rapat dengan penyebaran dakwah Islam melalui radio. Antara pihak lain yang berkaitan adalah :

#### **5.3.1 Pengurusan Pengelola Radio**

Program penyiaran dakwah melalui radio memerlukan perancangan dan memiliki ciri khas yang dapat diterima oleh pendengar. Pemilihan acara perlu lebih bersifat variatif dengan mempertimbangkan kegemaran pendengar.

#### **5.3.2 Juruhebah**

Bagi juruhebah yang bertugas perlu meningkatkan kualiti penyampaian dengan pemahaman keagamaan yang mendalam. Mereka perlu mengikuti latihan yang berkaitan dengan program penyiaran dakwah.

#### **5.3.3 Pendakwah**

Oleh sebab sifat radio yang hanya berteraskan audio atau bunyi, pendakwah perlu mampu bertindak seperti dalam diri pendengar agar pendengar selalu tetap mendengarkan siaran dakwah yang disampaikan.

### **5.4 Rumusan**

Kajian ini bagi menemukan kejayaan atau keberhasilan operasi penyampaian melalui radio. Penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah amat menitikberatkan pendakwah atau *da'i* yang dipandu oleh juruhebah. Sementara metode penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah umumnya berasal daripada pengajian di Pesantren As'adiyah.

Kandungan atau isi dakwah Radio Suara As'adiyah semuanya bersumber pada kitab-kitab klasik yang diajarkan di pesantren. Masyarakat mahu mendengarkan dan melaksanakan pesanan kerana ia memenuhi keperluan masyarakat.

Perubahan sikap setelah mendengarkan dakwah radio terdiri daripada perubahan pengetahuan, perubahan sikap dan perubahan perilaku.

Operasi penyampaian dakwah melalui radio harus memenuhi empat aspek iaitu pendakwah, kandungan, bahan dakwah dan waktu penyampaian. Keempat-empat aspek tersebut saling berkait antara satu dengan yang lain dalam keberhasilan penyampaian dakwah.

## BIBLIOGRAFI

- Abidin, Djamaluddin. (1996). *Komunikasi dan bahasa dakwah* (Cet. I). Jakarta: Gema Insani Press.
- Abubakar, F. (2016). Pengaruh mendengar acara dialog agama Islam di radio Republik Indonesia terhadap pengamalan agama masyarakat di muara dua Lhokseumawe. *Jurnal Perkommas*, 33-44.
- Achmad, A.S. (1992). *Komunikasi, media massa, dan khalayak*, (Cet. I). Ujung Pandang: Hasanuddin University Press.
- Achamd, A.S. (1992). *Media massa dan khalayak* (Cet. I). Ujung Pandang: Hasanuddin University Press.
- Ahmad, Dr. Abd. Kadir. (2011). *Ulama bugis* (Cet. II). Makassar: Indobis Publishing.
- Ahmad, Dr. H. Abd. Kadir. (1995). *Transformasi kelecturan di pesantren al-urwatul wutsqa* (Cet. I). Makassar: Balai Litbang Agama.
- Ahmadi, Abu. (1990). *Ilmu sosial dasar*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Ali Aziz, Moh. (2009). *Ilmu dakwah* (Cet. I). Jakarta: Kencana.
- Amin, M. Masyhur. (1997). *Dakwah Islam dan pesan moral* (Cet. I). Yogyakarta: Al-Amin Press.
- Arifin, Anwar. (2011). *Dakwah kontemporer*. (Cet. I). Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Arifin, Anwar. (1995). *Ilmu komunikasi sebuah pengantar ringkas* (Cet. III). Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Arifin, Anwar. (1994). *Strategi komunikasi sebuah pengantar ringkas* (Cet. III). Bandung: Armico.
- Arikunto, Dr.Suharsimi. (1992). *Prosedur penelitian suatu pendekatan peraktek* (Edisi Revisi). Jakarta: Rineka Cipta.
- Aripuddin, Acep. (2011). *Pengembangan metode dakwah* (Cet. I). Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada.
- Ash-Shiddieqy, M. Hasbi. (1990). *Sejarah dan pengantar ilmu tauhid/kalam* (Cet. V). Jakarta: Bulan Bintang.
- Audiantia. (1993). *Jurnal komunikasi*, Vol. I. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Bachtiar, Dr.Wardi. (1997). *Metodologi penelitian ilmu dakwah*. Jakarta: Logos.
- Bagdan, R.C., & Biklen, S.K. (1982). *Qualitative research for education*. USA: Allyn and Bacon, Inc..

- Cangara, Hafied. (1998). *Pengantar ilmu komunikasi*. Jakarta: Raja Grafindo Persasda.
- Cangara, M.Sc. Prof. Dr. Hafied. (2012). *Pengantar ilmu komunikasi* (Cet. XIII). Jakarta: Rajawali Press.
- Creswell, J.W., & Creswell, J.D. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.
- Departemen Agama RI. (1989). *Al-Quran dan terjemahnya*. Semarang: CV. Toha Putra.
- De Fleur, M. L., & Larsen, O. N. (1958). *The flow of information: An experiment in mass communication*. Transaction Publishers.
- De Fleur, M. L. (1956). A mass communication model of stimulus response relationships: An experiment in leaflet message diffusion. *Sociometry*, 19(1), 12-25.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1992). *Kamus Inggris-Melayu dewan: An English-Malay dictionary*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Efendi, Prof. Drs. Onong Uchjana. (1991). *Radio siaran teori dan praktek* (Cet. III). Bandung: CV. Mandar Maju.
- Effendi, Prof. Drs. Onong Uchjana (1999). *Ilmu komunikasi teori dan praktek* (Cet. XII). Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Effendy, MA, Prof. Drs. Onong Uchjana. (2000). *Dinamika komunikasi* (Cet. IV). Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Effendi, Onong Uchjana. (2000). *Ilmu, teori, dan filsafat komunikasi* (Cet. II). Bandung, PT. Citra Aditya Bakti.
- Emery, E. (1973). *Introduction to mass communications*.
- Faizah, Lalu Muchsin Effendi. (2012). *Psikologi dakwah* (Cet. III). Jakarta: Rahmat Semesta.
- Ghazali, M. Bahri. (1997). *Da'wah komunikatif* (Cet. I). Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya.
- Ghazali, M.A., Dr. M. Bahri. (1997). *Dakwah komunikatif membangun kerangka dasar ilmu komunikasi dakwah* (Cet. I). Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya.
- H. Ahmad Subandi, & Ahmad Supeno. (1994). *Dakwah Islamiyah* (Cet. I). Bandung PT. Remaja Rosda Karya Offset.
- Hadi, MA, Prof.Drs.Sutrisno. (1997). *Metodologi research* (Jil. I). Yogyakarta: Andi Affset.
- Hamzah Ya'cob, Dr. (1981). *Publisistik Islam teknik da'wah dan lidership*. Bandung: Diponegoro.



- Hanafi, Abdillah. (1984). *Memahami komunikasi antar manusia*. Surabaya: Usaha Nasional.
- Haq, Hamka. (1995). *Dialog pemikiran Islam (tradisionalisme, rasionalisme, dan empirisme dalam teologi, filsafat, dan ushul fiqh)*. Ujung Pandang: Yayasan Ahkam.
- Husserl, E. (1970). *The crisis of European sciences and transcendental phenomenology: An introduction to phenomenological philosophy*. Northwestern University Press.
- Idris, M. (2007). *Strategi dakwah kontemporer* (Cet. I).
- Irawan, Prasetya. (2006) *Penelitian kualitatif dan kuantitatif untuk ilmu-ilmu sosial*. Depok: Departemen Ilmu Administrasi Fisip Universitas Indonesia.
- Jafar, Iftitah, M.A., Drs. (2010). *Tafsir ayat dakwah; Pesan, metode, dan prinsip dakwah inklusif*(Cet. I). Ciputat: Mishbah Press.
- Jahi, Amri. (1988). *Komunikasi massa dan pembangunan pedesaan di negara-negara dunia ketiga*. Jakarta : PT Gramedia.
- Jahi, Amri. (1993). *Komunikasi massa dan pembangunan pedesaan di negara-negara dunia ketiga: Suatu pengantar*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edusu Dua*. (1995). Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Katz, Elihu. (1959). Mass communications research and the study of popular culture: An editorial note on a possible future for this journal. *Studies in Public Communication*, 2, 1-6. Retrieved from [https://repository.upenn.edu/asc\\_papers/165](https://repository.upenn.edu/asc_papers/165)
- Lasswell, Harold Dwight. *Communication theory*. Dicapai pada Oktober, 29, 2014 dari <http://communicationtheory.org/lasswells-model/>
- Masyhur, M. (1999). *Qudwah di jalan dakwah*, terjemah oleh Ali Hasan.
- Maxwell McCombs*. (2007). Retrieved from the agenda-setting theory: [https://www.researchgate.net/publication/28194425\\_The\\_Agenda-Setting\\_Theory](https://www.researchgate.net/publication/28194425_The_Agenda-Setting_Theory)
- McQuail, Denis, (1996). *Mass Communication theory*. Dalam Agus Dharma, S.H., M.Ed, & Drs. Aminuddin Ram, M.Ed. (Terj.), *Teori komunikasi massa sebuah pengantar* (Cet. IV). Jakarta: Erlangga.
- Miles, M.B., Huberman, A.M., Huberman, M.A., & Huberman, M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook*. Sage.
- Mulyana, Deddy, & Idy Subandi Ibrahim. (1997). *Bercinta dengan televisi: Ilusi, impresi dan imaji sebuah kotak ajaib* (Cet. I). Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.

- Munawwir, A.W. (1997). *Kamus almunawwir arab-indonesia terlengkap*. Surabaya: Pustaka Progressif.
- Munir, M, Wahyi Ilaihi. (2009). *Manajemen dakwah* (Cet. II). Jakarta: Kencana.
- Mustafa Ya'kub, Ali. (1997). *Sejarah dan metode dakwah nabi* (Cet. I). Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Nasution, Harun. (1995). *Falsafah dan mistisisme dalam Islam* (Cet. IX). Jakarta: Bulan Bintang.
- Nasution, Harun. (1998). *Islam rasional, gagasan dan pemikiran* (Cet. V). Bandung: Mizan.
- Nazir, M. (1988). *Metode penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Neuman, W.L. (2003). *Social research methods, qualitative and quantitative approaches* (Fifth ed.). Boston: Pearson Education.
- Nielsen. (2019). *Nielsen Radio Audience*. Retrieved from <https://www.nielsen.com/id/en/press-releases/2016/radio-masih-memiliki-tempat-di-hati-pendengarnya/>
- Norre, F., Peyrot, C., Garcia, C., Rancé, I., Drevet, J., Theisen, M., & Gruber, V. (2002). Powerful effect of an atypical bifactorial endosperm box from wheat HMWG-Dx5 promoter in maize endosperm. *Plant Molecular Biology*, 50(4-5), 699-712.
- Nurdin, J. (2014). *Mengenal Ulama Pencetus Dakwah via Radio*. Dicapai dari <https://ramadan.sindonews.com/read/882618/70/mengenal-ulama-pencetus-dakwah-via-radio-1405293832>
- Othman, Mohd Baharuddin., & Mohd Khairie Ahmad. (2015). *Pengantar komunikasi* (Cet. IV). Kedah, Malaysia: UUM Press.
- Patilima, Hamid. (2013) *Metode penelitian kualitatif* (Cet. IV). Bandung: ALFABETA.
- Pasanreseng, M. Y. (1992). *Sejarah lahir dan perkembangan Pondok Pesantren As'adiyah Sengkang*. Sengkang: Adil.
- Pasanreseng, M. (2015). *Efektivitas metode dakwah Pondok Pesantren As' adiyah: Telaah kritis kontribusi terhadap pembangunan keagamaan di Kabupaten Wajo*. (Doctoral dissertation). Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.
- Prastowo, Andi. (2010). *Menguasai teknik-teknik koleksi data penelitian kualitatif* (Cet. I). Jogjakarta: Diva Press.
- Putra, Nusa. (2012). *Penelitian kualitatif* (Cet. I). Jakarta Barat: Indeks.
- Rahmat, Jalaluddin. (1993). *Metode penelitian komunikasi* (Cet. III). Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.

- Rahmat, Jalaluddin. (1996). *Psikologi komunikasi* (Cet. X). Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Rakhmat, Jalaludin. (2009). *Metode penelitian komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Rakhmat, Jalaludin. (2013). *Psikologi komunikasi*. Bandung: PT. Remaja Rosda Karya.
- Riduwan. (2009). *Metode dan teknik menyusun* (Cet. II). Bandung: ALFABETA.
- Ruben. (2014). *Komunikasi dan perilaku manusia*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Rusman, Deni Kurniawan, Cepi Riyana. (2011). *Pembelajaran berbasis teknologi informasi dan komunikasi* (Cet. I). Jakarta: Rajawali Pers.
- Saeful Muhtadi, Asep. (2012). *Komunikasi dakwah* (Cet. I). Bandung: PT. Remaja Rosdakarya Offset.
- Schramm, W. (1964). *Mass media and national development: The role of information in the developing countries* (Vol. 25). Stanford, CA: Stanford University Press.
- Severin, W. J., & Tankard, J. W. (1997). *Communication theories: origins, Methods, and uses in the mass media* (4th ed.). White Plains, NY: Longman.
- Severin, W.J., & Tankard, J.W. (2011). *Teori komunikasi, sejarah, metode & terapan di dalam media massa* (Cet. V). Jakarta: Kencana.
- Shihab, M. Quraish. (1994). *Membumikan al-Quran* (Cet. II). Bandung: Mizan.
- Shihab, M. Quraish. (1996). *Membumikan al-Quran, fungsi dan peran wahyu dalam kehidupan masyarakat* (Cet. XIII). Bandung, Mizan.
- Shihab, M. Quraish. (1998). *Wawasan al-Quran, tafsir maudhu'i atas pelbagai persoalan umat* (Cet. VIII). Bandung: Mizan.
- Stamm, K. R., & Bowes, J. E. (1990). *The mass communication process: A behavioral and social perspective*. Kendall: Hunt Publishing Company.
- Subiyakto, Haryono. (1994). *Praktikum statistik dengan program mikrsotat*. Yogyakarta: STIE YPKN.
- Sugiyono. (2010). *Metode penelitian kuantitatif, kualitatif dan R&D*. Bandung: Alfabet.
- Sugiyono. (2014). *Memahami penelitian kualitatif* (Cet. IX). Bandung: Alfabet.
- Sukandarrumidi. (2004). *Metodologi penelitian* (Cet. II). Yokyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Susanto, Dr. Astrid. (1986). *Komunikasi dalam teori dan praktek* (Jilid 2-3, Cet. IV). Bandung: Binacipta.

- Susanto, A. S. (1982). *Komunikasi massa*. Binacipta.
- Syekh Ali Mahfud, (tt). *Hidayatul mursyidin*. Libanon: Darul Ma'rifat.
- Tasmara, Toto. (1997). *Komunikasi dakwah*. Jakarta: Gaya Media Pertama.
- Tesch, R. (2013). *Qualitative research: Analysis types and software*. Routledge.
- Turner, Bryan, S. (2012). *Teori sosial* (Cet. I). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.  
Diterjemahkan dari *The New Blackwell Companion to Social Theory*
- Umar, Thoha Yahya. (1967). *Ilmu dakwah*. Jakarta: Wijaya.
- Umar, Thoha Yahya. (1981). *Ilmu dakwah*. Jakarta: Wijaya.
- Usman, M.Pd., Dr. Husaini. (1998). *Metodologi penelitian sosial* (Cet. II). Jakarta: Bumi Aksara.
- Utama, S. (2019). <https://kelanakota.suarasurabaya.net>. Dicapai pada Jun 28, 2019, dari <https://kelanakota.suarasurabaya.net/news/2019/216463-Radio-Masih-Menjadi-Pilihan-di-Era-Kecepatan-Informasi>
- Wahyudi, J. B. (1996). *Dasar-dasar jurnalistik radio dan televisi* (Cet. I). Jakarta: PT. Pustaka Utama Grafiti.
- Wiryanto. (2004). *Pengantar ilmu komunikasi*. Jakarta: PT. Gramedia Widiasarana Indonesia.
- Yulia, Wanda. (2010). *Andai aku jadi penyiar*. Yogyakarta: C.V Andi Offset.
- Zaidan, Abd al-Karim. (1976). *Usul al-da'wah*. Iskandariyah: Dar 'Umar ibn al-Khattab (rad).

## **LAMPIRAN**





**PEMERINTAH PROVINSI SULAWESI SELATAN**  
**BADAN KOORDINASI PENANAMAN MODAL DAERAH**  
 Unit Pelaksana Teknis – Pelayanan Perizinan Terpadu  
 Jln. Sougarnidie No. 5 Telp. (0411) 441077 Fax. (0411) 448936  
**MAKASSAR 90222**

Makassar, 20 Januari 2016

Kepada

Nomor : 00760/P2T-BKPM/19.36P/VI/01/2016  
 Lampiran : -  
 Perihal : Izin Penelitian

Yth. Bupati Wajo

di-  
Sengkang

Berdasarkan surat Pusat Pengajian Umum Kolej Sastera & Sains Universiti Utara Malaysia Nomor : UUM/CAS/PPU/P-74/8 tanggal 18 Oktober 2015 perihal tersebut diatas, mahasiswa/peneliti dibawah ini :

Nama : Badrudin Kaddas  
 Nomor Pokok : 94205  
 Program Studi : Studi Islam  
 Pekerjaan : Mahasiswa (S3)  
 Alamat : Universiti Utara Malaysia 06010 Uum Sintok Kedah Darul Aman Malaysia

Bermaksud untuk melakukan penelitian di daerah/kantor saudara dalam rangka penyusunan Disertasi, dengan judul :

**“ANALISIS KEBERKESANAN PENYAMPAIAN DAKWAH MELALUI RADIO : KAJIAN TERHADAP RADIO SUARA AS'ADIYAH SENGGANG KABUPATEN WAJO”**

Yang akan dilaksanakan dari : Tgl. 25 Januari s/d 25 Maret 2016

Sehubungan dengan hal tersebut diatas, pada prinsipnya kami *menyetujui* kegiatan dimaksud dengan ketentuan yang tertera di belakang surat izin penelitian.

Demikian disampaikan untuk dimaklumi dan dipergunakan seperlunya.

a.n. GUBERNUR SULAWESI SELATAN  
 KEPALA BADAN KOORDINASI PENANAMAN MODAL DAERAH  
 PROVINSI SULAWESI SELATAN  
 Selaku Administrator Pelayanan Perizinan Terpadu

  
**ABU YAMIN SE, M.S**  
 Pangkat : Pembina Utama Madya  
 NIP : 19610613 199002 1 002

TENBUSAH : Kepada Yth;

1. Pusat Pengajian Umum Kolej Sastera & Sains Universiti Utara Malaysia,
2. Electronet

## Lampiran 2

### Lembar Pertanyaan Interview

Bapak/Ibu yang terhormat,

Dalam rangka kajian tesis dengan tajuk “**Oprasi Penyampaian Dakwah Melalui Radio : Kajian Kes di Kabupaten Wajo**” dimohon kesediaan Bapak/Ibu/Saudara (i) untuk menjadi responden. Kerahasiaan identitas anda mengenai kajian ini dijamin keamanannya dan tidak akan menimbulkan hal-hal negatif. Hasil kajian ini dipergunakan untuk kepentingan ilmiah serta sumbangan pemikiran bagi pengembangan dakwah.

Atas kesediaan dan partisipasinya diucapkan terima kasih.

Penyelidik

**Badruddin Kaddas**





**OPRASI PENYAMPAIAN DAKWAH MELALUI  
RADIO KAJIAN KES DI KABUPATEN WAJO**

Siswazah : Badruddin Kaddas

Penyelia : Prof. Madya Dr. Ismail B Hj. Ishak

**Identitas Responden**

Nama Lengkap :

Tempat/Tanggal Lahir : Tanggal      bln      tahun

Nomor HP/WA :

1. Jenis Kelamin
  - a. Laki-laki
  - b. Perempuan
2. Usia
  - a. < 20 th
  - b. 20 – 30 th
  - c. 31 – 40 th
  - d. 41 – 50 th
  - e. > 50 th
3. Alamat Desa: ..... Kecamatan: .....
4. Jenjang Akhir Pendidikan
  - a. SD
  - b. SLTP
  - c. SLTA
  - d. SARJANA
  - e. PASCASARJANA atau DOKTORAL
  - f. ....
5. Pekerjaan Anda Saat ini
  - a. Pegawai Negeri Sipil
  - b. TNI
  - c. Pegawai BUMN
  - d. Pegawai Swasta
  - e. Pensiunan
  - f. Wiraswasta
  - g. Mahasiswa
  - h. Pelajar
  - i. Dosen
  - j. Guru
  - k. Petani
  - l. ....

### **Bagian A: Aspek Penyampaian Dakwah Melalui Radio**

1. Apakah anda pernah mendengarkan Radio?
2. Apakah anda pernah mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah ?
3. Ketika hendak mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah apakah anda.....
  - a. Dengan sengaja menunggu waktu penyiarannya
  - b.
  - c. Secara kebetulan saja
  - d. Tidak tertarik
4. Setelah mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang, bagaimana sikap anda terhadap dakwah yang disampaikan ?

### **Bagian B : Narasumber / Dai**

5. Apabila anda mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang, apakah anda memperhatikan siapa narasumber yang menyampaikan dakwah ?
6. Bagaimana sikap anda dalam menerima siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang ?
7. Bagaimana sikap anda dalam menerima apa yang disampaikan da'i ?
8. Apakah anda mau mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah, karena *tertarik oleh dai tertentu* (misalnya karena cara penyampainnya)?

### **Bagian C : Aspek Kandungan**

9. Dalam mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang, apakah anda hanya tertarik pada materi-materi tertentu. Aqidah, Syariah, Akhlak atau Tasawuf ?
10. Bagaimana sikap anda ketika mendengarkan dakwah Radio Suara As'adiyah ?
11. Bagaimana sikap anda bila materi dakwah yang disampaikan merupakan materi (siaran) ulangan ?
12. Materi dakwah apa yang baik untuk disiarkan di Radio Suara As'adiyah?

### **Bagian D : Aspek Metode Penyampaian**

13. Diantara metode-metode siaran dakwah Radio Suara As'adiyah, misalnya siaran langsung pengajian pesantren, pengajian kitab dan pemutaran kaset ceramah, apakah anda hanya tertarik pada metode tertentu (salah satunya) ?
14. Apakah menurut anda diantara metode-metode tersebut di atas salah satunya memiliki kelebihan atau daya tarik dari metode yang lain ?
15. Bila secara kebetulan metode dakwah yang disiarkan tidak anda sukai, bagaimana sikap anda ?
16. Bagaimana menurut anda bila dikatakan bahwa keberhasilan dakwah sangat ditentukan oleh metode yang digunakan ?

### **Bagian C : Aspek Waktu Penyampaian**

17. Apakah anda mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang hanya pada waktu-waktu tertentu saja ?

18. Apakah menurut anda penyiaran dakwah pada waktu-waktu sesudah subuh, sesudah dzuhur, sesudah magrib atau sesudah isya mempengaruhi daya tarik untuk mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah ?
19. Apakah menurut anda keberhasilan siaran dakwah melalui radio ditentukan oleh waktu penyiarannya ?

#### **Bagian D : Aspek Perubahan**

20. Menurut anda, apakah aspek dai, aspek materi, aspek metode dan aspek waktu menentukan keberhasilan dakwah melalui radio ?
21. Menurut anda, selain faktor di atas faktor apakah yang sangat berpengaruh terhadap keberhasilan dakwah melalui radio ?
22. Diantara waktu-waktu penyiaran dakwah Radio Suara As'adiyah, pada waktu apakah anda sering mengikutinya ?
23. Berdasarkan pengalaman anda selama mendengarkan siaran dakwah Radio Suara As'adiyah, perubahan apa yang anda rasakan pada diri anda ?

#### **Bagian E : Saran dan Masukan**

24. Materi dakwah apa yang baik untuk disiarkan di Radio Suara As'adiyah?
25. Bagaimana saran-saran anda terhadap penyampaian dakwah Radio Suara As'adiyah Sengkang ?

## DAFTAR RESPONDEN

1. Masri S	( Interview	12/2/2019 )
2. M. Nasir	( Interview	13/2/2019 )
3. KM. Musdawi, S.AG.	( Interview	13/2/2019 )
4. Iin Parninsih	( Interview	13/2/2019 )
5. Dasmarianti	( Interview	13/2/2019 )
6. Ahmad Syukur	( Interview	13/2/2019 )
7. Kamaruddin	( Interview	13/2/2019 )
8. Andi Tenri Ampa	( Interview	14/2/2019 )
9. Mulia Asnita	( Interview	14/2/2019 )
10. Hamdan nanjar	( Interview	14/2/2019 )
11. Sairah nur	( Interview	14/2/2019 )
12. Nailay Yahya	( Interview	14/2/2019 )
13. Mahdar	( Interview	14/2/2019 )
14. Hidayani	( Interview	14/2/2019 )
15. Andi Nurul Hidayatullah	( Interview	14/2/2019 )
16. H. Muhammad Yunus Muin	( Interview	14/2/2019 )
17. Mansur DM	( Interview	14/2/2019 )
18. Jamaluddin	( Interview	14/2/2019 )
19. A.Abbas rauf Rani.Ar	( Interview	14/2/2019 )
20. Mahyuddin Said	( Interview	14/2/2019 )
21. Samsul Maarif	( Interview	14/2/2019 )
22. Samsul Bahri	( Interview	14/2/2019 )
23. Amrullah arief	( Interview	15/2/2019 )
24. Asmullah	( Interview	15/2/2019 )
25. Misbahuddin	( Interview	15/2/2019 )
26. Suwardi	( Interview	16/2/2019 )
27. Hafidz ayatullah	( Interview	16/2/2019 )
28. Hafidz ayatullah	( Interview	16/2/2019 )
29. Baso ahmad fakhrudin	( Interview	16/2/2019 )
30. Kamaluddin, S. Pd. I	( Interview	16/2/2019 )
31. Miftahuddin	( Interview	16/2/2019 )
32. Mustafa Al Mahery	( Interview	16/2/2019 )
33. Rahmatullah Ilyas	( Interview	16/2/2019 )
34. Muh. Alismahendra.AM	( Interview	16/2/2019 )
35. Alwi Muhammad	( Interview	16/2/2019 )
36. Muhamad Aris Bin Alimuddin	( Interview	16/2/2019 )
37. Muh. Khumaidi Ali, SQ, M.Th.I	( Interview	16/2/2019 )
38. Muhammad juhaefa	( Interview	16/2/2019 )
39. Muhammad Amri Amir	( Interview	16/2/2019 )
40. Suherman	( Interview	16/2/2019 )
41. Moh Arief Sah	( Interview	16/2/2019 )
42. Ahmad najib	( Interview	19/2/2019 )
43. Sitti Jazilah katu, S. Pd. I	( Interview	19/2/2019 )
44. Rustan, SE	( Interview	19/2/2019 )

45. Faisah R	( Interview	19/2/2019 )
46. Fatkhatun naimah	( Interview	19/2/2019 )
47. Marwani	( Interview	19/2/2019 )
48. Muhammad Ridwan	( Interview	19/2/2019 )
49. Muh. Alamsyah. M	( Interview	19/2/2019 )
50. Fajrul falakh	( Interview	19/2/2019 )
51. Nur Adam, S.Pd	( Interview	19/2/2019 )
52. Abdul malik	( Interview	20/2/2019 )
53. Muhammad Yusran, S. kom., M. Kom	( Interview	20/2/2019 )
54. Nurbidayah.SA	( Interview	20/2/2019 )
55. A. Bumbeng	( Interview	20/2/2019 )
56. Mahdiyyah yunus	( Interview	20/2/2019 )
57. Mustafa Rasyid,S.Pd	( Interview	20/2/2019 )
58. Nurul Hidayah Baharuddin	( Interview	20/2/2019 )
59. Febriana Awaliyah Amin	( Interview	20/2/2019 )
60. Nurfadilla	( Interview	20/2/2019 )
61. Ahmad Rusaid	( Interview	20/2/2019 )
62. Ririn Sriwardani	( Interview	20/2/2019 )
63. Zuhadani Amrella	( Interview	20/2/2019 )
64. Arni nasirah	( Interview	20/2/2019 )
65. Irfan	( Interview	20/2/2019 )
66. Nurul Islamiyah	( Interview	20/2/2019 )
67. Gusriani	( Interview	20/2/2019 )
68. Nur Hazimah	( Interview	21/2/2019 )
69. Dr. Hamzah Harun Al Rasyid	( Interview	23/2/2019 )
70. Hj. Fatmawati	( Interview	26/2/2019 )
71. Nasirah	( Interview	26/2/2019 )
72. Ummu Saad	( Interview	26/2/2019 )
73. H. Saharuddin	( Interview	26/2/2019 )
74. Nur Asri Jamal	( Interview	26/2/2019 )
75. H. Fajar P.	( Interview	26/2/2019 )
76. Masse	( Interview	26/2/2019 )
77. Indo Uleng	( Interview	26/2/2019 )
78. Hj. Sumarni	( Interview	26/2/2019 )
79. Amir hamzah	( Interview	26/2/2019 )
80. Suharman	( Interview	26/2/2019 )
81. Rahmansyah	( Interview	26/2/2019 )
82. Bece	( Interview	26/2/2019 )
83. HM. Yunus Pasangreseng Andi Padi	( Interview	26/2/2019 )
84. Muh. Yunus Muin	( Interview	26/2/2019 )
85. Nurul Marjan Mansur	( Interview	26/2/2019 )
86. Ahmad Nidhal Mansur	( Interview	26/2/2019 )
87. Fathuddin	( Interview	3/3/2019 )
88. Ahmad Jabaruddin	( Interview	3/3/2019 )
89. Nurfadilah	( Interview	8/3/2019 )
90. Sabilarasadi	( Interview	8/3/2019 )

91. Ainul Uyun  
92. Mujahid

( Interview 10/3/2019 )  
( Interview 16/3/2019 )